

PARLIMEN KESEMBILAN
Ninth Parliament
PENGGAL KETIGA
Third Session
MESYUARAT KETIGA
Third Meeting

Jilid III

Bil. 75

Hari Selasa

2 Disember 1997

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
(Ruangan)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1998

Jawatankuasa:

Jadual -

Maksud B. 48 (Ruangan)

Maksud B. 49 (Ruangan)

Maksud B. 50 (Ruangan)

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan 1998

Jawatankuasa:

Maksud P. 48 (Ruangan)

Maksud P. 49 (Ruangan)

Maksud P. 50 (Ruangan)

**Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan
Mesyuarat (Ruangan)**

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)

“ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)

Yang Berhormat Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)

- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)

Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)

- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)

- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., .D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato’ M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)

- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)

Yang Berhormat Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)

- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)

- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S.,
A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P.
(Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K.
(Bagan Datok)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S.
(Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M.,
P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu
Langat)

Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)

- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.P.M.S., S.S.M., D.H.M.S.,
S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)

- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)

Yang Berhormat Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)

- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)

- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)

Yang Berhormat Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)

- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)

- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)

Yang Berhormat Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

- “ Tuan M. Kulasegaran a/l V. Murugeson (Teluk Intan)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)

- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)

Yang Berhormat Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)

- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)

- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)

Yang Berhormat Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)

- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Haji Abdul Rahman bin Haji Ali,
D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T.,
A.S.D.K., P.S.D.

Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman

Penolong Setiausaha : Haji Mustakin bin Selamat
: Puan Nor Hayatee binti Abdullah

CAWANGAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Pegawai Penerbitan: Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan

Ketua Pelapor Perbahasan Parlimen: Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop,
P.P.N.

PELAPOR PERBAHASAN PARLIMEN

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib
Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 2 Disember 1997

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat Dato' Haji Mahbud bin Haji Hashim.

[Soalan No. 1 - Y.B. Dato' Haji Mahbud bin Haji Hasim [Sabak Bernam] tidak hadir]

PROJEK PERUMAHAN TERBENGGKALAI - LANGKAH MENGATASI

2. Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) memandangkan masih wujudnya projek-projek perumahan yang terbengkalai di negara kita, adakah kementerian bercadang mengkaji semula keputusan kerajaan untuk menghentikan program untuk memulihkan projek-projek perumahan terbengkalai; dan
- (b) apakah rancangan atau tindakan-tindakan tertentu yang dapat diambil oleh kerajaan untuk memulihkan projek-projek terbengkalai itu.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato'

Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab pertanyaan:

- (a) Pada masa ini kementerian tidak ada cadangan menghentikan usaha membantu pemulihan projek terbengkalai.
- (b) Kementerian sentiasa mengkaji kedudukan projek-projek terbengkalai dari masa ke semasa. Sekiranya ada pihak yang berminat untuk memulihkan projek terbengkalai, kementerian bersedia untuk memberi khidmat nasihat dan menyelaraskan usaha-usaha pemulihan.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan krisis ekonomi sekarang akan mengakibatkan kemungkinan lebih banyak projek perumahan akan terbengkalai, jadi apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kerajaan supaya dapat mengelakkan kemungkinan projek-projek akan terbengkalai kerana kenaikan kadar faedah atau kemerosotan perkhidmatan. Apakah langkah yang akan diambil oleh kementerian jika terdapat projek-projek perumahan seperti ini akan menjadi kenyataan. Sekian, terima kasih.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, masalah sebenarnya ialah masalah kewangan, jadi sepatutnya soalan itu dijawab oleh Kementerian Kewangan tetapi saya kira penubuhan NEAC iaitu badan penasihat yang telah ditubuhkan oleh Perdana Menteri akan diambil kira dan kemungkinan ianya juga di dalam pertimbangan NEAC.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Speaker, susulan dari jawapan Timbalan Menteri, saya hendak buat soalan tambahan. Saya hendak tahu mengenai memulihkan projek-projek terbengkalai ini nampaknya kerajaan perlu

kebenaran dari siapa, adakah kebenaran dari pembeli atau pemunya tanah tersebut. Jika kedua-dua atau satu dari pihak itu tidak memberi kebenaran untuk memulihkan projek ini, apakah tindakan kerajaan kerana di negara ini ada beberapa projek sedemikian yang lebih 10 tahun, 20 tahun. Macam di kawasan saya ada satu projek yang dimulakan oleh ahli Dewan Undangan Negeri, seorang Barisan Nasional, terlepas macam itu sahaja sejak 15 tahun. Apakah tindakan yang akan diambil? Terima kasih.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya apabila projek itu terbengkalai, pemaju mengalami masalah kewangan dan masalah kewangan ini ada terbabit dengan pihak bank dan cagaran yang diberikan oleh pihak pemaju adalah tanah yang digunakan untuk pemaju. Jadi selalunya pihak bank yang mengambil tindakan utama untuk mencari jalan memulihkan dengan apa cara pun. Jadi, persetujuan daripada pemaju adalah secara untuk hendak mendapat persetujuan. Kalau pemaju tidak bersetuju pun tetapi pihak bank mengambil tindakan dan pemaju tidak ada daya untuk memajukan, maka pihak bank akan dapat membuat keputusan dan pihak pembeli sentiasa akan berterima kasih kepada mana-mana pihak yang ingin memulihkan projek-projek yang mereka itu terlibat.

Jadi tidak berbangkit untuk mendapat kelulusan bermacam-macam pihak, tetapi ada juga projek-projek yang walaupun diusahakan untuk dimajukan atau dipulihkan semula tetapi gagal disebabkan oleh projek berkenaan tidak berdaya maju atau pemaju tidak dapat dikesan. Apabila tidak dapat dikesan, ia memakan masa yang panjang untuk menyelesaikan masalah

undang-undang. Begitu juga bank sedang mengambil tindakan untuk menggulung syarikat-syarikat pemaju. Oleh kerana pemaju sudah tidak ada, ia memakan masa yang panjang. Jadi, bukan sebenarnya projek itu tidak dapat dipulihkan tetapi oleh kerana dia tidak ada berdaya maju, jadi pihak bank memakan masa untuk menentukan.

PETRONAS - PELABURAN DALAM INDUSTRI PETROKIMIA

3. Dr. Ramli bin Taib [Kemaman] minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) berapa banyakkah pelaburan yang akan dibuat oleh Petronas dalam Industri Petrokimia dan Industri Hiliran yang lain dalam jangka lima tahun akan datang dan di manakah projek-projek ini akan dijalankan; dan
- (b) oleh kerana projek petrokimia ini melibatkan kawasan yang luas dan melibatkan kependudukan yang besar, apakah langkah-langkah yang diambil untuk menjamin keselamatan penduduk setempat, kesan ke atas alam sekitar dan sosial di kawasan berkenaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji

Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, dalam tempoh lima tahun yang akan datang Petronas bersama rakan-rakan kongsinya dijangka melabur lebih kurang RM14.85 bilion dalam projek-projek petrokimia di Kerteh, Terengganu dan Gebeng, Pahang yang akan dilaksanakan berasaskan konsep Kompleks Petrokimia Bersepadu (Integrated Petrochemical Complex).

Mengenai keselamatan penduduk setempat, pada peringkat awal Petronas telah menjalankan kajian penilaian kesan-kesan ke atas alam sekitar (environment impact assessment (EIA)) dan analisa risiko (risk analysis) bagi

mengenal pasti kesan-kesan ke atas alam sekitar dan risiko kepada penduduk setempat.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertamanya saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Petronas yang telah berjaya dalam bidang perniagaannya sampai ke Iran, merata tempat dunia kita pergi. Tetapi saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang segak ini, sejauh manakah sistem vendor terutama sekali dalam bidang petrokimia ini dan lain-lainnya telah diperturunkan kepada syarikat-syarikat bumiputera. Maksud saya, bukan setakat bekalan makanan, bekalan paip-paip, yang itu kecil sangat tetapi dari segi hi-tech kerana Petronas telah mendapat amanah ini dan sejauh manakah vendor-vendor ini diwujudkan oleh Petronas bagi menjayakan matlamat kerajaan kerana saya dapat tahu banyak sangat orang kompelin Petronas ini susah sangat hendak through, jadi di mana sangkut? Terima kasih.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kalau soalannya sejauh mana, jawapannya jauhlah. *[Ketawa]* Petronas memang sentiasa membantu peniaga-peniaga pertengahan bumiputera dalam bidang hiliran. Sebagai contoh, dalam projek yang disebut ini di mana Petronas akan membelanjakan RM14.85 bilion bagi projek lima tahun yang akan datang dalam petrokimia ini. Dengan sedianya kompleks ini maka peluang-peluang yang bakal dihasilkan ialah projek-projek ini akan menghasilkan peluang untuk aktiviti-aktiviti sokongan berkaitan terutamanya di kalangan industri kecil dan sederhana yang berasaskan barangan plastik, tekstil, oleo-chemical, electrical

dan electronic, gentian getah, cat dan sebagainya. Ini merupakan projek yang disebut oleh Yang Berhormat itu yang ada kaitan dengan projek petro-chemical. Jadi berapa jauh Petronas membantu, saya ingat jawapannya jauhlah.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kenaikan nilai ringgit Amerika dan eksport minyak kita adalah dalam bentuk US Dolar untuk menaikkan imbalan perdagangan dan pendapatan negara, apakah kerajaan bercadang untuk menaikkan pengeluaran petroleum negara kita supaya meningkatkan kadar eksport dan juga menaikkan keluaran barangan berasaskan petrol ataupun petrokimia ini.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, Petronas adalah dihadkan mengeluarkan petrol yang lebih daripada panduan yang telah diberikan kepada kita di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh iaitu maksimum yang kita boleh keluarkan ialah 650,000 barrel sehari. Jadi, sebab itu kita tidak boleh mengeluarkan lebih daripada itu kerana kalau kita mengeluarkan lebih daripada itu disabitkan untuk hendak mendapatkan foreign exchange yang lebih banyak, ini akan menjejaskan perancangan kita. Jadi, sebab itu di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh kita hanya boleh menaikkan kepada 650,000 barrel sehari sahaja dan kita tidak boleh buat lebih daripada itu kerana ia akan menjejaskan perancangan kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat Dr. Sanusi bin Daeng Mariok.

*[Soalan No. 4 - Y.B. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok [Rantau Panjang]
tidak hadir]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King.

[Soalan No. 5 - Y.B. Tuan Tiong Thai King [Lanang] tidak hadir]

PERMAINAN CATUR DALAM KURIKULUM SEKOLAH

6. Tuan Chiew Chiu Sing [Bintulu] minta Menteri Pendidikan menyatakan memandangkan hasil penemuan permainan catur yang boleh meningkatkan tingkah laku, prestasi akademik dan membina keyakinan oleh kerana catur mencabar para pelajar berfikir secara kritis dan logikal bagi menyelesaikan masalah dan membina kesabaran dan sebagainya, sama ada kementerian akan menimbang memperkenalkan permainan catur dalam program sekolah, jika ada, bila, jika tidak, mengapa, dan apakah langkah yang diambil untuk menggalakkan lebih ramai pelajar menyertai permainan ini.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permainan catur sememangnya sudah lama diperkenalkan sebagai salah satu aktiviti ko-kurikulum Kementerian Pendidikan. Pada masa ini pertandingan permainan ini dianjurkan pada peringkat sekolah, daerah, negeri dan kebangsaan.

Tuan Chiew Chiu Sing: Soalan tambahan. Sejauh manakah computer games banyak fighting games dan lumba kereta sekarang dan unsur-unsur keganasan filem di TV telah mempengaruhi pelajar kini lebih action-orientated dari mind-orientated, dengan izin. Sekian.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham tentang soalan itu.

Seorang Ahli DAP: Memang tak faham. *[Ketawa]*

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Sama ada ia satu soalan atau satu observation, saya pun tak tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, sila ulang.

Tuan Chiew Chiu Sing: Sejauh manakah computer games sekarang ada banyak fighting games dan lumba kereta dan unsur-unsur keganasan filem di TV yang telah mempengaruhi pelajar kini lebih action-orientated dari mind-orientated.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Kementerian Pendidikan menggalakkan penggunaan pembelajaran komputer dan soalan tersebut tidak berkaitan.

PENCEMARAN SUNGAI - LANGKAH MENGATASI

7. **Datuk Abu Seman bin Haji Yusof [Alor Gajah]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan bahawa kaedah pencemaran sungai di negara kita semakin mendadak, oleh yang demikian apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh kementerian untuk menghindarkan keadaan buruk ini dan berapa banyakkah tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang didapati mencemarinya bagi seluruh negara dalam tahun 1995 dan 1996.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Datuk Law Hieng Ding]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun terdapat pencemaran sungai di negara kita tetapi pencemaran tersebut masih dalam keadaan terkawal. Dari jumlah 116 lembangan sungai utama hanya 13 lembangan sungai dikategorikan sebagai sangat tercemar dan ini menunjukkan hanya 11% sahaja dari jumlah tersebut.

Di antara langkah-langkah yang sedang diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah ini ialah:

- (i) meningkatkan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan peraturan-peraturan di bawahnya;

- (ii) memberi kerjasama dan khidmat nasihat kepada agensi-agensi kerajaan yang lain termasuk pihak berkuasa tempatan untuk menerima pakai garis panduan hakisan tanah dan kelodakan bagi mengawal pencemaran sungai;
- (iii) mengadakan sesi-sesi dialog dengan pihak industri bagi membantu mereka menyelesaikan masalah yang dihadapi; dan
- (iv) menswastakan rangkaian pengawasan kualiti air sungai untuk meningkatkan tahap kebersihannya.

Di antara tahun 1995 dan 1996 terdapat 238 tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang didapati mencemari sungai dengan mendakwa di mahkamah. Pencegahan mengenai kes-kes tersebut mengikut tahun adalah seperti berikut:

1995	-	48 kes
1996	-	154 kes.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya inginkan penjelasan tambahan daripada Yang Berhormat Datuk Menteri iaitu adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan jawatankuasa kebersihan alam sekitar setempat yang terdiri daripada penduduk-penduduk tempatan yang menjadikan sungai sebagai anak angkat dan bertanggungjawab memelihara kebersihan sungai di kawasan masing-masing dan menjadikan sungai di negara kita sebagai satu aset untuk tarikan pelancong. Terima kasih.

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu cadangan yang memang baik tetapi setakat ini belum dapat diwujudkan di semua daerah atau di tempat-tempat yang tertentu. Ini memanglah satu cadangan yang kita akan kaji dan akan cuba dilaksanakan jikalau keadaan mengizinkan.

Dr. Yap Yit Thong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tanya Yang Berhormat Menteri berkenaan kempen Cintailah Sungai Kita. Saya difahamkan kempen ini telah dijalankan lebih kurang dua tahun, sejauh manakah kempen ini telah berjaya?

Datuk Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kempen Cintai Sungai ini adalah salah satu program yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran di bawah Kementerian Pertanian dan bukan di bawah kementerian saya atau Jabatan Alam Sekitar. Walau bagaimanapun, Jabatan Alam Sekitar telah memainkan peranan sebagai penasihat dan juga menduduki di dalam jawatankuasa itu sebagai salah seorang konsultan dari segi teknikal.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan negeri juga disyorkan untuk melaksanakan program pembersihan sungai-sungai dan menjalankan kempen Cintai Sungai Kita. Sehingga kini terdapat beberapa program mengenai pembersihan dan cintai sungai seperti program 10 tahun pembersihan Sungai Kelang, program pemulihan Sungai Melaka dan juga baru-baru ini diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu program pembersihan Sungai Selangor. Terima kasih.

KHIDMAT LAYAN DIRI DI STESEN MINYAK - KAJI SEMULA

8. Che Ibrahim bin Mustafa [Sungai Petani] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan adakah kerajaan berhasrat untuk mengkaji semula khidmat layan diri di stesen-stesen minyak yang sedang dilaksanakan sekarang kerana kenaikan bayaran tambahan yang dikenakan amat tidak seimbang dengan perkhidmatan yang dikenakan ke atas para pengguna.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, tujuan mengenakan bayaran tambahan 50 sen di stesen-stesen minyak ialah untuk menggalakkan pemandu-pemandu tidak menggunakan perkhidmatan pembantu pam apabila mengisi minyak kenderaan masing-masing. Walau bagaimanapun, bayaran ini dikecualikan kepada pemandu-pemandu cacat.

Sistem khidmat layan diri di stesen-stesen minyak di Lembah Kelang telah berjaya dilaksanakan dan kerajaan tidak berhasrat untuk mengkaji semula sistem tersebut kerana objektif kerajaan untuk mengurangkan penggunaan tenaga buruh asing di stesen-stesen minyak telah dicapai hasil dari sistem tersebut. Memandangkan kejayaan yang telah dicapai ini kerajaan bersedia menghapuskan bayaran 50 sen dan seterusnya akan melaksanakan sistem khidmat layan diri sepenuhnya. Cadangan ini telah dipersetujui oleh semua syarikat minyak dan persatuan pengusaha-pengusaha stesen minyak.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan bayaran tambahan ada juga terdapat stesen-stesen minyak di mana mereka memberi akaun kepada pelanggan-pelanggan dari bulan ke bulan dan dalam statement bulanan itu mereka caj 2% amaun yang dihutang dan juga ada kedai-kedai bukan sahaja pam petrol di mana mereka kenakan 3% untuk

mereka yang membeli barang dengan memakai kad kredit. Saya minta kementerian memberitahu sama ada ini boleh digalakkan oleh kerajaan atau ia adalah sah? Terima kasih.

Dato' S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, kad kredit adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan. Oleh kerana ini adalah satu kemudahan yang dibekalkan oleh institusi-institusi kewangan dengan membeli barang dan bayarannya dibuat kemudian, kalau mana-mana kad kredit digunakan mungkin ada dikenakan caj 2%kah atau yang diluluskan oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab, maka dari segi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kita tidak ada halangan, cuma kita harap pengguna menggunakan cash, jangan menggunakan banyak kad.

MAS - KESUKARAN MENDAPAT TIKET PENERBANGAN

9. Tuan Asmat Nungka [Beluran] minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) kenapakah penerbangan MAS dikatakan selalu penuh (fully booked) sedang masih ada lagi tempat duduk yang sebenarnya; dan
- (b) bolehkah pegawai MAS terutama di Bahagian Urusan jual-beli tiket MAS ditukarkan jika didapati kurang cekap semasa menjalankan tugas.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee

Heung]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi bahagian:

- (a) mengenai keadaan di mana terdapat penerbangan Malaysia MAS dikatakan selalu penuh (fully booked) sedangkan masih ada

tempat duduk, untuk makluman Yang Berhormat, keadaan-keadaan ini boleh timbul di atas sebab-sebab seperti berikut:

- (i) terdapat penumpang-penumpang yang telah membuat penempahan tiket yang sah dan membatalkan penempahan mereka pada saat-saat terakhir;
- (ii) terdapat penumpang-penumpang yang seharusnya menyambung perjalanan dari penerbangan lain gagal menyambung perjalanan oleh sebab kelewatan penerbangan pertama; dan
- (iii) terdapat penumpang-penumpang yang gagal tiba ataupun 'no show', dengan izin, apabila pesawat sudah tiba untuk berlepas.

Dalam hubungan ini, saya ingin menasihati Ahli-ahli Yang Berhormat supaya menempah tiket dengan lebih awal supaya masalah ini tidak akan timbul.

- (b) MAS sebenarnya sudah pun mempunyai garis-garis panduan dan tahap-tahap penilaian bagi mengawasi kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada semua pelanggan, misalnya MAS telah pun menetapkan satu garis panduan seperti transaction time, dengan izin, 5 minit, customer reception 3 hingga 10 minit, cash refund 24 jam dan sekiranya terdapat pegawai-pegawai yang tidak mematuhi garis-garis panduan dan tahap-tahap penilaian yang

telah ditetapkan, maka MAS akan mengambil tindakan terhadap pegawai-pegawai yang terlibat demi imej baik syarikat.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah sebabnya MAS tidak beri izin untuk ejen beri diskaun air ticket kepada ahli-ahli Parlimen kerana tiap-tiap kali buang masa banyak kalau pergi sendiri dan tunggu di sana lama untuk beli tiket sendiri. Berapa peratus (percentage) komisen MAS berikan kepada ejen-ejenya?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang pertama, memang benar oleh kerana MAS telah memberi semua ahli Parlimen sebagai satu golongan yang layak mendapat keistimewaan iaitu mendapat potongan 25% bila mereka menempah tiket di pejabat MAS ataupun ticketing office MAS sendiri untuk flight domestic dan ejen tidak dibenarkan untuk menjalankan urusan penempahan bagi ahli Parlimen sebab ejen tidak berhak untuk memberi diskaun. Saya percaya oleh kerana MAS telah memberi kelonggaran iaitu mendapat potongan 25%, saya percaya ini tidak akan menimbulkan sebarang kerumitan bagi ahli-ahli Parlimen.

Bagi menjawab soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya ejen-ejen yang diakui oleh MAS diberikan satu diskaun supaya mereka menganggap diskaun ini sebagai keuntungan dan kadar diskaun diberikan kepada ejen MAS ialah dalam lingkungan 9%. Sekian.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan selalu berlaku fully booked sedangkan sebenarnya tempat duduk masih ada dan kadang-kadang bila kita check tengok yang buat tempahan ini belum bayar pun.

Oleh kerana perkara ini selalu berlaku, adakah pihak MAS ataupun kementerian membuat kajian berapa banyakkah kerugian yang MAS tanggung akibat fully booked tetapi tidak dipenuhi?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya soal kerugian ini tidak timbul sebab semua penempahan tiket walaupun tidak membuat bayaran, semua pelanggan diberikan satu tempoh masa. Selepas tempoh masa jika pelanggan masih tidak datang untuk menjelaskan bayaran, maka MAS ataupun ejen MAS berhak untuk menjual tiket ini kepada pihak yang ketiga, oleh yang demikian kerugian memang tidak timbul langsung. Sekian.

BANDUAN DI PENJARA - PENDERITAAN

10. Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terlalu ramai banduan (forgotten convicts) di negara ini menderita (languishing) di penjara sungguhpun telah dipenjarakan lebih daripada 20 tahun iaitu tempoh maksimum penjara seumur hidup dan nyatakan berapakah jumlah banduan 'forgotten convicts' masih di penjara sehingga hari ini dan berapakah daripada mereka adalah juvana dan bagaimanakah kerajaan bercadang untuk menyelesaikan masalah ini dan adakah Badan Keampunan (Pardon Board) bersidang kerap kali untuk melaksanakan kewajibannya (sit regularly to discharge its duty).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Dalam Negeri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ya, sila.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pertanyaan mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Teluk Intan telah pun

dijawab pada 9 Oktober 1997 semasa menjawab pertanyaan Yang Berhormat dari Jelutong mengenai perkara yang sama. Oleh itu, saya tidak bercadang untuk menambah kepada jawapan yang telah diberikan.

Tuan M. Kulasegaran: Soalan tambahan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Tidak ada.

MINI PUNB DI SETIAP NEGERI - CADANGAN PENUBUHAN

11. Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut] minta Perdana Menteri menyatakan mengenai konsep yang dicadangkan oleh Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) mengenai penubuhan mini PUNB di setiap negeri dan apakah bentuk perkhidmatan yang bakal ditawarkan melalui penubuhan mini PUNB tersebut. Bilakah cadangan ini akan dimulakan pelaksanaannya.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Othman bin Abdul]: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum, program pembangunan usahawan secara bersepadu oleh PUNB telah pun berjaya melahirkan ramai usahawan bumiputera yang berjaya dalam pelbagai sektor strategik. Walau bagaimanapun, fokus PUNB yang membangunkan usahawan yang memiliki projek yang memerlukan modal berbayar melebihi RM500,000 dan program SELF oleh Kementerian Pembangunan Usahawan yang memberikan penekanan ke atas projek bernilai maksimum RM50,000 telah menyebabkan wujudnya ruang yang kurang diberikan fokus iaitu antara RM50,000 hingga RM500,000.

Di atas kesedaran ini konsep mini PUNB telah pun dicadangkan untuk setiap negeri di Malaysia yang dikendalikan oleh kerajaan negeri bagi projek

yang memerlukan modal berbayar antara RM50,000 hingga RM500,000. Adalah juga dicadangkan konsep mini PUNB ini memberi perhatian ke atas sektor yang kurang diberikan penekanan oleh PUNB seperti sektor perniagaan runcit, pelancongan dan perkhidmatan. Pendekatan berkesan yang diambil oleh PUNB di dalam agendanya membangunkan usahawan adalah difikirkan sesuai untuk digunapakai oleh mini PUNB dalam menjayakan hasrat kerajaan untuk meningkatkan bilangan bumiputera dalam kelas menengah.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Rompin.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat dari Sungai Benut kena beri kepada orang lain, sebelah bilik sahaja. Soalan tambahan kepada Dato' Setiausaha Parlimen, mungkin selalu saya bertanya kepada Yang Berhormat dari Besut. Tadi Dato' ada mengatakan tentang pembangunan usahawan melalui PUNB, syabas bila PUNB ini turun ke bawah nanti ke negeri-negeri. Persoalan saya adakah Jabatan Perdana Menteri menerima keluhan tentang masalah yang kita hadapi sekarang ini dari segi penurunan mata wang kita, kejatuhan pasaran saham, adakah ia menjejaskan mereka yang di bawah payung PUNB yang kita sedang pupuk sekarang ini. Saya minta sedikit penjelasan Dato'.

Dato' Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bahawa memang ada kesan

ke atas semua badan perniagaan, badan korporat di negara kita. Walaupun begitu, kita sedang berusaha melalui PUNB dan mini PUNB ini untuk kita tubuhkan di peringkat negeri di mana kerajaan negeri boleh memainkan peranan untuk membantu membentuk usahawan golongan menengah yang saya sebutkan tadi yang mempunyai modal di antara RM50,000 sehingga RM500,000. Jadi, sudah pastilah dengan keadaan ekonomi ini ideanya agak perlahan dalam proses pembentukan mini PUNB ini.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sejak PUNB ditubuhkan berapakah bilangan usahawan bumiputera yang telah diwujudkan dan bidang yang diceburi. Bagaimana pula PUNB menyelaraskan matlamat meningkatkan bilangan kelas menengah bumiputera dengan agensi-agensi kerajaan yang lain yang mempunyai matlamat yang sama. Sekian.

Dato' Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, soal jumlah bilangan syarikat-syarikat bumiputera yang berjaya, itu saya minta notis kerana tidak ada dalam tangan saya, tetapi program yang saya sebutkan ini ialah bagaimana organisasi boleh ditubuhkan di bawah Akta Syarikat atau atas nama yayasan atau atas nama syarikat berhad atau sendirian berhad boleh ditubuhkan tetapi pemegang sahamnya hanyalah badan-badan kerajaan atau agensi Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri sahaja. Jadi, ini telah pun kita laksanakan di Pahang dan di Terengganu dan telah pun berjaya membimbing masyarakat tempatan dalam soal hendak membentuk kelas menengah bumiputera ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood.

[Soalan No. 12 - Y.B. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood [Tumpat] tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat Tuan Jacob Dungau Sagan.

[Soalan No. 13 - Y.B. Tuan Jacob Dungau Sagan [Baram] tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin.

[Soalan No. 14 - Y.B. Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin [Muar] tidak hadir]

REFORMASI PENDIDIKAN - STRATEGI DAN PERANCANGAN

15. Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah] minta Menteri Pendidikan menyatakan dalam usaha negara kita menuju ke Era Teknologi Maklumat, apakah strategi dan perancangan diambil oleh kerajaan dalam usaha mempertangkaskan reformasi pendidikan yang boleh digunakan untuk mengindoktrinasi minda seseorang murid bagi menangkis budaya hedonisme yang dianggap neokolonialisme menular di kalangan generasi muda akibat hegemoni tamadun Barat.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan akan terus memberi penekanan pendidikan moral dan etika melalui mata pelajaran Pendidikan Moral dan mata pelajaran Agama Islam. Program-program pendidikan seperti nilai-nilai murni merentas kurikulum dan aktiviti kurikulum yang memfokus kepada penubuhan dan penghayatan nilai dan etika murni akan terus dipertingkatkan. Program pendidikan ini harap dapat

menanamkan daya ketahanan diri yang kuat di kalangan generasi muda supaya dapat menangkis amalan budaya negatif dari Barat.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandang keadaan negara kita sedang rancak mengalami era IT sekarang ini khususnya dalam MSC dan sebagainya dari segi pendidikan untuk memperlengkapkan murid-murid kita dapat mengikuti seimbang dengan progres era ini, apakah bentuk persiapan dari segi tenaga-tenaga pengajar yang mahir yang betul-betul boleh memberi satu pendekatan dan pembelajaran kepada generasi yang akan menghadapi era yang begitu canggih dari segi pendidikan. Terima kasih.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, segala penggunaan komputer dalam bidang aktiviti-aktiviti kurikulum atau ko-kurikulum di sekolah, peranan guru adalah penting. Dalam konteks ini, guru akan memainkan peranan sebagai fasilitator supaya pelajar-pelajar di sekolah dalam masa mereka menggunakan komputer boleh pakai dengan satu cara yang akan berhasil kepada pelajar-pelajar, ini termasuk guru-guru memberi nasihat kepada pelajar-pelajar kalau mereka gunakan Internet, website yang patut digunakan untuk mencari maklumat dan sebagainya kalau dalam bentuk untuk mempelajari tentang kandungan mata pelajaran, guru-guru juga akan memberi nasihat tentang maklumat-maklumat lanjut yang boleh diperolehi.

Dalam konteks ini, kita tidak boleh lari dari hakikat bahawa apa yang penting ialah kita mempertingkatkan pertahanan diri (self awareness) di

kalangan pelajar-pelajar supaya mereka boleh bezakan faedah apa yang baik dari program-program yang mungkin membawa akibat-akibat yang buruk.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut mengenai peranan guru-guru sebagai fasilitator dalam pendidikan yang menggunakan IT. Bukankah ini bererti bahawa guru-guru perlu menguasai IT dahulu ialah mereka patut boleh menjadi digital literasi (literate digital). Bukankah benar bahawa peratus majoriti guru-guru terkini tidak literate dalam IT. Adakah kerajaan satu rancangan kilat (crash programme) supaya setiap guru, tidak kira peringkat menengah atau peringkat rendah, boleh menguasai IT pada tahun 2000 supaya mereka boleh memainkan peranan sebagai fasilitator dan juga untuk memberi contoh yang baik (role model) kepada pelajar-pelajar mengenai pendidikan IT.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan memang mempunyai perancangan begitu dan dahulu sebelum dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang kerana Kementerian Pendidikan memang selalu terus ingat merancang apa yang baik untuk pelajar-pelajar kita. Kita sudah lama wujudkan bahawa mata pelajaran komputer itu dijadikan sebagai satu mata pelajaran wajib di maktab perguruan. Ertinya, setiap guru sebelum mereka keluar dari maktab perguruan akan mempunyai keyakinan dan pengetahuan tentang komputer. Melalui program-program, kursus-kursus pendek, kita sudah.....

Tuan Lim Kit Siang: Soalnya ialah semua guru, bukan guru.....

Beberapa Ahli: *[Boo]*

Tuan Lim Kit Siang: Tak faham! Saya percaya bukan sengajalah - semua guru.

Seorang Ahli: Apa sikap ini?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tunggu sebentarlah. Melalui program-program.....*[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, beri Timbalan Menteri jawab.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Ketua Pembangkang tidak ada 'nai sin nih' - tidak boleh tahan, tidak boleh tunggu, ini sebentar sahaja. Melalui program-program kursus pendek ini kita sudah memberi latihan kepada lebih kurang 30,000 guru yang sedang berkhidmat dan kita sudah memberi latihan kepada lebih kurang 2,000 guru yang sudah dijadikan sebagai, dengan izin, master trainer dan mereka akan mengadakan kursus-kursus di semua peringkat daerah supaya dalam satu masa yang singkat setiap guru yang sedang berkhidmat di Kementerian Pendidikan akan mempunyai kemahiran dan keyakinan dalam bidang komputer.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh.

[Soalan No. 16 - Y.B. Tuan R. Karpal Singh [Jelutong] tidak hadir]

**GURU/PELAJAR SEKOLAH RENDAH/MENENGAH MEROKOK
DI KAWASAN SEKOLAH - PERANGKAAN**

17. Dr. L. Krishnan [Telok Kemang] minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) mengikut perangkaan kementerian berapa ramai guru dan pelajar dari sekolah rendah dan menengah yang merokok di kawasan sekolah; dan
- (b) adakah hukuman menyingkirkan pelajar-pelajar yang merokok dapat mengatasi masalah ini dan apakah hukuman kepada guru-guru yang merokok di kawasan sekolah.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi

soalan:

- (a) Setakat ini Kementerian Pendidikan telah menerima laporan bahawa 2,171 orang pelajar telah didapati merokok di kawasan sekolah. Kementerian Pendidikan tidak menerima laporan mengenai guru merokok di kawasan sekolah.
- (b) Pelajar-pelajar yang disingkirkan kerana merokok akan diterima semula untuk bersekolah setelah rayuan dibuat. Masalah ini boleh diatasi apabila mereka yang bersekolah semula diberi kesedaran dan keinsafan melalui kaunseling. Hukuman seperti yang terkandung dalam Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 1993 boleh disabitkan kepada guru-guru yang merokok di kawasan sekolah.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri. Kita melihat masalah merokok sebagai satu masalah sosial yang begitu jahat sekali sehingga tiap-tiap kali budak-budak merokok ada peluang kena dikeluarkan

(expel) daripada sekolah. Persoalan saya, kenapakah merokok sebagai minum dan makan juga, bukan haram dan sebagainya, diambil tindakan yang sedemikian. Apakah rasional kerajaan atau kementerian berbuat demikian. Terima kasih.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan mengandaikan bahawa kegiatan merokok ini merupakan satu kejadian yang addictive, dengan izin, yang mungkin boleh membawa kesan akibat yang buruk kepada daya ketahanan pelajar-pelajar itu. Di samping itu juga, mungkin kita takut bahawa pelajar-pelajar itu dari peringkat permulaan merokok dan selepas itu boleh membawa mereka ke satu tahap di mana mereka akan cuba menghisap dadah dan lain-lain. Untuk menentukan bahawa pelajar-pelajar itu tidak terlibat dalam aktiviti ini, kita ada hukuman yang berat.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakannya kita membincang masalah hukuman kepada guru dan murid yang merokok. Guru yang merokok selalunya dia merokok sebelum menjadi guru dan terus merokok. Begitu juga murid-murid sekolah kerana dia suka merokok kerana pengaruh-pengaruh iklan dan sebagainya. Jadi, apakah langkah kementerian yang boleh diambil supaya guru dan murid boleh membenci kepada rokok, jangan suka tetapi benci kepada rokok, jangan kita tumpu kepada hukuman semata-mata. Terima kasih.

Seorang Ahli: Benci sama dia.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Benci sama dia. *[Ketawa]*

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, itu adalah satu cadangan yang baik dan Kementerian Pendidikan akan kaji bagaimana kita boleh menggunakan cara-cara psikologi untuk membawa pelajar-pelajar ke tahap itu supaya mereka bukan sahaja tidak akan cuba tetapi jauhkan diri mereka dari aktiviti-aktiviti ini.

BEKALAN ELEKTRIK DI KUALA KEDAH - GANGGUAN

18. Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said [Kuala Kedah] minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah TNB sedar bahawa di kawasan Parlimen Kuala Kedah, beberapa kawasan yang sentiasa menghadapi masalah bekalan elektrik terputus, ianya menimbulkan masalah kepada pengguna, menggunakan lilin dalam majlis kenduri, makanan rosak, bimbang bahaya kebakaran. Adakah TNB menghadapi apa-apa masalah, jika ya, bilakan masalah tersebut dapat diatasi.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kejadian bekalan elektrik terputus di kawasan Kuala Kedah adalah disebabkan oleh kerosakan pada kabel bawah tanah akibat dikorek oleh pihak ketiga dalam tempoh September 1996 hingga Ogos 1997 sebanyak 23 kerosakan. Dari jumlah ini, 90% kerosakan adalah disebabkan oleh aktiviti korek-mengorek oleh pihak kontraktor yang membina jalan Alor Setar ke Kuala Kedah. 10% lagi kerosakan adalah disebabkan kerosakan sambungan terus dan sambungan tamatan.

Bagi mengatasi masalah ini TNB menjalankan lawatan berkala ke tempat pembinaan jalan Kuala Kedah dan menyelia kerja-kerja pengorekan oleh pihak kontraktor. Pihak kontraktor juga telah diminta supaya menghubungi TNB sekiranya mereka hendak mengorek jalan Kuala Kedah. Di

samping itu, Tenaga Nasional Berhad juga membuat henti tugas bekalan di kawasan jalan Kuala Kedah untuk mengalih tiang-tiang elektrik yang berada di tengah jalan ke tepi jalan. TNB juga membuat senggaraan kepada kabel dan pencawang bagi mengurangkan risiko kerosakan terhadap pencawang dan kabel. Masalah gangguan bekalan elektrik di kawasan Kuala Kedah dijangka dapat diatasi setelah jalan Kuala Kedah disiapkan.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di samping menghargai segala usaha yang dijalankan oleh TNB, saya ingin tahu sejauh manakah usaha TNB menyelesaikan masalah ini bagi seluruh negara termasuk Sabah dan apakah kedudukan dan efektifnya konsortium yang ditubuhkan oleh kementerian untuk mengambil alih Lembaga Letrik Sabah? Terima kasih.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun soalan ini terkeluar tetapi saya juga hendak mengambil kesempatan ini untuk memberikan jawapan kepada Yang Berhormat. Tentang konsortium yang mengambil alih dari LLS, ia bukan ditubuhkan oleh kementerian tetapi ditubuhkan oleh pihak swasta. Konsortium ini dijangka akan mengambil alih segala pengurusan LLS di bawah skim penswastaan pada awal tahun depan dan sebelum ini mereka telah pun merangka banyak rancangan, baik dari segi penjanaan, penghantaran dan pembahagian untuk memperbaiki dan mempertingkatkan mutu bekalan di negeri Sabah. Pihak kementerian berharap selepas penswastaan dapat dijalankan pada awal tahun depan bila segala perancangan ini dapat dijalankan, keadaan akan dipertingkatkan.

Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apabila bekalan elektrik ini terputus maka kita dapati banyaklah kilang dan orang perseorangan yang menanggung kerugian hasil daripada bekalan yang terputus. Adakah pihak TNB bercadang untuk membayar ganti rugi atau sebagainya?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, gangguan bekalan ini merupakan satu perkara yang tidak dapat dielakkan tetapi kita dapat mengurangkan. Dalam satu tahun yang lepas beberapa langkah telah pun diambil oleh pihak TNB untuk mengurangkan gangguan berlaku di seluruh negara. Setakat ini saya dengan sukacitanya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, langkah-langkah ini memang efektif dan gangguan yang dilaporkan ini telah pun dikurangkan sebanyak 30%.

Tentang pembayaran pampasan ataupun ganti rugi ini banyak kali saya telah pun melaporkan kepada Dewan yang mulia ini, kita akan mengikuti Akta Bekalan Elektrik. Kalau sekiranya pihak utiliti dibuktikan dalam mahkamah bahawa ada kecuiaan yang dilakukan oleh TNB dan diarahkan oleh mahkamah, kita akan bayar ganti rugi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang.

[Soalan No. 19 - Y.B. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang

[Marang] tidak hadir]

BANTUAN KEPADA PENIAGA KECIL - TINDAKAN

20. Dato' Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan [Larut] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan setakat manakah kejayaan dalam membantu peniaga-peniaga kecil di bawah kementerian ini dan di mana serta langkah-langkah yang diambil berhubung dengan perkara yang sama.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk membantu penjaja-penjaja kecil dilaksanakan oleh tiga kementerian:

- (i) Kementerian Pembangunan Usahawan;
- (ii) Kementerian Pembangunan Luar Bandar melalui Lembaga Kemajuan Wilayah yang membina kemudahan-kemudahan bagi peniaga-peniaga kecil di kampung-kampung dan kawasan-kawasan luar bandar; dan
- (iii) melalui Program Amanah Ikhtiar yang juga dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Kementerian ini melalui pihak-pihak berkuasa tempatan memberi peruntukan wang untuk pembinaan gerai-gerai dan penyediaan kawasan-kawasan pasar malam dan food court yang dikenakan kepada kompleks-kompleks perniagaan.

Sejauh mana kejayaan pada ketika ini tidak dapat diukur dengan secara khusus, tetapi pada umumnya peratusan yang berjaya adalah memuaskan tetapi masih banyak yang perlu dibuat untuk menjayakan golongan ini. Ianya memerlukan usaha yang berterusan oleh semua pihak.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada

kementerian kerana mengadakan gerai-gerai ataupun ruang-ruang niaga di kawasan-kawasan kerajaan tempatan di luar bandar. Soalnya, adakah pihak kementerian bercadang untuk memodenkan sedikit bangunan-bangunan tersebut dengan ruang niaga yang agak selesa kerana kadang-kadang kedai makan hanya dibuat tempat yang begitu sempit dan bila orang hendak makan terpaksa tarik kain ataupun 'terpal', kemudian duduk di luar, jadi ini tidak bersih dan tidak nampak selesa. Jadi, adakah pihak kementerian akan mencadang dan menasihati majlis-majlis kerajaan tempatan supaya tanah-tanah yang digunakan ini dibina dengan bangunan-bangunan yang 'proper', yang bersih dan mempunyai bilik air. Terima kasih.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya pihak kementerian menggalakkan semua pihak berkuasa tempatan untuk mengambil tindakan membina gerai-gerai moden. Kalau ada gerai-gerai yang berbentuk tradisional, kita menggalakkan mereka mengubahsuaikan atau membina gerai-gerai baru yang berbentuk moden dan kementerian juga memberi sumbangan kewangan bagi pihak-pihak berkuasa tempatan mengendalikan urusan dan usaha ini.

Setakat ini ada beberapa bandar yang telah kita beri wang dan telah membuat gerai-gerai prototaip, ada di Kuantan gerai yang berjenis moden yang menggunakan hawa dingin dan kita menggalakkan supaya gerai-gerai ini dibuat dengan cara bentuk moden dan kebersihan yang bermutu tinggi. Dari segi rupa bentuknya, dari segi alam sekitarnya juga kita mahukan gerai-gerai ini dipertingkatkan dari segi kualiti, dari segi pemandangan dan segi alam sekitar.

Jadi kita tidak mahu lagi masyarakat kita khususnya di luar bandar berpuas hati dengan kualiti gerai-gerai yang ada pada ketika ini.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini masalah utama untuk membina gerai-gerai peniaga kecil ini adalah tanah. Oleh kerana tanah ini adalah di bawah kuasa kerajaan tempatan walaupun ada peruntukan daripada pihak-pihak tertentu tetapi tidak dapat dibina oleh kerana masalah tanah. Apakah kementerian akan membuat dasar memastikan bahawa kerajaan-kerajaan tempatan menyediakan tapak khas di pekan-pekan kecil dan juga pusat-pusat bandar baru untuk membuat tempat peniaga-peniaga kecil ini sebagai satu dasar dan kemestian. Terima kasih.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya pihak kementerian tidak mempunyai kuasa mengenai tanah dan terpulanglah kepada kebijaksanaan kerajaan-kerajaan negeri dan pihak-pihak berkuasa tempatan untuk mencari tanah dan tempat-tempat yang sesuai bagi pembinaan gerai-gerai. Bukan sahaja kita hendak tempat itu sesuai bahkan tempat itu juga mempunyai ruang yang cukup untuk tempat letak kereta, begitu juga kita tidak mahu gerai-gerai ini bertaburan begitu dekat dengan jalan raya hingga mencemarkan kualiti makanan dengan habuk dan sebagainya. Jadi, jawabnya ialah pihak kementerian tiada mempunyai kuasa bagi tanah dan terpulanglah kepada kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat Tuan Wong Kam Hoong.

[Soalan No. 21 - Y.B. Tuan Wong Kam Hoong [Bayan Baru] tidak hadir]

**PERPUSTAKAAN AWAM LENGKAP DENGAN INTERNET -
MEWUJUDKAN**

22. Dr. Tan Kee Kwong [Segambut] minta Menteri Penerangan menyatakan bilakah kerajaan merancang untuk mewujudkan perpustakaan awam di setiap negeri di Malaysia, siap dengan kemudahan Internet, bagi manfaat yang nyata untuk rakyat termasuk anak-anak kita dan pemuda Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, penubuhan perpustakaan awam adalah di bawah bidang kuasa kerajaan-kerajaan negeri. Yang Berhormat bolehlah berhubung dengan pihak berkuasa berkenaan untuk mendapatkan maklumat lanjut. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa peratuskah sambutan rakyat Malaysia terhadap perpustakaan awam yang wujud dalam negara kita sekarang ini terutama Perpustakaan Negara. Apakahambutannya amat memuaskan ataupun amat mendukacitakan? Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya nyatakan ini adalah di bawah bidang kuasa kerajaan-kerajaan negeri, pihak Kelantan tanya dengan Kelantan.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ini di luar kementerian, saya tidak nampak ada soalan tambahan yang berkaitan.

Yang Berhormat Tuan Hoo Seong Chang.

[Soalan No. 23 - Y.B. Tuan Hoo Seong Chang [Kluang] tidak hadir]

KRISIS MATA WANG NEGARA - MENGADAKAN MPEN-2

24. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob [Bachok] minta Menteri Kewangan menyatakan adakah pihak kerajaan sedar bahawa tragedi krisis mata wang negara pada masa ini menunjukkan bahawa Malaysia tidak seharusnya terperangkap dengan laungan globalisasi dan pelbagai risiko amalan spekulatif pasaran kewangan terbuka yang akhirnya menjerut leher sendiri, malahan tindakan pihak kerajaan menuding jari bahawa George Soros sebagai penjenayah yang bertanggungjawab ke atas krisis mata wang negara sehingga kini bukan sahaja tidak realistik, sebaliknya virus spekulatif akan terus menghancurkan ekonomi negara dan akan menjadikan rakyat Malaysia sebagai mangsa secara berterusan. Justeru itu, adakah kerajaan bercadang mengadakan sekali lagi Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MPEN-2), jika ya, bila dan jika tidak, apakah sebabnya.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memutuskan untuk menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) bagi menangani krisis ekonomi negara akibat dari kejatuhan nilai mata wang negara dan kemerosotan pasaran saham. Majlis ini akan bertindak sebagai badan penasihat kerajaan mengenai strategi-strategi yang paling efektif bagi mengatasi cabaran-cabaran ekonomi yang dihadapi sekarang dan akan melapor terus kepada Jemaah Menteri dari masa ke semasa. Buat masa ini kerajaan sedang meneliti dan mengkaji terma, rujukan, struktur dan keahlian majlis. Majlis akan mula beroperasi sebaik sahaja perkara-perkara ini selesai dikaji dan ditetapkan oleh kerajaan. Memandangkan kepada keputusan menubuhkan MTEN, maka kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Majlis Perundingan Ekonomi Negara Ke-2.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau bercadang untuk memastikan bahawa majlis ini akan disertai oleh semua pihak, tidak kira latar belakang politik mereka. Dan juga bolehkah ia dijadikan accountable bukan kepada Jemaah Menteri tetapi kepada Parlimen yang merupakan institusi tertinggi kepada negara kita. Adakah majlis ini juga akan dianggotai oleh pakar-pakar daripada negara asing, baik badan-badan seperti WTO atau sebagainya supaya kita dapat mencari jalan macam mana kita boleh mengatasi krisis ekonomi dan juga nilai mata wang asing. Sehingga hari ini saya difahamkan bahawa nilai mata wang Ringgit telah jatuh kepada RM3.61 sen kepada setiap US Dollar, tahap yang paling rendah sejak rekod dicatatkan. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya telah mengatakan bahawa buat masa ini kerajaan sedang meneliti dan mengkaji terma, rujukan, struktur dan keahlian majlisnya. Jadi kalau difikirkan pembangkang boleh membantu, mungkin akan diambil, kalau tidak, tidaklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi.

[Soalan No. 25 - Y.B. Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datok] tidak hadir]

PEKERJA TEMPATAN DIPAKSA BERHENTI - BILANGAN KES

26. Tuan Lim Siang Chai [Petaling Jaya Selatan] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan kes yang melibatkan majikan tempatan yang memaksa pekerja tempatan berhenti kerja supaya pekerja asing yang berkos lebih murah dapat diupahkannya; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian untuk menarik rakyat Malaysia yang mempunyai kemahiran kerja yang tinggi pulang ke tanah air dan menggantikan pekerja asing di pelbagai sektor pekerjaan di negara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya, menteri tidak ada.

Tuan Lim Guan Eng: *[Mengejek dalam bahasa Mandarin]* Menteri

ada, tetapi jawapan tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Soalan 26.

Tuan Lim Guan Eng: Menteri ada, tetapi jawapan tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Sabar Yang Berhormat.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Ini

Kementerian Sumber Manusia, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Ya.

Dato' Ong Ka Ting: Kerana soalan ini memang sudah pindah ke

Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Lim Guan Eng: Macam mana hendak mengatasi krisis ekonomi macam ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat.....

Seorang Ahli: Siapa boleh jawab?

Seorang Ahli: Ini hak siapa cakap ini.

Tuan Lim Guan Eng: Siapa boleh mengatasi masalah ekonomi!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Ya.

Seorang Ahli: Hey! Tuan Yang di-Pertua tidak beri hak bercakaplah!

Tuan Lim Guan Eng: Haya! apa ini macam mana? Jawapan pun tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Kena tunggu Yang Berhormat.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini DAP 'menangguk air yang keruh'.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Yang Berhormat, Timbalan Menteri berada di Dewan Negara.

Dato' Ong Ka Ting: Jangan bisinglah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Dia baru datang.

Dato' Ong Ka Ting: Jangan kacau!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Sila.

Seorang Ahli: Ketua Pembangkang pun sudah lari.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua,

Tuan Lim Guan Eng: Cepatlah jawab.

Seorang Ahli: Tak boleh tahankah?

Dato' Ong Ka Ting: Sebab sikap pembangkanglah ini krisis ekonomi bukan.....

Seorang Ahli: Jangan emosilah.

Dato' Ong Ka Ting: Menjawab soalan:

(a) Kementerian Sumber Manusia telah mengesan.....

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Ong Ka Ting:

.....tiga buah syarikat yang bertindak tidak bertanggungjawab memberhentikan pekerja-pekerja tempatan dan menggantikan mereka dengan pekerja rakyat asing. Syarikat-syarikat tersebut masing-masing sebuah di Pulau Pinang, Perak dan Johor. Siasatan masih dijalankan ke atas syarikat-syarikat di Pulau Pinang dan Perak, manakala kes di Johor sudah selesai disiasat.

(b) Kementerian Sumber Manusia mengalu-alukan kepulangan rakyat Malaysia baik yang profesional, mahir atau tidak mahir untuk kembali bekerja di negara ini

biarpun kementerian tidak mempunyai program yang khusus untuk menarik mereka pulang.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berdasarkan kepada penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin bertanya apakah tindakan yang boleh diambil terhadap majikan-majikan ini dan mengikut rekod di kementerian, berapakah bilangan rakyat Malaysia yang mempunyai kemahiran kerja yang tinggi, tetapi kini bekerja di luar negara?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya minta notis.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Bagan.

Dato' Ong Ka Ting: Apa bising sangat.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Timbalan Menteri memberitahu nama-nama kilang-kilang yang disabit dalam

Seorang Ahli: Kita minta notis.

Tuan Lim Hock Seng: di Pulau Pinang.

Tuan Lim Guan Eng: Jangan minta notislah!

Tuan Lim Hock Seng: Di Pulau Pinang.

Tuan Lim Guan Eng: Jangan minta notis lagi ya!

Seorang Ahli: Mahu ekorkah?

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan Yang Berhormat dari Bagan mengemukakan soalan itu secara spesifik nanti.

Tuan Lim Guan Eng: Haya! Tak tahu jawab, malulah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, 'Hari Ini Dalam Sejarah' sampai soalan nombor 27.

KORIDOR RAYA MULTIMEDIA - PROGRAM BAGI MASYARAKAT LUAR BANDAR

27. **Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah rancangan dan program yang akan dilaksanakan oleh kerajaan untuk membolehkan masyarakat luar bandar dapat bersama-sama menyertai rancangan pembangunan Koridor Raya Multimedia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar

[Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Luar Bandar menyedari bahawa penduduk luar bandar juga perlu dihubungi dengan kemudahan teknologi maklumat bagi membolehkan mereka tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara berikutan dengan pembangunan Koridor Raya Multimedia.

Sebagai langkah permulaan kementerian dan agensi di bawah kementerian telah menyediakan beberapa kemudahan latihan dan kemahiran di dalam teknologi maklumat bagi kemudahan penduduk luar bandar melalui pusat-pusat latihan seperti berikut:

- (i) Institut Kemajuan Desa, di Bangi, Selangor;
- (ii) Institut Latihan RISDA;
- (iii) Pusat Latihan PERDA;

- (iv) Pusat Latihan KEDA; dan
- (v) Pusat Kegiatan Masyarakat, KEMAS.

Pusat Kegiatan KEMAS dan INFRA akan beroperasi sepenuhnya mulai tahun 1998.

Dalam usaha untuk mendedah dan menggalakkan masyarakat desa dengan teknologi maklumat juga, kementerian mulai tahun 1998, melalui Program GDW akan menyediakan kemudahan satu unit komputer bagi setiap kampung Gerakan Desa Wawasan. Bagi tahun 1998, sebanyak 500 kampung GDW akan menerima kemudahan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Masa untuk soalan jawab sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.1, 4, 5, 12, 13, 14, 16, 19, 21, 23, 25, 28 dan 29 akan dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1998

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1998

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 1998 dan Anggaran Pembangunan 1998 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” **[Hari Keempat Belas]**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.48 [Jadual] -

Maksud P.48 [Anggaran Pembangunan, 1998] -

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar sila sambung.

3.35 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar

[Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Pengerusi, saya ingin menyambung, kelmarin saya menyentuh mengenai FELCRA.

Yang Berhormat dari Tambun telah bertanya mengenai perlantikan Lembaga Pengarah FELCRA Berhad. Bilangan Ahli-ahli Lembaga Pengarah FELCRA Berhad termasuk pengerusi ialah seramai sembilan orang. Seramai empat dari Ahli Lembaga Pengarah telah dilantik di peringkat awal dan seramai empat orang lagi telah pun dilantik dan proses pemaklum sedang dalam tindakan sekarang.

Yang Berhormat dari Jelebu bertanya mengenai pengisian peserta projek PPRT di Negeri Sembilan. Ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa pemilihan peserta ini terpulang kepada kerajaan negeri. FELCRA hanya diambil sebagai urusetia.

Mengenai masalah FELCRA di Lakai, ia sebenarnya telah diputuskan bahawa jumlah bayaran CAC bagi FELCRA Lakai yang diputuskan oleh Pejabat Tanah Negeri Sembilan ialah sebanyak RM12,791 setahun dan dengan

ini cajnya yang perlu dibayar dalam masa 15 tahun ialah RM191,872. Pihak pentadbiran FELCRA telah mengutip bayaran ini daripada projek-projek hingga 31 Julai 1997 sebanyak RM191,872, dengan ini tidak timbul sama sekali lebih kutipan CAC yang perlu dibayar.

Yang Berhormat dari Tambun juga menyentuh mengenai kekuatan FELCRA Berhad berasas kepada pengurusannya dan tidak mempunyai core business. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat saya percaya Yang Berhormat dahulupun menjadi pengarah, bahawa pengurusan FELCRA Berhad sekarang sedang menyediakan pelan perniagaan serta belanjawan 1998 untuk kelulusan lembaga pengarahnya. Sementara aktiviti-aktiviti perniagaan FELCRA yang dijangka menjana pendapatan ialah estet atau FELCRA Holdings, pengurusan ladang peserta, pelaburan dana, pemasaran hasil, proses kilang sawit dan aktiviti-aktiviti core business. Dengan projek-projek ini kita berharap FELCRA dapat menjalankan usahanya sebagai satu badan korporat.

Yang Berhormat dari Rompin bertanya mengapa tidak ada peruntukan mengenai beberapa LKW seperti DARA, LKWJ dan KEJORA. Untuk jawapan ini saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa bagi belanja mengurus peruntukan disediakan dari peruntukan sumber dalaman LKW.

Pertama, boleh memohon peruntukan tambahan daripada Perbendaharaan sekiranya pembubaran agensi-agensi berkenaan ditangguh ke satu tarikh yang sesuai.

Sebenarnya peruntukan pembangunan 1998 telah pun disediakan dan diluluskan sebanyak RM30.6 juta di bawah tajuk KPLB - Pembubaran LKW.

Kementerian akan mengagih peruntukan tersebut kepada agensi-agensi LKW yang akan dibubarkan. Di samping itu baki wang yang sedia ada dan bagi peruntukan projek-projek pembangunan yang sedang dilaksanakan di LKW akan dimasukkan ke dalam Akaun Amanah dan akan ditubuh di KPLB bagi meneruskan projek-projek tersebut selepas pembubaran segala program KPLB akan diteruskan seperti sedia kala di kawasan tersebut.

Kedua ialah mengenai masalah kakitangan yang timbul. Saya ingin memberi jaminan di sini, sepertimana yang telah diberi jaminan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa kementerian akan terus menentukan kebajikan pegawai-pegawai terlibat dan akan diambilkira dalam segala urusan, di dalam usaha pembubaran LKW ini.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai bekalan elektrik luar bandar, yang pertama ialah Yang Berhormat dari Tanjong, beliau telah menyentuh berkenaan elektrik ke sekolah-sekolah. Ingin saya maklumkan kepada Yang Berhormat bahawa bekalan elektrik ke sekolah-sekolah di kawasan luar bandar di seluruh negara akan dilaksanakan secara berterusan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan.

Dalam tahun 1997 sebanyak 54 buah sekolah telah mendapat bekalan melalui menyambungan tali grid sementara pada tahun 1998 sebanyak 244 buah sekolah dijangka akan mendapat bekalan elektrik. Daripada jumlah tersebut sebanyak 221 buah sekolah adalah yang tidak ada langsung mendapat bekalan elektrik dan 77 buah sekolah sedang mendapat bekalan terhad. Ini bermakna dalam tempoh 2 tahun, 1997-1998 sebanyak 24% sekolah tanpa

elektrik di seluruh negara akan mendapat bekalan elektrik. Bagi sekolah yang lain yang tidak mempunyai bekalan elektrik langsung akan dibekalkan melalui sistem alternatif seperti solar dan alat-alat generator secara berperingkat-peringkat mulai daripada tahun ini hingga tahun 2000. Sekolah-sekolah terlibat adalah di kawasan pedalaman yang terpencil atau di pulau-pulau yang tidak dapat dihubungi dengan grid.

Dalam menentukan keutamaan kerajaan akan memfokuskan projek-projek bekalan elektrik berbagai sistem ke kawasan penempatan di luar bandar yang mempunyai sekolah tanpa bekalan elektrik. Dalam hubungan ini kementerian sedang dan sentiasa mengadakan penyelarasan yang berterusan dengan Kementerian Pendidikan, Tenaga Nasional Berhad, Lembaga Elektrik Sarawak dan Lembaga Elektrik Sabah.

Yang Berhormat dari Teluk Intan ada menyentuh mengenai bekalan elektrik di estet. Ingin saya memberitahu Yang Berhormat bahawa peruntukan ini adalah untuk bekalan elektrik di estet-estet kecil bersaiz di bawah 1,000 hektar. Peruntukan ini adalah kecil kerana pembiayaannya adalah dikongsi bersama di antara kerajaan, pihak pengusaha estet dan Tenaga Nasional Berhad. Peruntukan kerajaan hanya boleh diluluskan sekiranya pihak estet sanggup sama-sama membiayai 1.3% pada kos pembiayaannya.

Ada dua orang Yang Berhormat yang menyentuh mengenai PPRT....

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat Teluk Intan bangun, hendak beri jalan?

Tuan K. Kulasegaran: Tuan Pengerusi, saya juga ada bertanya mengenai adakah kementerian ini akan terlibat dan memberi peruntukan yang tertentu mengenai prasekolah kepada estet-estet. Apakah dasar kerajaan dalam hal prasekolah pada estet-estet?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat ini tidak sabar kerana dia baru, jadi banyak yang dia tidak tahu. Saya akan jawab mengenai perkara itu apabila saya sampai kepada tajuk KEMAS nanti.

Dua orang Yang Berhormat menyentuh mengenai PPRT. Yang pertama, Yang Berhormat dari Tanjong yang ingin tahu mengenai Program Pembasmian Kemiskinan di Sabah.

Tuan Pengerusi, Kerajaan Barisan Nasional yakin akan berjaya mengurangkan kadar kemiskinan di negeri Sabah khususnya. Ini dapat dilihat berpandukan beberapa faktor berikut.

Yang pertama, jentera dan mekanisme pelaksanaan. Satu jentera pengurusan pelaksanaan dan penyelarasan telah ditubuhkan bagi memastikan pelaksanaan program ini mencapai matlamatnya. Jentera pengurusan ini telah ditubuhkan di peringkat negeri sehingga ke peringkat kampung. Di peringkat negeri terdapat Jawatankuasa Pemandu PPRT yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sendiri, dibantu oleh Jawatankuasa Tenaga Kerja yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Luar Bandar Sabah. Semua program dan projek yang melibatkan agensi-agensi negeri diselaras ke arah mencapai matlamat yang sama.

Kedua, Program-program PPRT terdapat lebih kurang 31 program ataupun projek yang dikendali oleh agensi negeri, pusat yang menjurus kepada mengurangkan kadar kemiskinan. Beberapa program yang dikhusus kepada keluarga termiskin juga sedang dalam pelaksanaan seperti Program Pemulihan Rumah, Program Peningkatan Ekonomi Kampung, pada dasarnya semua program ini melibatkan tiga aspek.....

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Pasir Mas bangun.

Tuan Douglas Uggah Embas: Boleh saya habiskan sentence ini? Iaitu:

- (a) pembangunan insan;
- (b) peningkatan taraf ekonomi, pendapatan lebih mampan dan berdaya tahan; dan
- (c) menyediakan kemudahan-kemudahan asas infrastruktur.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya.

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: Tuan Pengerusi, saya ingin penjelasan daripada Setiausaha Parlimen mengenai dengan PPRT. Tadi, saya mendengar Yang Berhormat menyatakan bahawa di peringkat negeri ada Ahli Jawatankuasa PPRT ini dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ataupun Ketua Menteri.

Saya ingin tahu di peringkat Parlimen, jajahan ataupun daerah, apakah Ahli Jawatankuasa PPRT ini wujud. Untuk makluman Yang Berhormat di

kawasan saya, tetapi saya tidak tahu di kawasan lain di negeri Kelantan Ahli Jawatankuasa PPRT di peringkat Parlimen dan daerah ini tidak wujud dan tidak melibatkan wakil rakyat Parlimen.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, saya ingin menjelaskan bahawa jawatankuasa-jawtankuasa yang saya sebutkan di dalam jawapan saya tadi adalah di negeri Sabah dan mungkin di negeri Kelantan ia tidak sama. Tetapi secara umumnya kita memang ada ahli jawatankuasa di peringkat-peringkat daerah.

Ketiga, strategi dan pelan tindakan untuk negeri Sabah, Kerajaan Negeri Sabah melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Institut Kajian Pembangunan telah menyediakan pelan strategi pembangunan luar bandar juga mencakupi masalah kemiskinan. Di antara strategi tersebut adalah Pembangunan Wilayah secara terancang dan bersepadu, penempatan semula kampung dan membangunkan kampung-kampung yang terpencil.

Keempat, kita telah mendapati dan mengenalpasti kumpulan-kumpulan sasaran. Maka demikian kita dapat memperincikan program kita dengan lebih tepat lagi.

Kelima, Kerajaan Pesekutuan telah menyediakan peruntukan yang besar di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh bagi mengurangkan kadar kemiskinan di negeri Sabah. Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan RM954.1 juta sementara Kerajaan Persekutuan memperuntukkan jumlah RM1.3 bilion. Oleh yang demikian, maka kita dapat nampak dari pencapaian-pencapaian yang lepas juga telah membuktikan bahawa program pembasmian kemiskinan kita di

Sabah telah cukup berjaya. Pencapaian dalam usaha ini dapat kita lihat dengan berdasarkan pengurangan jumlah rakyat termiskin dari 24,700 keluarga pada tahun 1991 kepada 12,900 keluarga pada tahun 1996, berkurangan 52.4%. Ini adalah bukti komitmen dan kesungguhan Kerajaan Barisan Nasional di negeri Sabah untuk menangani masalah rakyat termiskin di negeri Sabah dan kita akan terus berusaha untuk menentukan masalah kemiskinan di Sabah akan terus berkurangan. Saya nampak MP dari PBS pun senyum juga.

Seorang Ahli Yang Berhormat juga telah menyentuh mengenai information technology iaitu Yang Berhormat dari Tanjong. Saya sudah menjawab dalam masa jawapan soalan tadi, jadi saya tidak hendak membuang masa, kerana maklumat-maklumat itu semua lebih kurang sama, hanya saya ingin menambahkan di sini bahawa mulai dari tahun ini kita telah membekalkan 50 buah komputer juga kepada Pusat Sumber KEMAS di seluruh negara.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai masalah KEMAS. Yang pertama Yang Berhormat dari Rompin dan Yang Berhormat dari Tanjong Karang yang telah menyentuh mengenai masalah kurangnya bangunan dan tidak cukup peralatan serta kemudahan.

Saya ingin mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat. Kementerian memang sedar akan perkara ini dan sentiasa berusaha untuk mengatasinya. Jika keadaan mengizinkan sebanyak 769 buah bangunan dapat dibina menjelang akhir Rancangan Malaysia Ketujuh. Untuk tahun 1997 ini sebanyak 104 buah sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Bagi tahun 1998 sebanyak 209 buah bangunan baru akan dibina. Di samping bangunan baru, peralatan juga akan diperlengkapkan. Matlamat kementerian adalah selaras dengan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat supaya tabika di luar bandar sama hebatnya dengan tabika di bandar. Bagi tahun 1997 ini sebanyak 153 buah bangunan dibaikpulih, 836 kelas dinaiktaraf dengan pembekalan alat permainan luar, alat pengajaran dan pembelajarannya juga perabot.

Sukacita dinyatakan program tabika KEMAS KPLB masih lagi merupakan community based di mana masyarakat, ibu bapa, pemimpin-pemimpin tempatan termasuk Ahli Yang Berhormat patut sama-sama memajukannya sebagai projek pembangunan masyarakat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Datuk Dr. Haji Yusof bin Yacob: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Batang Lupar bangun, Sipitang bangun.

Tuan Douglas Uggah Embas: Wah ramai.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri?

Datuk Dr. Haji Yusof bin Yacob: Terima kasih

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Siapa yang cakap dahulu ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen hendak beri siapa?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tidak apalah you dahulu, selepas itu I.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Okay.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Yacob: Terima kasih, Setiausaha Parlimen dan Tuan Pengerusi. Saya ingin minta penjelasan dari Setiausaha Parlimen mengenai dengan tabika-tabika KEMAS tadi ini. Saya bersetuju bahawa keadaan tabika itu begitu terkebelakang berbanding dengan tabika-tabika yang dianjurkan oleh lain-lain badan seperti badan-badan swasta ataupun sekolah-sekolah Tionghoa dan ini menjadikan tabika KEMAS ini kurang menjadi tumpuan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen atas komitmen kerajaan ingin mempertingkatkan nilai dan juga kemudahan tabika KEMAS. Tetapi apakah kerajaan ada dasar kalau boleh buat pertama kali ini kita minta satu tabika setiap daerah dahulu, tabika yang begitu kemas, lengkap setanding dengan tabika-tabika swasta, supaya kepercayaan kepada kerajaan oleh penduduk-penduduk tempatan tentang kemudahan yang akan diberikan. Yang pertama.

Yang kedua, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengenai dengan peranan KEMAS di daerah-daerah ini. Kita lihat bahawa peranan KEMAS untuk memajukan luar bandar yang begitu penting dan masalah yang dihadapi oleh pegawai-pegawai ataupun penyelia-penyelia KEMAS ini mereka berjalan begitu jauh ke luar-luar bandar, tetapi keadaan jalan di kawasan ini tidak baik. Mereka hanya menggunakan kenderaan sendiri

khususnya di Sabah dan Sarawak. Jadi, apakah kerajaan bercadang kalau boleh diberi satu kenderaan khusus pacuan empat roda, mengikut keadaan supaya dapat pegawai-pegawai ini menjalankan peranan mereka untuk memberi penerangan dan juga melawat serta memberi penyeliaan kepada tabika-tabika di luar bandar supaya lebih berkesan.

Tuan Douglas Uggah Embas: Terima kasih, Yang Berhormat. Satu perkara yang saya ingin perjelaskan di sini bahawa banyak kawasan di mana KEMAS menjalankan tabika ini, adalah kawasan-kawasan yang jauh dari bandar. Dalam kawasan-kawasan tersebut tidak ada badan-badan swasta ataupun sukarela berminat ataupun mahu mengadakan kemudahan ini. Dalam keadaan beginilah KEMAS menentukan bahawa kampung-kampung tersebut diberi kemudahan tabika, kerana kalau tabika tidak diberi, tidak dibuka di tempat tersebut, maka anak-anak di tempat pedalaman yang terpencil ini akan tertinggal dalam pendidikan. Ini yang kita tidak mahu. Saya rasa ini juga termasuk di negeri Sabah ada tempat yang jauh di pedalaman dan saya percaya pihak swasta tidak mahu kerana tidak ada commercial attractive, dengan izin.

Mengenai cadangan Yang Berhormat untuk up-grade sesebuah tadika di satu-satu daerah sebuah tadika supaya ia dapat mencapai taraf yang terbaik di negara kita. Saya tidak ada halangan, mungkin itu satu cadangan yang kita akan ambil perhatian, sebagai satu cara untuk menentukan bahawa anak luar bandar kita dapat menikmati kemudahan pendidikan yang lebih sempurna dan lebih baik setaraf dengan apa yang didapati oleh anak-anak orang di bandar.

Mengenai cadangan untuk menyediakan kenderaan, ini mungkin terhad kerana ia bergantung kepada kelayakan seseorang pegawai dan juga bergantung kepada kewangan kita. Walau bagaimanapun perkara ini selalu diambil perhatian oleh kerajaan.

Beberapa orang Ahli Yang Berhormat menyentuh mengenai.....

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: *[Bangun]*

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat ada dua orang yang bangun. Ya. Batang Lupar.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan tahniahlah kepada kementerian kerana kementerianlah maka adanya air di luar bandar, adanya api di luar bandar dan sebagainya, terutama sekali bila Setiausaha Parlimen kita dari Sarawak, jadi progres di Sarawak itu lebih ceria lagi daripada yang kita pernah alami. Kepada Setiausaha Parlimen saya mengucapkan tahniah dan begitu juga kementerian.

Saya hendak kemukakan soalan berhubung dengan masalah KEMAS, Tuan Pengerusi iaitu kalau di Sabah berlaku masalah pengangkutan dan perhubungan. Saya percaya di Sarawak perkara itu lebih lagi, jadi pegawai-pegawai KEMAS kemungkinan tidak mencukupi dari elaun mereka untuk pergi ke luar-luar bandar untuk melawat ke tiap-tiap kampung. Jadi, kesudahannya pegawai ini duduk di pejabat-pejabat ataupun di tempat-tempat yang khusus sahaja oleh kerana masalah yang sedemikian. Oleh itu, persoalan saya sama ada pegawai KEMAS ini masih relevan ataupun tidak dalam

keadaan sekarang. Jadi, soalan saya apakah tindakan atau pendekatan yang baru hendak kementerian buat supaya pegawai-pegawai KEMAS lebih efektif dan boleh menjalankan tugas mereka dengan lebih bermutu lagi dan boleh mencapai matlamat yang telah difikirkan oleh kerajaan, yang sepatutnya dibawa oleh pegawai-pegawai KEMAS ini. Itu satu.

Yang kedua, Tuan Pengerusi ialah mengenai persoalan tabika juga. Kalau kita pandang di dalam bandar memang banyak kemudahan-kemudahan yang sedemikian, maknanya orang di bandar itu mendapat kemudahan-kemudahan tabika, tadika (kindergarten) dan sebagainya daripada peringkat yang sederhana sampai ke peringkat yang membayar sampai RM10,000 setahun pun ada. Jadi, soalannya di luar bandar (outskirts) sedikit, iaitu ada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat buat, tetapi di luar bandar kita berharap kepada KEMAS. Sebagaimana satu persoalan yang telah saya bangkitkan kepada Kementerian Pendidikan dahulu, misalannya yang saya beri di kawasan saya yang bernama kampung Usa, Usa ini maknanya kucing - kucing kata orang Sarawak. Jadi, di kampung Usa ini enrolment untuk tahun hadapan ialah 130, jadi KEMAS hanya boleh buat 2 tabika boleh memuatkan 25 orang sebilik, maknanya 50 orang. Pendidikan pula allocate number untuk tabika di jabatan pendidikan iaitu 25 orang, maknanya 75 orang, jadi kita masih ada kekurangan kelas untuk 55 orang. Persoalannya adakah pihak KEMAS akan mengambil data-data yang sedemikian untuk dirancang secara keseluruhannya di seluruh negara agar kanak-kanak di luar bandar dapat sama ada kita merancang menerusi kementerian sahaja ataupun berhubung

sama dengan Kementerian Pendidikan bersama dengan Kementerian Kewangan dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat untuk merancang supaya masyarakat di luar bandar mendapat kemudahan-kemudahan tabika, terutamanya anak-anak Melayu di luar bandar dan bumiputera keseluruhannya di Sarawak dan Sabah mendapat kemudahan tabika, tidak ketinggalan dalam apa-apa segi pendidikan. Terima kasih.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, memang KEMAS ini menarik perhatian Yang Berhormat. Mengenai apakah perancangan kementerian untuk meningkatkan prestasi pegawai-pegawai KEMAS yang ada dalam jawapan saya ini nanti, saya akan sentuh perkara itu. Jadi, saya tidak akan jelaskan kepada Yang Berhormat.

Kementerian faham dan sedar bahawa beberapa negeri oleh kerana luasnya negeri dan seperti di negeri Sabah dan Sarawak, kampung-kampung yang bertaburan dan sebagainya, maka adalah menjadi satu masalah yang besar oleh pegawai-pegawai KEMAS ini untuk memberi perkhidmatan sepenuhnya kepada rakyat luar bandar. Walau bagaimanapun, kita ada rangkaian-rangkaian serta kelas-kelas pendidikan literasi kefungsian di negeri Sabah dan Sarawak, kelas pembangunan insan, kelas tabika dan sebagainya. Inilah yang menjadi rangkaian kita untuk menyampaikan pelbagai perkhidmatan yang diperlukan untuk masyarakat di luar bandar.

Mengenai tabika kita.....

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Pasir Mas bangun.

Tuan Douglas Uggah Embas: Boleh saya habiskan menjawab?

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Mengenai tabika saya menerima cadangan dari Yang Berhormat, sebenarnya tiap-tiap tahun kita mengadakan satu perancangan untuk mengetahui berapa jumlah tabika baru yang perlu ditubuhkan sama ada bangunan tabika lama perlu ditambahkan. Tetapi kalau Yang Berhormat sudi untuk memberi bantuan kepada kita, untuk memberi maklumat-maklumat tertentu, itu adalah satu tindakan yang baik khususnya kepada kawasan Yang Berhormat sendiri. Jadi, saya berharap Yang Berhormat dapat memajukan maklumat-maklumat itu kepada kementerian.

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor: Tuan Pengerusi, penjelasan.

Pertamanya mengenai dengan KEMAS di negeri Kelantan dan khususnya di kawasan saya, di mana kelas-kelas KEMAS ini ada 47 buah semuanya di dalam kawasan Parlimen Pasir Mas. Di antara masalah yang dihadapi oleh tadika-tadika KEMAS ini ialah mengenai dengan bangunan-bangunan yang sedia ada, yang tidak begitu selesa, tetapi saya difahamkan oleh pihak Penyelia Kanan KEMAS bahawa peruntukan ini telah dimajukan kepada pihak negeri, tetapi sehingga hari ini tidak ada layanan dan banyak lagi kelas

KEMAS yang tidak disempurnakan. Apa yang saya diberi faham bahawa peruntukan ini sebenarnya wujud sehinggakan peruntukan itu akan dikembalikan kepada pihak Treasury. Ini bererti pihak KEMAS negeri Kelantan tidak tahu menggunakan peruntukan itu sebenar, barangkali oleh kerana kelemahan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab. Kalau inilah merupakan kelemahan pegawai yang berkenaan, apakah pihak kementerian tidak bercadang untuk mengambil tindakan tegas sama ada tukar atau apa-apa tindakan supaya tidak timbul masalah keperluan rakyat di kampung-kampung. Walaupun peruntukan ada, tetapi tidak dapat dilaksanakan, disebabkan kelemahan pihak pentadbiran KEMAS negeri Kelantan, samalah juga dengan Desa Wawasan, tidak ada perhatian yang begitu serius oleh pihak KEMAS negeri Kelantan yang bertanggungjawab kepada Desa-desa Wawasan yang wujud di dalam negeri, di Parlimen sayalah khususnya, begitu juga di negeri Kelantan. Itu sahaja.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, kita memang sedar bahawa di beberapa buah negeri termasuk di negeri Kelantan ada beberapa masalah dalam pelaksanaan projek-projek misalnya pembinaan kelas tabika baru. Sebenarnya Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar baru-baru ini telah mendapat taklimat dari pegawai KEMAS negeri Kelantan dan telah menentukan bahawa program-program kementerian haruslah dijalankan dengan begitu cekap dan sebagainya. Tetapi di antara masalah yang dihadapi adalah masalah pengambilan tanah. Jadi, mengenai masalah di kawasan Yang

Berhormat, kita akan mengambil perhatian dan kita akan mengkaji apakah masalah yang sebenarnya.

Dua orang Ahli Yang Berhormat telah menyentuh mengenai Program Gerakan Desa Wawasan dan Yang Berhormat yang baru bercakap itu pun menyentuh perkara ini. Itu sebabnya saya tidak menjawab soalan beliau tadi. Beberapa perkara telah ditimbulkan, yang pertama ialah tidak ada kemahiran pengurusan, kurang kualiti pengurus dan cadangan untuk menubuhkan Unit GDW di kementerian.

Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, penyelia KEMAS telah ditugaskan sebagai penggerak GDW. Tidak dinafikan ada di antara mereka yang kurang kemahiran, seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Tindakan kementerian menerusi Institute for Rural Advancement (INFRA) adalah untuk melatih bagi mempertingkatkan kualiti penggerak-penggerak ini yang juga ahli-ahli JKK. Sepanjang tahun 1997 ini sebanyak 58 kursus yang melibatkan 3,959 orang peserta telah dilaksanakan. Bagi Sabah dan Sarawak peserta kursus semua seramai 65 orang setiap negeri dijalankan. Di samping itu, oleh kerana kita telah menerima berbagai rayuan dari beberapa orang Ahli Yang Berhormat, kementerian telah dan sedang menyediakan satu 'kit' untuk GDW yang mengandungi bahan-bahan penting termasuk manual penggerak bagi GDW sebagai panduan mereka melaksanakan gerakan Desa Wawasan ini supaya ia dapat lebih mantap dan lebih berkesan dari masa-masa yang lepas.

Tuan Fu Ah Kiow: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Mentakab bangun ya.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Pengerusi, minta penjelasan. Kalau kita kaji fungsi dan bidang tugas GDW, kita dapati semua bidang tugas dan peranannya sedang dan boleh dilakukan oleh JKKK yang sedia ada, di mana semua pegawai jabatan kerajaan biasanya menghadiri mesyuarat JKKK tempatan, tambahan pula saya difahamkan setiap tahun GDW cuma mendapat peruntukan sebanyak RM3,000 hingga RM5,000. Jadi, apa yang kita boleh buat dengan peruntukan yang begitu kecil? Tidakkah penubuhan GDW merupakan satu tindihan atau satu usaha yang mengulangi peranan JKKK dan sebenarnya kemungkinan lebih baik kita mengkaji keperluan mewujudkan GDW.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, sebenarnya Gerakan Desa Wawasan bukanlah satu department, ini cuma satu program baru untuk memantapkan lagi peranan JKKK di peringkat kampung. Ia sebenarnya tidak menggantikan peranan JKK, ianya akan memantapkan lagi dengan beberapa program yang telah diadakan oleh kementerian melalui KEMAS. Tetapi pelbagai masalah yang kita hadapi sekarang, oleh kerana penggerak-penggerak kita di peringkat bawah belum berapa pasti mengenai matlamat dan pelbagai program yang harus dijalankan. Maka menyedari itu kementerian telah mengadakan satu 'kit' satu panduan yang jelas, yang harus digunapakaikan oleh penggerak-penggerak di peringkat bawah supaya dia tahu apakah matlamat GDW sebenarnya. Kita rasa gerakan ini dapat membantu masyarakat kita bangun dan maju, kerana kita dapati bahawa kalau JKK itu cukup mantap,

cukup berkari dan dapat memimpin kampung itu. Adalah bukti di beberapa buah kampung bahawa kampung itu didapati lebih maju daripada kampung-kampung yang lain.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, Pokok Sena bangun.

Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Pengerusi, berhubung dengan Desa Wawasan juga. Dalam kawasan saya ada satu kampung Desa Wawasan yang telah dirasmikan oleh menteri sendiri, selepas dirasmi gelap sampai sekarang ini. Yang Berhormat menerangkan bahawa ada satu 'kit' untuk JKKK, tidak bolehkah diadakan satu penerangan yang khusus kepada ahli-ahli Parlimen ini, kerana kita sendiri tidak tahu mengenai Desa Wawasan ini. Yang tahu bila menteri rasmi, kita ingat hendak terjun macam durian runtuh ke kampung itu.

Baru-baru ini saya membawa Ketua Setiausaha Negara pula pergi untuk melihat Desa Wawasan ini. Jadi saya minta pertama panggil ahli-ahli Parlimen ini beri penerangan tentang GDW ini, selepas itu baru kita dapat memainkan peranan sebagai ahli Parlimen untuk menolong kementerian Yang Berhormat.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada cadangan Yang Berhormat. Memang kita mengadakan beberapa penjelasan mungkin belum kepada ahli Parlimen, jadi kita akan mencari masa yang sesuai bagi ahli-ahli Parlimen datang untuk menerima taklimat mengenai GDW. Cuma rayuan saya apabila Yang Berhormat

menerima jemputan mesti hadir, kerana ada satu ketika kita mengadakan satu briefing mengenai Kementerian Pembangunan Luar Bandar, saya lupa tarikhnya, hanya beberapa orang sahaja yang hadir. Jadi, inilah masalahnya. Oleh itu, saya berharap apabila ada jemputan, saya minta Yang Berhormat turut hadir.

Bagi peringkat negeri memang ada di beberapa negeri diadakan penjelasan-penjelasan kepada ADUN dan kepada Exco, oleh pegawai-pegawai di kementerian. Memang penjelasan ini perlu kerana banyak yang keliru dengan apa yang sebenarnya GDW, maka kita berterima kasihlah kepada Yang Berhormat dari Pokok Sena yang telah mencadangkan dan penjelasan itu kementerian akan buat nanti.

Perkara ketiga mengenai KEMAS yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelevu, Yang Berhormat dari Rompin dan Yang Berhormat dari Tambun ialah mengenai kekurangan guru tabika, kekosongan jawatan dan kredibiliti kakitangan KEMAS.

Saya berterima kasih atas simpati Ahli-ahli Yang Berhormat, kekurangan guru tabika memang amat dirasai di luar bandar, jika dibandingkan 13,000 buah kampung dengan bilangan guru tabika yang hanya seramai 7,143 adalah ternyata kita tidak dapat memenuhi satu kampung bagi seorang guru. Namun demikian berasaskan peruntukan kewangan dan bilangan jawatan yang diluluskan, usaha pertambahan akan terus dilakukan.

Pada tahun 1997 ini kita telah dan sedang melatih 717 orang pemaju masyarakat, guru tabika, mereka akan mengajar di sesi 1998 nanti.

Mengenai pengisian kekosongan penyelia supaya diambil daripada kalangan mereka yang berkualiti, memanglah menjadi hasrat kementerian, bahawa pertama kalinya tahun ini kekosongan jawatan penyelia telah diiklankan di dalam akhbar dan proses temuduga telah pun dijalankan. Seramai 152 orang akan dilantik mulai 1 Januari 1998 ini, untuk menentukan supaya mereka dapat memberi perkhidmatan terbaik, Kursus Induksi dan latihan khas akan dijalankan. Pengisian jawatan tetap seperti Pegawai Pembangunan Masyarakat atau pengarah sepertimana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jelebu akan diisi melalui urusan temuduga dan kenaikan pangkat oleh JPA.

Mengenai prasekolah di estet-estet yang disentuh oleh Yang Berhormat dari Teluk Intan, ingin dimaklumkan bahawa sekarang ada sebanyak 45 buah kelas tabika KEMAS dibuka di kawasan estet, tambahan kepada kelas ini adalah bergantung kepada peneroka dan bilangan pemaju masyarakat yang diluluskan. Jadi, nampaknya Yang Berhormat dari Teluk Intan tidak pernah melawat ke estet, maka tidak nampak kelas tabika di estet-estet. *[Ketawa]*

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, dia bangun Yang Berhormat.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tak payah.

Tuan M. Kulasegaran: Saya dari estet.

Tuan Douglas Uggah Embas: Kalau dia hendak tanya - tak payah.

Tuan M. Kulasegaran: Kalau saya dari estet, macam mana saya tidak melawat ini.

Tuan Douglas Uggah Embas: Saya tidak mahu beri jalan.

Tuan Pengerusi: Ya, dia tidak beri jalan Yang Berhormat.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi.....

Tuan M. Kulasegaran: Saya dari estet, macam mana tidak pergi.....

Tuan Douglas Uggah Embas: Kita tidak ada masa lagi. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Tambun telah menyentuh mengenai

Tuan M. Kulasegaran: Sengaja *[sambil mengangkat tangan]*

Tuan Douglas Uggah Embas: industri luar bandar. Isu-isu yang dibangkitkan apakah asas pemberian pinjaman, tempoh waktu diproses atau permohonan tidak dihantar oleh peringkat negeri.

Yang pertama, saya ingin menjelaskan bahawa ada empat asas utama pertimbangan bantuan mesin di dalam program pembangunan industri luar bandar ini, antaranya:-

- (a) kriteria industri. Kita ada beberapa industri yang kita berikan penekanan, maka kita akan memberi penumpuan kepada industri-industri tersebut.
- (b) kriteria keusahawanan. Kita akan menentukan bahawa bakal-bakal yang kita bantukan atau usahawan-usahawan itu ada mempunyai semangat keusahawanan.
- (c) kita melihat apakah mesin yang dipohon; dan

(d) kriteria kawasan operasi.

Kriteria-kriteria ini bertujuan antara lain untuk melihat daya maju dan kemampuan projek. Kesesuaian pemohon, iltizam pemohon, keperluan mesin dan kesesuaian tempat operasi.

Untuk soalan yang kedua, tempoh permohonan bantuan mesin diproses dalam masa 3 bulan. Tetapi kelewatan memberi jawapan baru-baru ini oleh kerana program ini dibeku sejak tahun 1995, ia dibeku oleh kerana kementerian merasa perlu kita membuat satu kajian untuk mencari jalan bagaimana kita hendak mengatur pendekatan-pendekatan yang baru, yang lebih berkesan supaya bantuan ini akan membawa manfaat kepada masyarakat luar bandar. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat program ini telah dibuka semula dan keputusan-keputusan yang telah diputus untuk siapa-siapa yang dapat dibantu, mendapat bantuan kementerian, telah dan sedang dimaklumkan.

Mengenai permohonan-permohonan yang tidak dikemukakan oleh peringkat negeri, pemohon-pemohon ini boleh mengemukakan permohonan terus kepada kementerian atau melalui KEMAS dan agensi-agensi kementerian dengan salinan kepada kementerian. Sekiranya pemohon-pemohon tidak menerima kad akaun penerimaan daripada kementerian, ini bermakna kementerian belum menerima permohonan mereka dan mereka dinasihatkan menghubungi kementerian dan mengemukakan salinan borang permohonan dan kertas kerja mereka.

Yang Berhormat dari Jerlun ada bertanya dan membuat satu cadangan dan kita berterima kasih kepada teguran dan pandangan Yang Berhormat

supaya KEDA sentiasa mencari jalan dan pendekatan yang terbaik bagi memastikan prestasi KEDA dalam pelaksanaan projek kampung akan lebih berkesan lagi dan mencapai matlamat sepertimana ditetapkan. Yang Berhormat juga mencadangkan supaya KEDA disusun semula, dilihat semula dari segi bidang tugas dan fungsi dan memberi tumpuan kepada peningkatan hasil-hasil pertanian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat KEDA ataupun kementerian memang dari masa ke semasa sentiasa mengkaji semula bidang-bidang kuasa ataupun peranan-peranan badan-badan, agensi-agensi di bawahnya termasuk KEDA untuk menentukan supaya agensi-agensi tersebut dapat memainkan peranan dengan lebih efektif dalam usaha kita untuk membawa pembangunan kepada luar bandar dan dalam usaha kita untuk membasmi kemiskinan di kawasan-kawasan tertentu.

Yang Berhormat dari Bintulu juga telah bertanya mengenai istilah 'luar bandar' dengan 'desa' dan beliau keliru. Saya percaya beliau tidak perlu

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, dia bangun.

Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebelum Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pergi lebih jauh tentang perkara-perkara ini, saya ingin berbalik semula kepada soal KEMAS tadi. Saya rasa salah satu perkara yang ditimbulkan dalam perbahasan kelmarin ialah tentang masalah pegawai-pegawai KEMAS termasuklah penyelia-penyelia peringkat kawasan yang mengambil bahagian aktif di dalam

politik sehingga kadang-kadang menjejaskan keadaan di sesuatu tempat itu. Sebenarnya perkara ini ditimbulkan bukan oleh Jelebu sahaja, ia terdapat dalam banyak kawasan, boleh dikatakan menyeluruh. Jadi, saya ingat Dewan ini harus dijelaskan apakah langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk mengatasi masalah ini supaya ia tidak berterusan?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Pengerusi, KEMAS memang ada tugas, ada panduan dan kalau pegawai-pegawai KEMAS didapati melanggar peraturan, melanggar tatacaranya kementerian akan mengambil tindakan. Jadi kalau ada pegawai-pegawai KEMAS kita bertindak sumbang, saya berharap Yang Berhormat memberitahu kepada kementerian supaya kita menentukan pegawai-pegawai tersebut dinasihat atau diambil tindakan kalau perlu untuk menentukan prestasinya dapat ditingkatkan.

Yang Berhormat dari Bintulu kelmarin apabila beliau mula berbincang, beliau keliru mengenai istilah 'luar bandar' dengan 'desa', saya rasa kalau beliau ada meminta nasihat dari Teluk Intan apakah istilah 'luar bandar' dan 'desa'. Bagaimanapun bagi tujuan rancangan luar bandar dengan desa ini adalah makna yang sama, seringkali diguna secara silih ganti. Bagi tujuan perancangan, dua kriteria berikutan digunakan untuk menetapkan kawasan luar bandar, satu adalah bilangan penduduk, kawasan penduduk yang kurang dari 10,000 orang ditakrifkan sebagai luar bandar. Begitu juga mengenai dengan liputan kawasan. Kawasan diliputi di bawah pentadbiran pihak berkuasa tempatan dikatakan kawasan bandar dan kawasan yang di luar liputan pentadbiran pihak berkuasa tempatan ditakrifkan sebagai kawasan luar bandar.

Tafsiran ini adalah tidak termasuk beberapa negeri. Saya harap Yang Berhormat dari Bintulu faham mengapa kita gunakan istilah 'luar bandar' dan 'desa'.

Yang Berhormat dari Bintulu menyentuh mengenai masalah pembangunan luar bandar negeri Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan Barisan Nasional sedar atas masalah ini. Kalau Yang Berhormat sudi meneliti peruntukan kerajaan, saya yakin Yang Berhormat bersetuju dan kemudian akan menyokong Kerajaan Barisan Nasional dalam usaha kita membangunkan luar bandar, mungkin satu ketika nanti akan mencari tempat dalam kerusi di sebelah ini, kerana usaha Barisan Nasional untuk meningkatkan taraf kemudahan di negeri Sarawak nampak nyata. Misalnya peruntukan bekalan elektrik di negeri Sarawak sebanyak RM50 juta daripada RM120 juta peruntukan keseluruhan negara diberikan kepada negeri Sarawak.

Bagi melaksanakan projek-projek prasarana asas pembangunan pertanian, pendidikan dan latihan di kawasan luar bandar dan lain-lain berkaitan, ceiling sejumlah RM2.6 bilion disediakan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh untuk negeri Sarawak dan ia merupakan 14.5% daripada peruntukan sektor luar bandar keseluruhannya, iaitu negeri yang terbanyak sekali mendapat peruntukan di bawah sektor luar bandar. Yang Berhormat juga bertanya sejauh mana program KPLB dijalankan di Bintulu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat semua program Kementerian Pembangunan Luar Bandar dijalankan di semua daerah di negeri Sarawak termasuk di Bintulu. Oleh kerana senarai itu panjang sekiranya Yang

Berhormat berminat, Yang Berhormat boleh menulis dan kita akan memberi jawapan kepada Yang Berhormat secara bertulis apakah program-program kita yang akan diadakan di Bintulu. Dengan itu saya saya sekali lagi bagi pihak kementerian ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, teguran dan panduan kepada kementerian dalam kita membincang di peringkat Jawatankuasa mengenai kementerian. Apa-apa perkara yang tidak dibincang, tidak dijawab, ianya akan diambil tindakan oleh kementerian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM322,454,400 untuk Maksud B.48 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM322,454,400 untuk Maksud B.48 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM962,948,550 untuk Maksud P.48 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1998 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM962,948,550 untuk Maksud P.48 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1998.

**Maksud B.49 [Maksud] -
Maksud P.49 [Anggaran Pembangunan, 1998] -**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.49 dan Kepala Pembangunan P. 49 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos terbuka untuk dibahas. Ya. Serdang.

4.22 ptg.

Dr. Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, sukacita saya untuk mengambil bahagian untuk membincangkan Butiran 010200 - Perancangan dan Dasar.

Tuan Pengerusi, walaupun negara kita sedang menghadapi krisis kewangan dan ekonomi, tetapi saya difahamkan bahawa program Multimedia Super Corridor (MSC) akan diteruskan di mana Cyberjaya juga diteruskan supaya program-program yang ditentukan oleh kerajaan dapat dilancarkan. Sokongan daripada luar negeri, syarikat-syarikat dari luar negeri juga memberangsangkan. Tetapi saya hendak meminta sedikit penjelasan daripada kementerian, kawasan Multimedia Super Corridor (MSC) di mana lingkungan daripada 50 kilometer kali 15 kilometer, dalam lingkungan ini 2/3 kawasan Serdang termasuk iaitu Serdang dan Puchong di tengah-tengah kawasan MSC.

Program Cyberjaya telah dijalankan, tetapi saya tidak tahu adakah satu perancangan yang lebih terperinci untuk menaikkan taraf infrastruktur termasuk tenaga, telekom dan pos di kawasan Serdang dan Puchong supaya selaras dengan program Multimedia Super Corridor.

Tuan Pengerusi, saya membangkitkan perkara ini, kerana ini penting, kalau kawasan yang dalam lingkungan Multimedia Super Corridor seperti Serdang dan Puchong ini tidak ada perancangan yang terperinci untuk

menaikkan tarafnya, maka akan terjejas taraf seperti dengan menggunakan tenaga, telekom dan pos yang lebih canggih di kawasan tersebut.

Tuan Pengerusi, oleh kerana tujuan kerajaan menjadikan Multimedia Super Corridor akan menjadi satu pentadbiran tanpa kertas di kawasan tersebut, ertinya paperless administration. Jadi, mungkin tidak lama lagi kawasan Puchong-Serdang yang dalam lingkungan tersebut akan terlibat secara langsung. Oleh itu, pentingnya perancangan yang terperinci dan diharap mendapat maklumat yang lebih lanjut daripada kementerian, supaya saya sebagai wakil rakyat di kawasan itu dapat memberi galakan, di mana kawasan-kawasan Puchong dan Serdang akan menikmati teknologi informasi yang lebih canggih di kawasan tersebut dan juga dapat galakan kepada murid-murid untuk belajar atau mahir dalam menggunakan komputer dan Internet pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyebut dengan Butiran 00100 - Program Kecekapan Tenaga. Saya masih tidak lupa kementerian mengakui bahawa bekalan elektrik kepada kilang-kilang haram dan rumah-rumah haram juga menjadi masalah yang begitu besar kepada pihak-pihak berkuasa tempatan dan juga pihak kerajaan negeri, khususnya di kawasan Selangor.

Saya difahamkan bahawa kementerian setuju untuk berunding dengan pihak berkuasa tempatan atau pihak Kerajaan Negeri Selangor untuk bersama-sama mencari ikhtiar untuk mengatasi masalah ini, sebab saya tidak tahu sama ada kementerian akan mengkaji semula Akta Bekalan Elektrik tahun 1990. Dengan adanya Akta ini di mana permohonan dari sebarang kilang, rumah atau

premises yang cukup keselamatan boleh memiliki bekalan tanpa mengira kilang atau rumah, sama ada secara rasmi atau haram, dengan keadaan yang demikian kilang-kilang haram atau rumah-rumah haram yang akan wujud di atas tanah kerajaan itu tidak dapat dicegah kerana mereka siap dan mendapat bekalan elektrik melalui Akta Bekalan Elektrik tanpa rujukan kepada pihak-pihak berkuasa tempatan. Maka dengan adanya akta demikian akan menggalakkan lebih banyak lagi kilang dan rumah haram akan wujud di kawasan-kawasan atau di dalam tanah simpanan kerajaan, di tanah rizab JPS atau JKR. Ini adalah satu masalah yang sedang dihadapi di negeri Selangor dan di kawasan saya juga kerana ini penting untuk mengkaji semula sama ada boleh melalui Akta Bekalan Elektrik ini supaya berunding semula dengan pihak Kerajaan Negeri Selangor atau pihak-pihak berkuasa tempatan supaya tidak akan membenarkan bekalan elektrik kepada kilang-kilang dan rumah-rumah haram yang didirikan di atas tanah kerajaan, dengan kerjasama di antara satu sama lain, Tuan Pengerusi akan mencegah bukan 100%, tetapi akan mengurangkan masalah sosial dan politik di kawasan-kawasan tertentu. Jadi, saya ingin meminta penjelasan daripada kementerian sama ada pihak kementerian akan sedia berunding atau mengambil inisiatif untuk berunding dengan pihak kerajaan dan pihak berkuasa tempatan untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin bertanya kepada kementerian, dengan adanya Akta Bekalan Elektrik 1990, mengikut Akta ini, adakah kewajipan kepada tuan rumah atau pemilik kilang dan berapa lama setelah mendapat

bekalan elektrik, ia hendak diperiksa semula? Adakah ini paksaan, di bawah Akta Bekalan Elektrik itu? Kalau ada, adakah satu tempoh yang tertentu supaya pemilik rumah atau pemilik-pemilik kilang tersebut hendaklah memeriksa semula kelengkapan wayar-wayar elektrik itu, kalau ada apa tindakan dan nasihat yang diberi kepada pemilik-pemilik rumah atau kilang tersebut? Jika tidak bagaimana hendak mencegah kebakaran dari berlaku? Tuan Pengerusi, katakan kalau rumah yang sudah berusia 20 tahun atau 30 tahun, ia mungkin sudah lapuk dan dalam masa 30 tahun mungkin alat-alat elektrik itu memang tidak moden seperti sekarang. Maka itu penting untuk meminta kementerian supaya akta tersebut sama ada dikuatkuasakan atau macam mana caranya.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak menyentuh mengenai dengan Butiran 040000 - Perkhidmatan Kawalselia Pos. Saya suka juga membangkitkan masalah Pejabat Pos di Seri Kembangan. Walaupun ini satu kawasan saya sahaja, tetapi ia penting. Seri Kembangan telah maju dan sedang membangun dengan giatnya, tetapi Pejabat Pos di Seri Kembangan masih tidak berubah dengan masa 30 tahun dahulu. Dengan adanya 200,000 orang penduduk dan dengan adanya 18 buah bank dan institusi kewangan yang wujud di Seri Kembangan, saya tidak tahu macam mana untuk memberi perkhidmatan lebih memuaskan kepada pelanggan mereka. Oleh kerana perkhidmatan pos yang dianjurkan dan dikawalselia oleh Pos Malaysia Berhad, satu badan swasta, maka saya minta kepentingan pelanggan dan kepentingan rakyat di kawasan tersebut sepatutnya diwujudkan satu pejabat pos yang lebih canggih lagi untuk

mengatasi masalah kekurangan perkhidmatan di situ. Oleh kerana kawasan Seri Kembangan juga terlibat secara langsung dalam MSC, jadi ini adalah satu perkara yang sedang dibangkitkan oleh rakyat tempatan, cara mana untuk setaraf dengan taraf kedudukan MSC di kawasan tersebut. Perkhidmatan pos di Seri Kembangan sepatutnya dinaik pangkat atau mendapat satu pusat lagi.

Satu kawasan lagi, Balakong. Tuan Pengerusi di kawasan ini ada lebih kurang 200,000 penduduk, dengan 20,000 unit rumah, ribuan kilang wujud di kawasan tersebut - sepanjang jalan Balakong tanpa perkhidmatan pos. Sehingga hari ini saya tidak tahu apa sebab Pos Malaysia Bhd, tidak memberi perkhidmatan di kawasan tersebut.

Saya tidak tahu apa sebab dinafikan kepentingan perkhidmatan pos di kawasan tersebut. Yang Berhormat Timbalan Menteri senyum, mungkin ada satu jawapan akan datang. Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi pentingnya supaya selepas perkhidmatan pos di bawah penswastaan maka itu sepatutnya perkhidmatan pos lebih berkesan dan memberi perkhidmatan yang lebih baik untuk kawasan tersebut. Mungkin dua puluh, tiga puluh tahun dahulu di kawasan itu mungkin tidak perlu untuk mewujudkan satu pejabat pos. Tetapi oleh kerana pada ketika ini kawasan ini memang pesat di bawah program Kerajaan Barisan Nasional, maka saya mintalah kementerian masanya sudah sampai sebelum pilihan raya akan datang wujudkan pejabat pos di Jalan Balakong tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Di belakang. Kluang.

4.32 ptg.

Tuan Hoo Seong Chang [Kluang]: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahas Maksud Bekalan B.49. saya ingin mengemukakan dua perkara di bawah Butiran 040000 dan satu perkara di bawah Butiran 030000.

Tuan Pengerusi, di bawah Perkhidmatan Pos saya terlebih dahulu ingin menanya kepada pihak kementerian dan pada masa yang sama saya ingin menarik perhatian pihak kementerian terhadap prosedur menguruskan postal parcel ataupun bungkusan yang dihantar dari negara luar masuk ke Malaysia oleh penduduk Malaysia sendiri. Saya dapat satu aduan dan sebelum itu memang banyak aduan disampaikan kepada saya, dan beberapa hari dahulu seorang penduduk di kawasan saya yang bernama Encik Wong Tian Poh, beliau baru balik dan negara Jepun.

Pada bulan Oktober 1997 beliau telah menghantarkan tujuh bungkusan dari negara Jepun ke Malaysia melalui pintu ataupun Pos di Johor Bahru, dan pada 25 Oktober 1997 diterima oleh Unit Kastam Pejabat Pos Johor Bahru, dan pada 28 November 1997 beliau dipanggil oleh Pejabat Pos di Kluang untuk menerima tujuh bungkusan yang dihantar pada satu bulan dahulu yang dikirim dari negara Jepun.

Apabila beliau sampai ke Pejabat Pos Kluang didapati tujuh bungkusan yang dihantar itu nampaknya sudah hilang, mungkin tujuh bungkusan sudah hilang barangnya. Beliau periksa bungkusan tersebut didapati tujuh bungkusan yang dihantar itu ketujuh-tujuh bungkusan itu hilang barangnya. Antara barang-barang termasuk alat muzik, CD, kotak bekas, baju dan sebagainya.

Beliau serta-merta buat aduan kepada pihak Pos di Kluang, tetapi selepas berhubung dengan beberapa pihak nampaknya tidak berhasil. Beliau berjumpa dengan saya dan terangkan kedudukan yang sebenarnya.

Beliau memberitahu saya pada Mac 1997 tahun ini beliau juga pernah menghantar lima bungkusan dari negara Jepun ke Malaysia dan pada masa itu cuma ada satu bungkusan yang telah pun dibuka dan hilang barangnya. Jadi, kerana insiden tersebut beliau berhati-hati kerana kali ini hantar tujuh bungkusan. Tetapi malangnya tujuh bungkusan pun terdapat kehilangan barang-barang beliau. Beliau beritahu saya kerugian mungkin tidak kurang dari RM3,000.

Jadi, saya ingin bertanya kepada kementerian dan pada masa yang sama ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang prosedur untuk kita hantar barang dari negara lain sampai ke Malaysia dan siapa yang betul-betul bertanggungjawab untuk mengesan ataupun apabila berlaku kehilangan barang dalam parcel ataupun bungkusan, pihak mana yang patut pengirim itu membuat aduan supaya bukan sahaja dapat menyelamatkan barang beliau dan pada masa yang sama untuk menjaga imej Syarikat Pos Malaysia yang selama ini telah pun memberi satu perkhidmatan yang begitu baik untuk penduduk-penduduk ataupun rakyat di Malaysia. Jadi, perkara pertama saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi satu nasihat supaya pengadu-pengadu ini dapat memberi ataupun membawa aduan kepada pihak yang bertanggungjawab.

Perkara yang kedua tentang Perkhidmatan Posmen. Saya tadi dengar ucapan Yang Berhormat dari Serdang tentang perkhidmatan pos di kawasan beliau. Di sini saya ingin bertanya kepada kementerian sama ada tenaga ataupun kedudukan tenaga posmen di negara kita, pengambilan posmen ada masalah atau tidak. Seperti di kawasan saya, iaitu di kampung saya sendiri, sebab saya bangkit perkara ini selalu apabila saya menerima jemputan sudah terlepas tarikh. Apabila saya menerima jemputan, majlis telah pun terlepas dua-tiga hari. Jadi, saya bangkit perkara ini.

Kalau kita bandingkan tiga puluh tahun dahulu mana-mana tempat sama, pasti pembangunan berlaku. Pada tiga puluh tahun dahulu Pekan Paloh ini mempunyai satu kerani ataupun Posmaster dan dua orang posmen. Tetapi selepas tigapuluh nampaknya kerani itu ada tambah seorang pembantu. Jadi, ada dua Posmaster, posmen tetap lagi dua orang. Saya cukup kasihan kepada dua orang posmen yang sekarang berkhidmat di Pekan Paloh ini, sebab kawasan sudah tambah begitu luas, taman-taman perumahan sudah tambah lima buah, selepas itu kawasan-kawasan seperti di estet-estet termasuk Desa Chamik yang berdekatan pun di bawah perkhidmatan pos Paloh.

Jadi, saya rasa mungkin sudah sampai masanya kementerian harus berbincang dengan Pos Malaysia supaya kaji semula tentang tenaga posmen yang berada di seluruh negara kita. Saya cuma ambil contoh di Paloh sahaja di mana bukan tiap-tiap hari saya dapat surat walaupun di tengah-tengah bandar. Jadi, dengan penambahan seorang posmen pun saya rasa dapat menyelamatkan kedudukan sekarang yang berlaku di Pekan Paloh ini. Saya ingin merayu

kepada pihak kementerian supaya berbincang dengan pihak Pos supaya dapat sekurang-kurangnya menambah seorang lagi posmen untuk berkhimat di pekan Paloh.

Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 030000. Saya ingin menyentuh tentang Syarikat Celcom, iaitu Perkhidmatan 010. Saya tidak tahu perkara ini berlaku di kawasan yang lain, sebab saya pun petik contoh di pekan Paloh juga. Sebab sejak satu tahun setengah dahulu Syarikat Celcom ini mendirikan RBS kalau tidak salah saya ataupun stesen pemancar di Paloh. Apabila stesen ini didirikan penduduk-penduduk di Paloh berasa amat gembira kerana mungkin dengan stesen pemancar ini perkhidmatan untuk Celcom pasti meningkat. Jadi, penduduk-penduduk sudah ramai membeli telefon bimbit dan mendaftar dengan Syarikat Celcom. Tetapi malangnya sejak stesen pemancar ini siap dirikan, sampai hari ini stesen pemancar ini memang tidak berfungsi dengan baik. Jadi, ramai penduduk kampung saya berjumpa dengan saya, dan saya sendiri pun pernah buat aduan kepada pihak-pihak yang berkenaan di Batu Pahat dan juga di Johor Bahru. Jawapannya ada, tetapi pada hari ini masih tidak berkesan ataupun tidak berhasil langsung untuk membaiki kedudukan yang ada. Jadi, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya betul-betul tanya dengan Syarikat Celcom ini apa tujuannya mendirikan satu stesen pemancar ataupun RBS tetapi tidak berfungsi langsung.

Ramai penduduk di kawasan saya bertanya kepada saya, sama ada kalau ia tidak berfungsi dan sewa bulanan itu tetap dibayar. Sama ada ia berhak untuk tuntutan balik sewa bulanan yang dikenakan RM60.00 ini pada tiap-tiap

bulan. Saya rasa ini memang tidak adil kepada mereka yang telah pun membeli telefon bimbit yang mendaftar dengan Syarikat Celcom ini tetapi tidak dapat perkhidmatan untuk memakai telefon bimbit ini.

Jadi, saya ingin merayu kepada pihak kementerian supaya dapat berhubung dengan Celcom, sedangkan saya sendiri membuat aduan pun tidak berkesan. Jadi, saya mintalah Yang Berhormat Timbalan Menteri mungkin dapat membantu supaya perkara-perkara ini dapat diselesaikan dan untuk menjaga kepentingan pengguna yang mungkin bukan sahaja berada di Paloh tetapi mungkin di kawasan-kawasan yang lain.

Jadi, itu sahajalah Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Tanjong.

4.42 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]: Tuan Pengerusi, saya sebut Butiran 020000 - Kawalselia Elektrik dan Gas. Rakyat Malaysia sangat terperanjat dengan pengambil alih Projek Bakun oleh kerajaan oleh kerana penafian Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri apabila buat pengumumannya bahawa ia bukan satu bail-out untuk Tan Sri Ting Pek Khiing tidak ada kredibiliti. Pengumuman itu ada menimbulkan banyak soalan-soalan isu-isu demi kepentingan orang ramai, khasnya mengenai pengambil alih Projek Bakun oleh kerajaan ialah wajar dan munasabah, khasnya mengenai menggunakan wang rakyat, wang pembayar cukai untuk ganti rugi Ekran Bhd.

Sebenarnya sebelum Projek Bakun yang bernilai RM13.6 bilion diberi kepada Ekran dalam suasana dan syarat tanpa ketelusan ada bantahan yang kuat

oleh semua pihak lapisan masyarakat sama ada dari segi kewangan, ekonomi teknikal, sosial atau environmental. Kalau kerajaan masa itu ada menghirau public opinion, tentulah Projek Bakun itu tidak akan diberikan sebagai satu projek penswastan kepada Ekran Bhd. dan sekarang tidak timbul masalah di mana perlu membayar apa-apa ganti rugi kepada Tan Sri Ting Pek Khiing atau Ekran Bhd. Soalan-soalan yang relevan ialah kenapa pembayar cukai sekarang perlu membayar ganti rugi oleh kerana apa ganti rugi yang dibayar oleh kerajaan ialah dibayar oleh rakyat oleh kerana kesilapan-kesilapan kerajaan, oleh kerana kerajaan tidak mahu mendengar pandangan-pandangan orang ramai.

Saya dapati bahawa amaun ganti rugi yang kerajaan harus membayar atau dituntut oleh Ekran Bhd. hampir RM700 juta; RM300 juta untuk management fees dan RM400 juta untuk kos pembinaan. Kita masih boleh ingat satu ketika di mana Ekran masa itu ada menuntut RM1 bilion sebagai management fees sahaja, bukan RM1 juta atas sebab bahawa Ekran ialah syarikat yang dapat Projek Bakun dan menunjukkan dimensi betapa menindas exploitative projek ini. Sungguhpun ini dikurangkan, saya dengar RM400 juta atau RM600 juta ini sangat tidak munasabah. Oleh kerana ini angka-angka yang sangat exorbitant dan saya mahu tanya sama ada kerajaan rela untuk membayar ganti rugi sehingga beratus juta ringgit. Kita mahu tanya lagi mengenai kutipan besar-besaran yang dapat oleh Ekran oleh kerana penjualan hak-hak lodging kepada beberapa syarikat yang ada dilaporkan dalam surat khabar. Kita mahu tahu dalam proses pembayaran ganti rugi kepada Ekran oleh

kerana kerajaan ambil alih Projek Bakun kerajaan menjalankan proses ini dengan segala ketelusan, segala transparency supaya tidak berlaku apa-apa ketidakadilan kepada orang ramai dan kepada negara. Sebab itu kita harap bahawa kerajaan akan memberi jaminan bahawa sebelum apa-apa ganti rugi diberi kepada Ekran oleh kerana Projek Bakun bahawa perkara ini dibawa ke Parlimen dan satu keputusan dibuat di Parlimen sebelum apa-apa ganti rugi dibuat.

Sebenarnya take over kerajaan Projek Bakun adalah menimbulkan satu isu yang sama ada ia akan membuat satu precedent yang sangat bahaya di mana kerajaan sudah postpone mega projek yang lain seperti Bakun. Adakah kerajaan sekarang buat satu precedent di mana kerajaan perlu membayar ganti rugi kepada semua mega projek yang di'postpone'kan sama ada Projek Putrajaya Administrative Centre Phase II, sama ada Northern Regional International Airport, sama ada Kuala Lumpur Linear City Project atau Cameron Highlands - Fraser Hill - Genting Highlands Road Project dan Straits of Malacca-Indonesia Bridge. Semua ini costing RM52 bilion selain daripada Bakun, semua berjumlah RM65 bilion. Adakah kerajaan dan rakyat akhirnya perlu membayar ganti rugi kepada semua mega-mega projek yang telah di'postpone'kan.

Sebenarnya semenjak Projek Bakun di'revive'kan, dihidupkan semula dengan cara yang sangat secretive, sangat misterius tanpa apa-apa open tender sungguhpun projek ini didapatkan oleh Kabinet pada bulan Mei 1990 dihidup semula pada tahun 1993, masa itu apabila disekatkan oleh Kabinet pada tahun

1990 ialah untuk sebab-sebab environmental, ada sebab-sebab yang kuat untuk menentang projek ini, yang pertama bahawa projek misconceive, sama ada economically unviable, socially disruptive and environmentally disasterous. Dan kedua, bahawa Ekran Bhd. tidak ada keupayaan untuk mengendalikan projek jana kuasa ini. Ketiga, akhirnya kerajaan perlu untuk bail-out projek ini.

Sebenarnya sebelum kejatuhan pasaran Bursa Saham KL Ekran sudah menghadapi masalah besar apabila mahu keluar satu right issue tidak dapat keyakinan orang ramai, one to one Ekran right under subscribe 63% barulah RM95 juta right barulah diberi. Ini pun akhirnya Ting Pek Khiing perlu membatalkan right issue untuk dapat RM3 bilion untuk dapat projek ini.

Apa yang kita perlu dapat penjelasan daripada kerajaan beberapa sebab, beberapa isu yang pertama bila projek ini akan ditangguhkan, apa kos tambahan yang akan accumulate oleh kerana postponement ini. Kedua, sama ada kabel submarine RM10 bilion ini akan terus dijalankan. Ketiga, apa sudah berlaku kepada RM300 juta ganti rugi kepada orang-orang indigenious di Sarawak khasnya mengenai tempat-tempat untuk menempatkan semula, dan satu lagi ialah apa keadaan hutan-hutan di Bakun yang akan menjadi tempat alternatif untuk orang-orang yang berkenaan yang perlu dihalau dan akhirnya apa sudah berlaku kepada jaminan Ting Pek Khiing untuk derma RM5 juta kepada Bakun Trust Fund kepada 10,000 orang pada masa itu yang dibuat Ogos tahun lalu dan dijamin akan dibayar dalam tempoh satu minggu. Adakah RM5 juta ini akan ditunaikan satu janji yang dibuat apabila Yang Amat Berhormat Ketua Menteri ada berkata atau semua ini sudah dilupakan.

Adakah Kerajaan Persekutuan sekarang bertanggungjawab semua liability yang dipikul oleh Ekran oleh kerana Bakun Dam Project khususnya mengenai membatalkan unilateral contract dengan Asea Brown Boveri (ABB). Ini satu kontrak yang dibatalkan, dipecah, adakah sekarang Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab semua liability itu. Semua ini kita perlu satu jawapan yang terang dan jelas sungguhpun ada laporan yang kata bahawa jenis Projek Bakun itu akan di'modify'kan bahawa akan menjana kuasa untuk keperluan negeri Sarawak. Tetapi kita dapati melalui ucapan Ketua Menteri Sarawak ada kata bahawa Sarawak perlu 100 megawatt, dan Bakun akan menjana kuasa 2,400 megawatt, sedangkan Sarawak perlu 100 megawatt. Apa yang berlaku kepada 2,300 megawatt? Saya harap bahawa kita dapat satu jawapan yang tepat.

Akhirnya, oleh kerana ini bersangkut-paut dengan Telekom saya harap bahawa kementerian berkenaan boleh mengutamakan masalah Internet access sebagai masalah utama oleh kerana Internet access sangat mahal, akhirnya bilangan subscriber-subscriber kepada Internet sangat kurang, yang jatuh daripada anggaran sebenarnya pada akhir tahun ini boleh sampai 500,000 Internet subscribers. Itulah satu anggaran yang dibuat pada bulan April tahun lalu. Tetapi oleh kerana Internet access sangat mahal, caj kadar telefon naik bulan Julai tahun lalu ditukar kepada satu time bills, bilangan orang yang masuk Internet atau subscribe Internet menjunam, dan saya harap kita perlulah tukar polisi, perlu Telekom mengadakan satu polisi yang far-sighted sekurang-kurangnya ada satu polisi dua tahun sehingga 31 Disember 1999, di mana

Internet access sangat murah, supaya kita boleh dapat sampai 1 Januari 2000, 1 juta Internet subscribers. Ini boleh dicapai kalau kos Internet access dikurangkan, khasnya dipulih kepada keadaan sebelum Julai 1996 di mana panggilan telefon dicaj bukan melalui time picks tetapi satu panggilan, call base.

Satu lagi, untuk menggalakkan IT dalam negara kita oleh kerana Telekom buat keuntungan yang begitu besar, patut ada satu skim yang kedua. Selain daripada skim yang pertama untuk Internet access sangat murah, skim kedua ialah untuk memberi Internet access percuma kepada semua sekolah di negara kita, sekolah-sekolah rendah, sekolah-sekolah menengah. Oleh kerana kalau kita mahu sekolah-sekolah di negara kita hubung kepada Internet, bukan satu line, kita perlu sekurang-kurangnya satu line untuk satu bilik darjah.

Sebab itu preInternet access kepada semua sekolah untuk dua tahun. Kalau cadangan ini boleh diterima oleh Telekom dan digalakkan oleh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, saya rasa negara kita sedia untuk menghadapi zaman maklumat dan kita in a very fore front. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sandakan.

4.56 ptg.

Tuan Lau Ngan Siew [Sandakan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Maksud Bekalan B.49, Butiran 020000. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos kerana mengambil langkah yang bijak untuk

membuka jalan kepada penswastaan Lembaga Letrik Sabah (LLS) dan memberikan kuasa kepada menteri untuk menswastakan LLS. Penduduk Sabah mengalu-alukan langkah bijak penswastaan LLS.

Masalah bekalan selalu terputus - bekalan elektrik adalah masalah utama yang berterusan dan menyebabkan aktiviti harian pengguna-pengguna di Sabah khususnya di Sandakan. Tindakan drastik hendaklah diambil untuk mengurangkan kesusahan pengguna dan mengurangkan kerugian ekonomi secara keseluruhannya. Gangguan elektrik yang kerap ini telah menjadi perkara biasa setiap hari secara rawak dari kawasan ke kawasan khususnya di daerah Sandakan. Oleh sebab keadaan yang semakin genting ini, saya merayu supaya urusan penswastaan ini dilaksanakan secepat mungkin, kerana hanya penswastaan LLS, gangguan elektrik dapat pulih kepada keadaan yang sebenar. Pada pendapat saya sekarang LLS diswastakan. Syarikat elektrik swasta yang berkenaan hendaklah mengambil perhatian tentang perkara-perkara tersebut khususnya di Sandakan:

- (i) enjin penjana kuasa stand-by hendaklah disediakan sekiranya ada enjin-enjin penjana kuasa yang rosak;
- (ii) kabel dan talian transmisi lama di tanah hendaklah dipertingkat atau diganti dengan yang baru;
- (iii) saiz kabel kecil dan tidak dapat mengeluarkan kapasiti letrik yang semakin meningkat dan membebankan kabel tersebut;

- (iv) kakitangan yang berkelulusan dan kelayakan hendaklah diberi perhatian untuk mengatasi kekurangan kakitangan. Ada kes pekerja-pekerja yang berpengalaman dan berkemahiran yang bersara tidak diganti dengan staf yang setaraf dengan kelulusan dan kemahiran mereka;
- (v) alat-alat ganti yang cukup hendaklah disediakan sekiranya berlaku kerosakan. Tambahan pula semua enjin penjana kuasa hendaklah kerap diperiksa oleh kakitangan yang berkelayakan untuk memastikan bekalan elektrik berterusan. Minyak diesel hendaklah digunakan dengan betul supaya tidak berlaku penyelewengan penggunaannya;
- (vi) perancangan yang panjang untuk menambahkan bekalan kuasa elektrik di Sabah adalah amat penting kerana pertumbuhan industri yang cepat serta pertambahan penduduk dan projek perumahan;
- (vii) projek-projek besar kuasa hidrolik di Malaysia Timur seperti Projek Bakun di Sarawak dan Projek Kuasa Hidro Liwagoh di Sabah akan dapat membantu menyelesaikan masalah kekurangan bekalan elektrik di Sabah.

Saya menggesakan konsortium mempertimbangkan dengan tidak menaikkan kadar bayaran elektrik sekarang sebelum mereka mengatasi masalah bekalan elektrik di Sabah, khasnya di Sandakan.

Jika terdapat penambahan kadar bayaran elektrik selepas penswastaan disebabkan kenaikan kos pembaikan dan peningkatan kemudahan kelengkapan. Penambahan bayaran hendaklah dilakukan secara berperingkat dan berpatutan supaya tidak membebankan pengguna-pengguna. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Bukit Mertajam.

5.01 ptg.

Dr. Tan Chong Keng [Bukit Mertajam]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 020000 - Kawalselia Elektrik dan Gas, Butiran 030000 - Kawalselia Telekom, Butiran 040000 - Kawalselia Pos, sekali gus.

Tuan Pengerusi, untuk memperbaiki bekalan elektrik kepada kawasan Bukit Mertajam yang sudah menjadi satu pusat pertumbuhan ekonomi yang pesat di Seberang Perai Tengah dan di Pulau Pinang di mana industri perumahan, industri perkilangan dan industri perniagaan sudah banyak bertumbuh. Dengan itu, bekalan elektrik kepada kawasan ini selalu menghadapi gangguan kerana ada pemerhatian bahawa bekalan elektrik kepada kawasan ini tidak mencukupi.

Walaupun Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos sudah membina beberapa substesen nampaknya usaha ini tidak mencukupi lagi. Saya sangat mengharap kementerian ini dapat mempertingkatkan lagi bekalan elektrik kepada kawasan Bukit Mertajam. Masalah yang teruk sekali dihadapi oleh

peniaga-peniaga di Taman Sri Rampai di mana ada banyak kedai baru dibina dan di kawasan Bukit Tengah di mana ada banyak kilang baru dibina di bawah usaha kerajaan negeri. Oleh sebab itu, bekalan elektrik memang tidak mencukupi di kawasan-kawasan tersebut. Selalunya industri yang gunakan bekalan elektrik untuk menjalankan mesin-mesin sudah mengalami kerugian yang besar bila sahaja gangguan bekalan elektrik berlaku. Lebih kurang tiap-tiap minggu berlaku satu-dua kali. Oleh sebab itu, peniaga-peniaga sudah banyak kali membuat aduan kepada saya, dan saya berharap kementerian ini dapat membinakan lagi lebih banyak substesen dan cuba dapatkan bekalan elektrik daripada kawasan yang lain untuk menambah kapasiti bekalan elektrik.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan usaha itu kementerian ini seringkali menjalankan kerja mengorek jalan untuk menanam kabel-kabel elektrik dan juga untuk memberi kemudahan kepada kabel-kabel Telekom, pengorekan pun dibuat di kawasan-kawasan saya merata-rata. Masalah ini bukan semasa dia mengorek, masalah ini berlaku apabila selepas dia mengorek, iaitu after service tidak ada. Selepas dikorek jalan itu tidak diperbaiki dengan sempurna dan selalunya ada lubang-lubang yang besar yang mengakibatkan kemalangan kepada pemandu-pemandu motosikal terutama sekali pada sebelah malam. Orang ramai pun ingin melihat kerajaan mempertingkatkan perkhidmatan elektrik dan telefon, tetapi bukan dengan harga yang besar, dengan harga korban nyawa ataupun dengan akibat kemalangan dan sebagainya yang disebabkan oleh kerja yang tidak sempurna, memperbaiki jalan selepas kabel-kabel itu ditanam.

Ada satu masa di mana ada orang ramai membuat aduan bahawa kabel-kabel yang ditanam itu sudah ditanam di atas tanah kubur orang Cina tertentu. Jadi, oleh kerana kontraktor yang terlibat itu ingin jimatkan sedikit, dia tidak mahu buat tanaman kabel yang lebih panjang, tetapi dia ambil jalan yang lebih pendek melalui kawasan kubur Cina yang sudah membangkitkan satu masalah yang sensitif di kawasan Bukit Tengah. Saya harap Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos boleh memberi arahan yang teliti kepada semua kontraktor yang menanam kabel supaya tidak mencero bohi tanah orang lain yang mungkin akan menimbulkan perasaan yang sensitif.

Tuan Pengerusi, berkaitan dengan Perkhidmatan Pos saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada satu cara ataupun satu cara pembahagian surat mengikut kawasan-kawasan destinasi yang dicuba di kawasan Seberang Perai. Semua surat yang dikumpul daripada semua Pejabat Pos di sana dihantar ke Butterworth untuk dibahagikan mengikut satu sistem di bawah pakar-pakar perunding daripada Australia. Nampaknya sistem ini sudah melambatkan penghantaran surat-surat ke kawasan di Seberang Perai Tengah, Utara dan Selatan. Kerana surat di Bukit Mertajam yang ditujukan ke destinasi ke Bukit Mertajam juga dihantar ke Butterworth untuk dibahagikan, kemudian baru dihantar balik ke Bukit Mertajam untuk diedarkan. Jadi, dengan cara sistem itu sudah pun melambatkan penghantaran surat. Saya berharap kementerian ini dapat membuat siasatan berkaitan dengan keberkesanan sistem yang dicubakan ini dan jikalau didapati tidak sesuai mungkin pembahagian surat itu perlu dijalankan mengikut kawasan-kawasan seperti di kawasan

Seberang Perai Utara, kawasan Seberang Perai Tengah dan kawasan Seberang Perai Selatan. Jangan semua yang dihantar ke Butterworth belum balik ke kawasan masing-masing lagi.

Saya juga menerima aduan daripada orang ramai di Bukit Mertajam bahawa satu Pejabat Pos di Bukit Mertajam ini memang tidak mencukupi untuk memberi perkhidmatan yang berkesan kepada orang ramai. Bukit Mertajam adalah satu bandar yang sudah membangun dan mengalami kesesakan lalu lintas dan sebagainya. Saya cadangan supaya satu bangunan Pejabat Pos untuk setiap kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri dibinakan di kawasan saya. Di dalam kawasan Parlimen saya ada tiga buah kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri, iaitu Berapit, Macam Bubuk dan Bukit Tengah. Saya berharap kementerian ini boleh merancang pembinaan dua buah lagi Pejabat Pos, iaitu satu untuk Macam Bubuk dan satu untuk Bukit Tengah. Pejabat Pos yang sedia ada ini adalah di pusat bandar yang sudah di dalam kawasan Berapit. Dengan cara mengadakan sebuah Pos Office ataupun Pejabat Pos untuk setiap kawasan Ahli Dewan Undangan Negeri mungkin perkhidmatan yang lebih berkesan dapat diberi kepada orang ramai, dan dengan cara itu kita boleh kurangkan masalah kesesakan lalu lintas untuk kawasan Bukit Mertajam.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin membuat aduan berkaitan dengan pencurian talian telefon. Talian telefon di rumah dan juga telefon bimbit. Apabila seseorang buat aduan kepada Pejabat Telekom sahaja, sengajanya pencurian itu pun akan berkurangan pada bulan depan. Mengapa ini boleh berlaku, dia hanya buat aduan kepada Pejabat Telekom. Kemudian pada bulan

depan nampaknya bil telefonnya sudah turun dalam jumlahnya. Nampaknya ada orang dalam. Pejabat Telekom yang memberitahu pencuri-pencuri itu janganlah lagi curi talian dari nombor ini kerana tuan punya sudah tahu. Jadi, saya mengesyaki ada orang dalam yang membuat kerja kotor yang meminjamkan talian-talian client ini kepada sesuatu kumpulan ataupun sindiket yang membuat panggilan-panggilan jarak jauh yang tidak mahu membayar bil telefon. Mereka pun berpakatan dengan sesuatu sindiket yang mungkin didapati ada orang dalam, dalam pejabat-pejabat Telekom yang bekerjasama dengan orang di luar yang menjualkan perkhidmatan telefon murah ini kepada kumpulan-kumpulan yang menjalankan aktiviti-aktiviti haram seperti yang menjual Empat Ekor, yang berjudi melalui telefon dan berbagai-bagai sindiket yang mungkin haram aktiviti-aktivitinya. Saya berharap kementerian ini dapat membuat siasat melihat sama ada ada pakatan daripada pegawai-pegawai ataupun juruteknik-juruteknik Telekom dalam untuk membantu menjalankan aktiviti-aktiviti yang haram itu.

Tuan Pengerusi, saya berharap untuk kawasan perkampungan-perkampungan, kebenaran tuan punya tidak perlu didapati kalau kita ingin memasukkan bekalan elektrik, oleh kerana sudah ada banyak penduduk setingan atas tanah orang lain yang tidak dapat dibekalkan dengan bekalan elektrik kerana tuan tanah tidak ingin memberi kebenaran. Jadi, saya harap sesuatu peruntukan undang-undang mesti dibuat supaya kita dapat membekalkan bekalan elektrik, bekalan perkhidmatan telefon dan sebagainya tanpa persetujuan daripada tuan tanah jikalau didapati perkhidmatan itu

memang perlu dan sesuai untuk pembangunan kawasan. Kita tidak mahu tuan-tuan tanah yang menghalang pembangunan ataupun perkhidmatan kepada orang ramai itu oleh kerana dia tidak mahu sahaja. Jadi, dengan kata-kata itu saya ingin memohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Yan.

5.13 ptg.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin [Yan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin bercakap tentang Kawalselia Telekom. Di zaman canggih ini boleh dikatakan banyak syarikat Telekom terpaksa membuat laluan-laluan untuk menanam kabel-kabel mereka. Sekarang ini seperti Celcom, Mutiara, Maxis dan sebagainya. Jadi, banyak syarikat Telekom yang terpaksa menggorek jalan-jalan untuk laluan kabel. Jadi, di samping itu juga kita ada Tenaga Nasional dan juga Jabatan Air dan sebagainya yang juga menggorek jalan.

Dalam kawasan saya juga kelmarin jalan baru di 'resurface' dari Kuala Sala sampai ke Yan, jalan pantai, cantik sekarang ini tidak berlubang. Kemudian, bila saya lalu kelmarin dahulu dia sudah korek hendak bubuh paip air. Jadi sudah rosak di tepi-tepi jalan. Esok lusa mereka 'tempek' dan tampung di tepi-tepi. Orang Kedah kata 'tempek'. Jadi, lama-kelamaan kita belanja beribu ringgit, berjuta ringgit selepas itu korek-tambun, korek-tambun. Yang tidak korek cuma orang mati sahaja, kita tanam tidak korek lagi. Itu pun kalau ada kes kita korek. Tetapi yang atas bumi jalan raya dikorek tidak berhenti.

Jadi, hari itu saya dengar Timbalan Menteri katakan kita akan adakan common trenching untuk mengatasi masalah ini. Jadi, bagaimanakah, sejauh manakah pihak kementerian telah mengambil inisiatif ini untuk menjalankan sistem common trenching ini supaya sistem ini akan pertamanya menyelamatkan kos kita. Yang keduanya, mengurangkan juga trafik jam. Kerana bila mereka bekerja sudah tentu mereka kena halangkan laluan dan sebagainya. Jadi, banyak kaedah dan mungkin adakah dengan ada common trenching ini ia akan dapat mengurangkan kos-kos perbelanjaan sampingan.

Jadi, Tuan Pengerusi, yang keduanya saya ingin menyarankan kepada pihak Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos juga supaya kita mengadakan satu perjumpaan dengan syarikat-syarikat Telekom ini supaya pertamanya mereka dapat mengurangkan sedikit kos telefon bimbit yang kita kira agak dengan keadaan ekonomi sekarang ini orang pun tidak pakai banyak telefon. Dahulu dok telefon BSKL setiap 15 minit dok tanya naik-turun, naik-turun. Sekarang ini hendak tanya apa, dia turun memanjang. [Ketawa] Tunggu tengah malam kita dengar news sekali sudah. Hendak tanya kerap-kerap pun sakit dada juga.

Jadi, bila kos kita tidak pakai banyak mintalah kalau boleh pihak Telekom menasihati syarikat-syarikat Telekom supaya ada sedikit timbang rasa. Kerana orang kampung sekarang pakai telefon. Yang pergi ke laut pun pakai, yang ada bot, fasal yang ini kemudahan. Kita sudah tidak boleh masuk telefon ke kampung, jadi mereka guna telefon bimbit. Kadang-kadang mereka minta wakil rakyat supaya memasukkan telefon ke kampung, kita tidak boleh beri

kerana line tidak cukup dan sebagainya, mereka bebal, mereka beli. Maklumlah sekarang ini zaman kemajuan. Macam kelmarin dahulu kenduri dalam kawasan saya ada anak 10. Bila tanya, semua sudah menikah seorang di Melaka, seorang di Sabah, seorang di Sarawak, seorang di Johor. Selepas itu hendak bertanya cucu macam mana, hendak tanya menantu apa khabar. Jadi, ini hendak pakai telefon. Jadi, mereka terpaksa beli telefon. Orang kampung beli telefon untuk kegunaan. Jadi, saya berharap kalau boleh pihak Telekom dapat memujuk syarikat-syarikat Telekom supaya diperturunkan sedikit harga kos sewaan telefon.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, kalau boleh tolong nasihat Pejabat Telekom Malaysia, dalam kawasan saya sahaja hampir 15 pondok telefon tanpa telefon. Jadi, saya pun berasa segan dan malu, mereka kata amboi kawasan Yang Berhormat ini banyak sungguh pondok telefon tetapi tidak ada telefon. Barangkali set telefon tidak sampai dan sebagainya, dan saya haraplah kalau boleh pihak Telekom beritahu kepada Pejabat Telekom Malaysia Berhad, kalau tidak ada telefon jangan dok pasang. Kalau tidak wakil rakyat teruk. Orang kampung bukan kira siapa, semua mereka bubuh atas wakil rakyat. Tidak kena yang itu - wakil rakyat, black-out - wakil rakyat, telefon tidak ada - wakil rakyat. Jadi, serba-serbinya wakil rakyat. Ini cara hidup di kampung fasal mereka kadang-kadang tidak berupaya, mereka harap semua kepada wakil rakyat. Wakil rakyat di bandar-bandar lainlah, mereka kawasan metropolitan, hi-tea sana, hi-tea sini. Saya kena tea di bawah pokok sahaja di kampung.

Yang Berhormat dari Larut fasal dia lama di sini, jaranglah di kampung, dia sebagai Pengerusi UDA, dia duduk di bandar.

[Timbalan Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Jadi, macam di Sabah pun macam itu juga saya difahamkan. Jadi, saya harap kalau boleh pihak kementerian pastikan bahawa kalau hendak pasang biarlah lengkap dan complete. Saya ucap terima kasih kepada Tenaga Nasional kerana kawasan saya alhamdulillah, setakat hari ini bagus. Yang bagus kita beritahu bagus. Timbalan Menteri pun bagus. Bagus kerana black-out kurang, bekalan pun boleh dikatakan 95% telah sampai ke kawasan-kawasan saya. Cuma saya hendak minta satu sahaja kalau boleh Telekom Malaysia dapat memberi kabel yang banyak untuk memasuki kawasan Yan kerana kawasan Yan akan ada universiti. Pembangunan di Yan akan menjadi mini Switzerland of Malaysia. Jadi, kita kena adakan banyak line telefon dalam kawasan saya. Berbanyak terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tenom.

5.20 ptg.

Tuan Radin Malleh [Tenom]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyampaikan satu perkara sahaja, iaitu Butiran 03200 - Lembaga Letrik Sabah. Pengambilalihan Kerajaan Pusat ke atas Lembaga Letrik Sabah adalah bertujuan untuk memperbaiki pentadbiran dan pengurusan Lembaga Letrik Sabah dengan harapan ianya boleh menampung keperluan kuasa letrik khususnya di negeri Sabah. Bagaimanapun, setelah Lembaga Letrik itu diambil alih oleh Kerajaan Pusat sejak lebih daripada 15 tahun yang lalu namun

masalah kuasa elektrik masih lagi menjadi suatu masalah yang amat tinggi di mana banyak daerah ataupun pekan yang besar seperti Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau mengalami masalah keputusan kuasa elektrik sehingga berjam-jam yang mana bukan sahaja menimbulkan ketidakselesaan di kalangan rakyat, tetapi juga boleh menjejaskan perniagaan di kalangan peniaga-peniaga. Seinggalah ada penduduk-penduduk di Tawau dan Sandakan yang tunjuk perasaan dengan mengadakan hungger strike, dengan izin, Tuan Pengerusi.

Persoalannya, apakah punca masalah ataupun kekerapan black-out yang menimpa negeri Sabah. Sama ada kementerian ataupun kerajaan telah membuat pengkajian atau penyelidikan yang menyeluruh selama ini bertujuan untuk mengatasi masalah ini.

Keduanya, kita ingin tahu bilakah Lembaga Letrik Sabah akan diswastakan sepenuhnya. Menurut maklumat yang kita terima kononnya akan diadakan pada bulan Januari akan datang. Tetapi ada lagi maklumat mengatakan bahawa akan diadakan pada bulan April tahun akan datang ini. Apakah terma-terma penswastan ini. Begitu juga apakah masa depan kakitangan dan juga staf Lembaga Letrik Sabah yang ada sekarang sesudah ianya diswastakan. Bagaimana pula dengan hutang Kerajaan Pusat yang mana saya difahamkan melebihi RM100 juta, sama ada ianya sudah dilunaskan kepada kerajaan negeri ataupun belum? Kita juga ingin tahu berapa ekuti yang akan diberikan kepada Kerajaan Negeri Sabah akibat daripada penswastan Lembaga Letrik Sabah itu nanti? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Mersing.

5.23 ptg.

Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana memberikan saya peluang untuk turut serta dalam pebahasan di peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Saya ingin menyentuh Maksud B.49, Butiran 020000.

Saya bagi pihak penduduk kawasan Mersing khususnya kawasan Tenggaroh ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak kementerian yang telah berkongsi dengan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi untuk membiayai bekalan api 24 jam di kawasan Tenggaroh yang kalau tidak silap saya RM9 juta. Hasil daripada kesepakatan ini ia telah memberi faedah kepada lebih 5,000 orang penduduk di kawasan FELDA tersebut.

Namun demikian, Tuan Pengerusi, masih terdapat masalah bekalan api di kawasan ini. Kerap kali terdapat gangguan. Kita faham dan malah saya sendiri pun menerangkan perkara ini kepada penduduk di kawasan saya. Maklumlah perkara ini masih baru diperkenalkan, baru dibekalkan kepada penduduk-penduduk kawasan tersebut tentulah serba-sedikit terdapat masalah. Mereka faham tetapi masalahnya kadang-kadang gangguan ini berlaku terlalu kerap dan kadang-kadang ia mengambil masa dua hingga tiga hari. Bagi tempoh itu mereka terpaksa bergelap dan menggunakan lilin untuk mendapatkan cahaya.

Saya difahamkan keadaan ini wujud oleh kerana kerosakan kabel. Walaupun kabel ini saya difahamkan baru sahaja dipasang, tetapi rosak,

meletup dan terbakar. Jadi, saya berharap kepada pihak kementerian supaya membuat satu semakan atau check secara menyeluruh kabel ini supaya satu jalan penyelesaian jangka panjang dapat diambil.

Satu lagi berkenaan perkara yang sama, saya berharap juga selagi bekalan elektrik di kawasan ini tidak begitu sempurna, saya berharap pihak pentadbiran khususnya pihak TNB tidak mengalihkan generator-generator yang selama ini menerangkan kawasan tersebut. Sebab bila kawasan ini bekalan elektriknya belum begitu sempurna, saya difahamkan generator ini telah dibawa keluar. Jadi, apabila kawasan ini bergelap, mereka terpaksa import balik generator dari luar ke kawasan ini. Dan ini sudah tentulah mengambil masa hendak mengangkutnya dan juga hendak memasangnya balik. Jadi, saya berharap pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri mengambil perhatian tentang perkara ini.

Kedua, berkenaan dengan kemudahan api juga di Mersing. Pada keseluruhannya saya kira baik. Tetapi baik hari ini tidak semestinya baik sepanjang masa. Jadi, sekarang kita dapat satu tapak atau kawasan perindustrian untuk Mersing. Saya sentiasa membangkitkan perkara ini baik di sini atau di peringkat daerah supaya pihak kerajaan dapat menyediakan bekalan elektrik yang mencukupi kepada pengusaha-pengusaha ini. Sebab sebagaimana yang saya tekankan kepada pihak kerajaan bukanlah mudah bagi kita khususnya penduduk Mersing untuk membawa pelabur datang ke Mersing. Mungkin agaknya salah satu sebab keadaan infrastruktur yang belum begitu baik dan jauh jarak daripada pusat komersial. Jadi, saya harap pihak kementerian akan sentiasa perhatikan. Saya check perkara ini dengan pihak TNB Mersing. Mereka memberitahu saya bekalan elektrik mencukupi. Tetapi saya hanya hendak mengingatkan supaya kita ambil perhatian perkara ini.

Satu lagi berkenaan dengan api juga. Saya pernah bangkitkan perkara ini, tetapi saya tidak pasti sama ada apakah langkah yang telah diambil oleh pihak TNB. Ini berkenaan dengan bekalan elektrik untuk pengusaha-

pengusaha ikan perhiasan yang terdapat di Mersing di dua kawasan yang besar. Satu, di jalan Kota Tinggi dari Persimpangan Jamaluang - kedua-duanya di Simpang Jamaluang, satu menghala ke Kota Tinggi dan satu lagi menghala ke Kluang. Saya telah diminta oleh pengusaha-pengusaha ini supaya membangkitkan perkara ini ke pihak kerajaan. Malah saya sendiri telah pergi ke tempat ini dan saya lihat lebih kurang 3,000 kolam besar dan kecil terdapat di kedua-dua tempat ini. Jadi, saya kira mereka juga memberi sumbangan untuk memperkukuhkan ekonomi negara kita dengan mengeksport ikan-ikan khususnya ke Singapura dan ke Jepun. Jadi, mereka beritahu saya kemungkinan hasilnya lebih baik jika ianya dapat disediakan api. Sekarang mereka gunakan generator. Jadi, saya harap pihak kementerian akan mengambil tindakan susulan berkenaan dengan perkara ini.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya hendak beralih kepada Butiran 030000. Ini berkenaan bekalan telefon. Sekali lagi saya ingin mengucapkan sebanyak terima kasih kepada pihak kementerian yang sama yang telah mula membekalkan perkhidmatan telefon kepada kawasan yang sama, iaitu Tenggaroh, iaitu kawasan Parlimen saya. Mereka telah pun mendapat perkhidmatan telefon ini lebih kurang sama jarak masa dengan perkhidmatan api 24 jam, lebih kurang bulan September yang lepas. Namun demikian, oleh kerana kawasan Tenggaroh ini begitu besar, untuk rancangan FELDA sahaja kita ada sembilan kawasan. Di luar kawasan FELDA kerajaan Johor sedang membangunkan satu kawasan yang dipanggil Tanjong Leman untuk memudahkan pelancong pergi ke Pulau Sibu dan pulau-pulau berhampiran dengan perairan Mersing. Jadi, sudah tentulah keperluan-keperluan kepada bekalan telefon begitu tinggi sekali. Setakat hari ini hanya Tenggaroh Dua dan Tenggaroh Empat sahaja yang dibekalkan dengan telefon.

Jadi, saya difahamkan juga pihak kerajaan telah memberikan perakuan akan membekalkan perkhidmatan telefon ini ke seluruh kawasan ini tetapi peringkat demi peringkat. Tetapi saya berharap perkara ini dapat dipercepatkan, kerana jarak di antara Mersing dengan kawasan ini lebih 50

kilometer. Jadi, kalaulah berlaku sesuatu perkara yang saya hendak sampaikan secara immediate, cepat tidak dapat saya sampaikan. Kadang-kadang mereka menjemput saya untuk merasmikan apa jua majlis, saya ada kerja yang terpaksa saya hadir, dan saya hendak cancel tidak boleh cancel untuk memberitahunya. Jadi, ini menimbulkan kesukaran kepada saya. Bukan semua penduduk kawasan itu yang mempunyai ATUR, ada tetapi tidak ramai. Jadi, saya berharap pihak kementerian akan mengambil perhatian tentang perkara ini.

Keduanya, berkenaan dengan bekalan telefon juga di Triang. Saya difahamkan oleh pegawai atau Juruteknik Kanan, kalau tidak silap saya di Mersing bahawa pihak kerajaan akan membekalkan perkhidmatan telefon bagi kawasan Triang ini, terima kasihlah kalau macam itu, tetapi saya ingin mengingatkan kawasan Triang ini adalah lagi satu kawasan pelancongan sama macam Tanjong Leman seperti yang saya nyatakan tadi. Kerajaan Negeri Johor akan membangunkan kawasan ini sudah tentulah perkhidmatan moden seperti telefon, air, api dan sebagainya amatlah diperlukan dan kawasan ini telah tidak mendapat perkhidmatan telefon sebagaimana yang saya pernah bangkitkan dalam Dewan ini sejak saya masih kecil lagi Tuan Pengerusi, jadi, saya harap dengan adanya keperluan ini rakyat di kampung juga akan merasai nikmatnya.

Selain dari itu, saya ingin membangkitkan masalah telefon awam ini, sebagaimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Yan, saya menyokong supaya di kawasan pedalaman, selain dari kita menyediakan perkhidmatan telefon awam dengan menggunakan duit syiling, saya rasa ada baik juga kita sediakan yang menggunakan kad, sebab kadang-kadang dia

memberitahu saya wang sudah penuh dalam tabung, tidak ada pegawai yang datang mengeluarkan duit itu, jadi dia tidak boleh hendak menggunakan telefon.

Jadi, saya rasa betullah kalau macam itu, jadi, saya harap mungkin kita boleh tambahkan produk kita dengan menggunakan kad bagi kawasan yang jauh di pedalaman seperti kawasan Orang Asli yang jaraknya daripada simpang jalan keluar itu 25 batu ke dalam.

Begitu juga sebagaimana yang saya nyatakan sebentar tadi dalam hal api, berkenaan dengan kawasan perindustrian, saya harap pihak kerajaan akan dapat memastikan bahawa bekalan atau perkhidmatan telefon akan mencukupi bagi menampung segala keperluan untuk kawasan perindustrian yang baru sahaja kerajaan wujudkan ini.

Tuan Pengerusi, akhirnya saya hendak bangkitkan berkenaan dengan pegawai dari Jabatan Telekom. Mersing ini sebenarnya pentadbirannya terletak di bawah Batu Pahat. Jadi, biasanya kalau Mesyuarat Pembangunan Daerah yang mewakili hanyalah Technician Kanan, tak pernah pegawai dari Batu Pahat datang meninjau macam mana keperluan yang diperlukan oleh penduduk Mersing. Masalahnya ialah apabila saya bertanya, beliau kata dia terpaksa rujuk perkara ini kepada Batu Pahat. Jadi, setiap kali macam itulah. Jadi, sudah tentu menimbulkan kesukaran bagi pihak pentadbiran daerah Mersing terutama yang berkaitan dengan perancangan.

Saya bukan minta pegawai ini datang selalu, sebagaimana Pengurus TNB Kluang ada datang ke Mersing - tidak, saya hanya meminta ia datang sekali-sekali, mungkin setahun dua kali cukuplah. Jadi, dengan adanya, dia

akan dapat memberi taklimat apakah perancangan dan apakah yang telah dibuat dan akan dibuat oleh pihak kerajaan berkaitan dengan kemudahan telefon ini. Itu sahaja, Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti sekejap Yang Berhormat. Ada Usul. Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.”

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.45 malam.”

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

Persidangan disambung semula.

[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kuala Pilah.

5.35 ptg.

Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang [Kuala Pilah]: Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi peluang untuk dapat bersama-sama membahaskan di atas Maksud B.49 - Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Saya hanya ada dua perkara untuk dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Yang pertama sekali ialah berkenaan Butiran 030000 - Kawal Selia Telekom.

Tuan Pengerusi, kita semua sedia maklum bahawa Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos telah berusaha dan berjaya mempertingkatkan segala usaha untuk dari segi mutu kerja dan juga kecekapan. Tetapi di samping itu tidak boleh lari dalam satu organisasi yang besar mesti ada juga berlaku beberapa kelemahan. Dalam konteks ini, izinkan saya sebagai contoh dan juga bertujuan mengkritik satu perkara yang difikir perlu diambil kira supaya kementerian dan pihak-pihak Telekom dapat mengenal pasti sesuatu kelemahan yang perlu dipertingkatkan ataupun diperbaiki.

Tuan Pengerusi, dalam konteks ini saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos khususnya Telekom hendaklah sentiasa menentukan supaya semua pekerja manualnya seperti telefonis, technician peka dan prihatin tentang kerjaya dalam berkhidmat dengan masyarakat.

Tuan Pengerusi, sebagai contoh betul-betul untuk sama-sama dihayati dan diambil tindakan. Ini kena kepada diri saya sendiri yang mana pada 10 November 1997 baru-baru ini rumah saya telah mengalami gangguan telefon bermakna tidak ada bekalan, yang ada hanya dialing tone tetapi tidak dapat sesiapa jawapan dari mana-mana. Aduan telah dibuat pada 10 November jam 10.30 pagi oleh Setiausaha saya. Dan telah dirujuk kepada seorang Encik Sani namanya, telefon nombor 2547303 dan beliau menyatakan ada masalah cable di kawasan Bukit Damansara. Dalam konteks ini saya juga diberitahu oleh beberapa orang resident di kawasan itu mengalami kerosakan yang sama, kita ingat betul, kita pun faham dan sedia sehinggalah hari Rabu diperingatkan lagi kepada pegawai ini dan jawapannya serupa juga. Dan hari Jumaat setelah dekat seminggu, setelah selaku wakil rakyat kalau telefon tidak ada ini, orang kata ke mana Yang Berhormat pergi, telefon berdering tetapi orang tak jawab. Maka saya sendiri terpaksa mengambil tindakan supaya menghubungi pertama sekali saya menghubungi Encik Adnan dan Encik Adnan tolak kepada Cik Amizah, Supervisor. Cik Amizah tolak kepada seorang lagi Encik Abdul Halim seterusnya Tuan Pengerusi, saya juga telah menghubungi supervisor, care customer Encik Azmi telefon nombor 4979692. Dan di sini saya dapati Encik Azmi ini cukup baik, dia cukup peka dan prihatin

dan seterusnya dia kata Yang Berhormat: “Ya, cuba hubungi Encik Halim, engineer di kawasan itu.” Encik Abdul Halim telefon nombor 018-8301976. Apa jawab engineer ini? “Tak apalah, saya cuba check.” Di sini waktu itu jam 4.00 petang, saya tak puas hati, saya terus pergi ke atas lagi, Encik Mohamad Sofi namanya, General Manager. Di sinilah, Tuan Pengerusi, kepekaan general manager itu: “Tak mengapa saya cuba check,” dalam tempoh lima belas minit sahaja dan saya balik ke rumah, datanglah tiga buah kereta Telekom yang dianggotai oleh Encik Shahrizan, Encik Shamsuddin dan Mr. Siva yang bertanggungjawab berkenaan dengan cable. Dalam tempoh tak berapa minit, dia buka dia punya ‘dab’ itu, telefon telah dapat diperbetulkan. Jelas sekali ini menunjukkan betapa pentingnya kepekaan dan kesungguhan pekerja-pekerja ini membuat kerja.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengingatkan juga, ini contoh kena kepada saya dan saya telah mendapat aduan dari orang ramai, macam inilah gayanya, tendang-tendang di sana, Encik Sani ini patut diambil tindakan kerana dia telah mengimejkan Telekom sesuatu gambaran yang tidak sihat, tidak efisien sama sekali dan kita telah diperbodoh-bodohkan tetapi kalau betul hendak buat dalam tempoh lima belas minit boleh dibuat, masalah cable tidak ada, inilah rupanya dan saya bawa perkara ini kerana saya duduk di sini, kalau ramai lagi apa hendak dikata, hanya terima sahajalah. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri cubalah nasihatkan Telekom ini. Saya rasa perkara ini kita tidak mahulah rungutan serupa ini berlaku merata-rata yang akhirnya akan mengakibatkan imej Telekom tidak baik. Sebenarnya, bukan ramai yang buat

perangai semacam ini, hanya seorang, dua sahaja, tetapi perkara ini perlu diperhatikan dan terus serius mengambil tindakan kepada mereka yang didapati bersikap sambil lewa, bina tidak bina ini perlu diambil tindakan yang tegas.

Tuan Pengerusi, seterusnya saya dalam konteks ini saya ucap terima kasihlah kepada General Manager Encik Mohamad Sofi dan Encik Azmi, tetapi mereka yang berkenaan ini patut diambil kira dan ditimbang yang sewajarnya.

Yang kedua, saya ingin membangkitkan berkenaan masalah Telekom juga iaitu di luar-luar bandar apabila Telekom mempertingkatkan cablenya di bawah tanah, banyak tiang-tiang telefon yang lama, cable yang lama itu masih lagi berada dalam keadaan yang amat memburukkan. Di luar-luar bandar masih berselirat, bergayut cable yang besar-besar itu dan juga kadangkala menimbulkan permasalahan kepada trafik.

Tuan Pengerusi, saya percaya perkara ini tidak berlaku di bandar-bandar. Di luar-luar bandar perkara ini telah kita bangkitkan dalam Jawatankuasa Pembangunan Daerah dan wakil-wakil Telekom telah memberi pengakuan tetapi kadangkala dari segi praktiknya, pelaksanaannya amat mendukacitakan. Ini saya fikir perlu juga Telekom mengambil tindakan supaya teguran yang membina ini cepat dilakukan supaya tidak melambangkan bahawa Telekom hanya memberi perkhidmatan yang begitu baik di bandar-bandar sahaja, malahan di luar-luar bandar tidak siapa pun peduli kerana masih lagi banyak tiang telefon yang lama-lama, cable lama bergayut-gayutan dan ini saya

fikir perlulah diambil tindakan supaya menampakkan Telekom memberi keprihatinan dan tindakan yang sewajarnya di semua peringkat.

Tuan Pengerusi, ketiga, saya ingin bangkitkan berkenaan tenaga. Pembekalan tenaga elektrik sebagai kemudahan infrastruktur yang penting di seluruh negara khususnya di luar bandar memang perlu diberi keutamaan. Sungguhpun kadangkala kita tahu bahawa permasalahan ini berlaku keputusan, sebab itu hazard itu kita akui. Yang saya hendak bangkitkan di sini bekalan yang tidak mencukupi di setengah tempat di luar bandar, akibat kerana voltannya rendah, hendak tengok televisyen pun kadangkala sekejap timbul, sekejap tenggelam, sekejap ada - rungutan orang kampung kepada kita amat mendukacitakan.

Jadi, bekalan elektrik di luar-luar bandar sepatutnya diberi peningkatan yang secukupnya supaya kegunaan elektrik kepada pengguna-pengguna dapat dimanfaatkan dan di sini saya percaya kementerian dan juga pihak Tenaga Nasional Berhad memang berusaha dan untuk menentukan mempertingkatkan. Walau bagaimanapun, di luar-luar bandar ini kadangkala bukan tidak ada keupayaan untuk membiayai, perkara itu tidak disampaikan kepada pihak tertentu kerana maklum sahajalah, kalau di ceruk luar bandar siapa yang hendak menyuarakan melainkan kita wakil rakyat.

Tuan Pengerusi, itu sahajalah, saya ucapkan berbilang terima kasih dan saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Gelang Patah.

5.45 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Maksud Bekalan B.49 dan saya ingin sentuh Butiran 020000 - Kawal Selia Elektrik dan Gas.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak TNB kerana memang di kawasan Parlimen Gelang Patah oleh kerana pembangunan yang pesat, yang mana pembinaan Laluan II dan pembinaan Bandar Baru Nusa Jaya dan pembinaan pelabuhan yang kedua di negeri Johor iaitu di Tanjung Pelepas memang perkhidmatan bekalan elektrik telah dipertingkatkan tetapi masih terjadi sedikit kekurangan, saya cuma ingin memberitahu dalam Dewan yang mulia ini kepada Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri supaya dapat mengambil perhatian tentang bekalan elektrik yang sentiasa terjadi 'blackout' terutama pada waktu malam di kawasan Taman Tunku Tun Aminah. Taman Tunku Tun Aminah ini telah wujud sudah lebih dari 15 tahun, kemungkinan pada masa dahulu oleh kerana perancangan bekalan elektrik yang kurang baik, oleh yang demikian pada masa sekarang sentiasa menghadapi masalah blackout terutama pada waktu malam dan ini sudah mendatangkan kerugian kepada peniaga seperti kedai roti yang berniaga pada waktu malam menghadapi masalah kerugian.

Oleh yang demikian saya berharap pihak Tenaga Nasional Berhad dapat mengambil tindakan yang wajar untuk memperbaiki perkhidmatan bekalan elektrik di Taman Tunku Tun Aminah dan di kawasan-kawasan dan taman-taman disekitarnya. Saya dapati di taman-taman perumahan yang baharu,

masalah seperti ini tidak berlaku, ini adalah kemungkinan pada masa sekarang perancangan yang dikawal selia oleh pihak TNB adalah amat baik.

Tuan Pengerusi, selain dari itu, saya ingin meminta pihak TNB supaya jika boleh dapat menggantikan semua tiang-tiang elektrik atau tiang elektrik lampu di tepi jalan jenis kayu yang sudah uzur terutama di kawasan kampung-kampung di luar bandar dan di kampung-kampung baru di kawasan Parlimen Gelang Patah iaitu di Kampung Kangkar Pulai, Kampung Hulu Choh, Kampung Gelang Patah, Kampung Lima Kedai dan Kampung Sekudai. Memang saya dapati bahawa kerja-kerja untuk menggantikan tiang-tiang elektrik jenis kayu itu memang ada dijalankan, tetapi saya harap ia boleh dilanjutkan sehingga semua tiang-tiang elektrik jenis kayu itu dapat diganti oleh tiang-tiang yang berjenis konkrit yang lebih selamat digunakan.

Selain dari itu saya ingin membawa perkara yang kedua iaitu di bawah Butiran 030000 tentang Kawal Selia Telekom. Di sini saya minta pihak Jabatan Telekom supaya dapat menggantikan atau memperbaiki semua tiang-tiang telefon di sepanjang Jalan Gelang Patah yang saya dapati bahawa keadaan sangat tidak selamat kerana nampaknya ia senget dan sentiasa tumbang. Oleh yang demikian, saya harap kerja untuk memperbaiki keadaan itu dapat dijalankan secepat mungkin. Selain dari itu untuk perkhidmatan bekalan talian telefon di kampung-kampung seperti di Kampung Hulu Choh yang mana saya menerima aduan bahawa masih ada permohonan yang sudah dipohon lebih dari dua, tiga tahun sehingga hari ini masih belum dapat perkhidmatan talian telefon lagi dan untuk kawasan di Kampung Tanjong Kupang dan di Kampung Sungai

Nanga, mereka pun menghadapi masalah talian telefon dan saya harap pihak Telekom dapat meneliti dan mengambil tindakan secepat mungkin untuk memberikan perkhidmatan talian telefon kepada pemohon-pemohon ini.

Selain dari itu, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih walaupun di kawasan setinggan, Jabatan Telekom pun memberikan perkhidmatan telefon kepada mereka dan ini adalah satu perkara yang kita sangat banggakan kerana walaupun di kawasan setinggan, Jabatan Telekom pun peka dan memberikan perkhidmatan talian telefon kepada mereka. Oleh yang demikian, saya harap di kawasan setinggan yang mana bekalan perkhidmatan telefon ini belum diberikan, saya harap boleh dilanjutkan sehingga semua kawasan setinggan di kawasan Parlimen Gelang Patah mendapat perkhidmatan talian telefon.

Akhir sekali saya ingin sentuh tentang Butiran 040000 - Kawal Selia Pos. Di sini saya ingin mengambil peluang ini untuk memohon supaya kawasan Kampung Kangkar Pulau dapat diadakan jenis mobile post kerana mini post yang ada di sana sudah berhenti berniaga dan sekarang penduduk-penduduk di Kampung Kangkar Pulau menghadapi masalah untuk mengedpos surat-surat mereka dan mereka melalui pemimpin-pemimpin tempatan dan wakil rakyat ada memohon kepada Pejabat Pos untuk perkhidmatan mobile post tetapi malangnya diberitahu bahawa memang Pejabat Pos tiada perkhidmatan mobile post pada masa sekarang.

Saya harap pihak Jabatan Pos dapat menimbang semula untuk mengadakan perkhidmatan mobile post di kawasan Kampung Kangkar Pulau

itu. Selain dari itu, saya ingin mengambil peluang keemasan dalam Dewan yang mulia ini untuk memohon kepada Pejabat Pos supaya mewujudkan Pejabat Pos di Taman Universiti yang mana penduduk di Taman Universiti ini melebihi 60,000 orang dan rumah lebih 11,000 unit tanpa sebuah Pejabat Pos akan mendatangkan kesusahan kepada penduduk-penduduk untuk urusan pos.

Oleh yang demikian, saya harap pihak Jabatan Pos dapat merancang mengadakan sebuah Pejabat Pos di Taman Unviersiti. Dengan kata-kata demikian saya pohon menyokong Bekalan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kepong. Selepas itu saya izinkan seorang lagi berucap sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta menjawab.

5.55 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, mukasurat 417 - 030000, mukasurat 420 - 03204.

Tuan Pengerusi, sepertimana yang disebutkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat tadi mengenai telefon bimbit dari segi pencuri talian. Saya akan tambah lagi masalah yang saya sendiri dan banyak orang lagi pengguna telefon bimbit yang menghadapinya. Pertama, pada dua bulan yang lepas kerana saya tidak puas hati dengan bil telefon bimbit saya, saya pun ada berhubung dengan pihak Celcom kerana saya gunakan 010 dan saya dapati bahawa mereka tidak tahu ada masalah mengenai telefon ini dan saya minta mereka kaji semula, apakah masalah perkhidmatan 010 yang saya gunakan ini tidak begitu baik dan selepas mereka kaji didapati bahawa ada diklon (cloning). Mujurlah tidak

sampai RM1,000 tetapi sudah diklon dan saya pun tak tahulah mengapa selepas kita beri mereka tahu, maka barulah mereka dapat kaji semula. Saya berharap pihak Celcom ataupun semua syarikat yang berniaga dengan telefon bimbit ini dapat satu sistem yang baik, satu mekanisme untuk mengkaji untuk meninjau semua talian supaya tidak berlaku 'clonning' seumpama ini. Dan selepas diklonkan saya tidak boleh panggil keluar, saya masih ada menggunakan telefon ini tidak boleh panggil keluar kerana saya tak sempat untuk pergi ke stesen syarikat itu untuk mendapat pin dan nombor telefon yang baru.

Walau bagaimanapun, apakah sebenarnya yang berlaku, saya pun ada dengar kenyataan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai masalah pencurian talian ini dan saya pun menghargai usaha yang diambil untuk mencegah pencurian seumpama ini. Walau bagaimanapun, wujudnya masalah lagi, saya pun tak tahulah apakah langkah yang akan diambil selanjutnya untuk mencegah dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Pengerusi, selain dari itu, saya cuba hendak mendapatkan telefon yang baru dan saya pun melalui orang yang tertentu hendak mendapatkan telefon bimbit yang baru daripada misalnya Maxis, Ericson dan didapati bahawa orang yang menjual telefon ini tidak tahu cara-cara telefon digunakan dan perkhidmatan yang diatitkan untuk para pengguna. Mereka tak tahu langsung, cuma suruh saya tandatangan ke atas kontrak dan sebagainya dan saya dapati ini tidak memuaskan. Saya pun pergi untuk membatalkan pembelian itu, cari yang lain juga. Dan masalah ini kerana mungkinlah orang yang menjual telefon ini ada setengah itu tidak begitu mahir mengenai hal ini

dan juga bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kementeriannya mengkaji bagaimana syarikat-syarikat yang menjual telefon bimbit ini dapat menguruskan semua perniagaannya.

Masalah yang ketiga mengenai 'after sale service', memang ada setengah itu buruk sangat, memang buruk sangat, jadi, ini masalah. Saya pun tak tahulah punca masalah ini, mungkin yang berminat untuk menjual telefon bimbit ini ramai tetapi yang mahir, yang bertanggungjawab itu sangat kurang dan bolehkah Yang Berhormat menyiasat mengenai 'after sale service' untuk semua jenis telefon bimbit supaya kita semua rakyat Malaysia dapat mengguna telefon bimbit dengan lebih baik kerana kita tak mahulah mereka ini kesemua bangsa Malaysia ini tidak mempunyai sistem telefon bimbit dan telefon biasa dengan baik dan pada pendapat setengah rakyat Malaysia mereka hanya mementingkan keuntungan sahaja dan tidak mementingkan perkhidmatan, mendapat 'pisang tergubak' tetapi tidak mahu bekerja dengan kuat. Ini memang tidak boleh dilayan di Malaysia kerana ketika ekonomi kita mengalami kesusahan, ekonomi bergolak ini kita tidak boleh terima perkhidmatan yang tidak baik ini.

Tuan Pengerusi, untuk perkhidmatan yang lain, mengenai komputer. Tadi Ahli Yang Berhormat dari Tanjong ada menyebutkan begitu lemahnya perkhidmatan Internet ada dua provider sekarang, tetapi bilangan pelanggannya kira-kira 164,000 dan pengguna mungkin meningkat kepada 300,000. Tetapi untuk mewujudkan masyarakat knowledge society, masyarakat berpengetahuan, masyarakat maya, mature society memang kita perlu lebih ramai lagi

pengguna Internet kerana kalau kita kira kependudukan Malaysia ini hanya 0.1% sahaja, ini memang tidak cukup untuk Malaysia dan kita mesti menggalakkan penggunaan komputer dan dari segi 'after sales service' atau perkhidmatan selepas jualan untuk komputer, untuk Internet memang satu keadaan yang malang, yang susah bagi kesemua bangsa Malaysia yang berminat untuk komputer, yang berminat untuk Internet. Kalau ada masalah Internet, masalah komputer, kita panggil syarikat komputer, tetapi mungkin kerana kekurangan kakitangan yang mahir, ahli juruteknik yang mahir dalam komputer dalam Internet, kita tidak dapat layanan yang baik.

Kalau masalah ini satu, dua jam boleh selesai kita ambil CPU kepada syarikat kadangkala satu, dua minggu tidak selesai, ini pengalaman saya sendirilah, ada kawan-kawan saya pun begitu juga, orang-orang lain yang mengalami kesusahan yang sama dan sebab itulah sekali lagi kita menyeru supaya kementerian membuat kajian semula mengenai jualan komputer, mengenai Internet, mengenai 'after sales service' untuk komputer dan Internet, mengapa perkhidmatan itu begitu buruk untuk 'after sales service'. Kita memang berharap pada tahun depan semua masalah ini dapat diselesaikan.

Akhir sekali mengenai mini hidro tahun ini, untuk tahun hadapan diminta RM4.5 juta. Memandangkan Projek Bakun sudah ditunda ataupun ditangguh buat sementara ini, apakah rancangan untuk mini hidro bagi kami memang bekalan elektrik tidak mencukupi dan gangguan elektrik sekarang memang masih buruk bukan sahaja di Petaling Jaya, di Kuala Lumpur bahkan di seluruh negara khasnya di Pulau Pinang, tetapi di Petaling Jaya pun dahsyat,

teruk juga dan memang saya bersetuju kerana musim tengkujuh dengan hujan lebat dan sebagainya dan petir memang kita dapati ada kerosakan, kadang-kadang fuis itu rosak dan sebagainya, memang kita mengakui tetapi selain daripada hujan lebat dan petir ini kita dapati perkhidmatan bekalan elektrik masih boleh diperbaiki, mungkin kalau kita adakan lebih banyak mini hidro dengan lebih efisiensinya mungkin kita akan menyelesaikan masalah.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya akan gulung. Yang pertama, mengenai 'after sales service' untuk telefon bimbit, 'after sales service' untuk Internet, untuk komputer dan perkhidmatan jualan untuk telefon bimbit dan juga akhir sekali gangguan elektrik masih berlaku di seluruh negara dan akhir sekali adalah perlu bagi negara ini untuk menambahkan mini hidro supaya kita dapat bekalan elektrik yang cukup untuk masa hadapan memandangkan projek seperti Projek Bakun sudah ditundakan. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Libaran, selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

6.08 ptg.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman [Libaran]: Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas Maksud

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Seorang Ahli: Hai, duduklah Teluk Intan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu Yang Berhormat.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Ya.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya, Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya nampak ada empat orang yang hendak berucap termasuk Ahli dari Parit Sulong.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak Yang Berhormat, sebenarnya tadi bila Ahli Yang Berhormat tidak ada, saya telah buat keputusan Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, tetapi masih ada tiga orang yang

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Untuk membahaskan Maksud ..

Tuan Lim Guan Eng: Kalau kita lihat Jadual ...

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu Yang Berhormat. *[Kepada Ahli Yang Berhormat dari Libaran]* Ya, itu keputusan saya. Ya, Libaran.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, untuk membahaskan Maksud Bekalan B.49, Butiran 020000 -

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, kalau kita lihat Jadual, bahawa satu hari

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya akan beri peluang tertakluk kepada keadaan Yang Berhormat. Ya, Libaran. Jangan ganggu Libaran hendak berucap.

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, bukan. Ada panduan, macam ini adakah adakah ini

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya sudah cakap tadi, saya akan beri peluang tertakluk kepada keadaan.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Libaran.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos yang mengambil inisiatif untuk menswastakan Lembaga Letrik Sabah. Walau bagaimanapun, saya difahamkan bahawa permasalahan yang timbul ialah berkenaan dengan tarif di mana pihak konsortium telah memohon agar tarif dinaikkan sebelum mereka boleh memulakan tugas rasmi mereka.

Saya berpendapat bahawa apa yang paling baik bagi pihak konsortium ialah untuk menunjukkan komitmen mereka dahulu kepada rakyat agar dapat perkhidmatan yang baik dari konsortium ini, justeru itu barulah mereka memikirkan soal keuntungan mereka, yang penting ialah social obligation mereka terhadap rakyat Sabah. Kawasan saya di Libaran ini berhampiran dengan kawasan Ahli Yang Berhormat dari Sandakan, banyak poster telah dilekatkan di kawasan-kawasan strategik mengatakan bahawa wakil-wakil rakyat dari kawasan tersebut, kawasan Sandakan walaupun bukan kawasan saya, nama saya telah dimasukkan di senarai yang tidak membuat kerja tentang masalah elektrik di negeri Sabah ini. Yang lebih teruk ialah wakil rakyat dari

Sandakan yang selalu sahaja dikritik di surat-surat khabar yang mana mereka menyatakan bahawa kita tidak mengambil berat tentang masalah elektrik ini.

Saya pun merasa hairan juga, puas kita bercakap di Parlimen ini tentang masalah elektrik di kawasan Sandakan dan Libaran tetapi masih juga perkara ini tidak dapat diselesaikan dan sekiranya masalah tarif yang dipersoalkan, saya berharap pihak kementerian harus berusaha untuk mencari syarikat-syarikat yang mementingkan soal social obligation kerana saya yakin banyak syarikat yang ingin mengambil peluang dan yang mempunyai sikap untuk menolong rakyat Sabah dari syarikat-syarikat yang cuma mementingkan soal keuntungan di dalam isu ini.

Saya juga berharap bahawa ...

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Sipitang bangun.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Pengerusi, terima kasih. Apakah Ahli Yang Berhormat dari Libaran bersetuju bahawa tarif ini jangan dinaikkan dalam satu tempoh, apakah Ahli Yang Berhormat bersetuju kalau sekurang-kurangnya setahun dari sekarang keadaan ini dipulihkan barulah memikirkan soal kenaikan tarif ini kerana masalah sekarang ini beberapa perkara belum selesai, misalnya bekalan elektrik yang tidak menentu, bekalan yang kurang mencukupi, sistem pemberian bil yang tidak menentu.

Jadi, kalau Ahli Yang Berhormat bersetuju, sekali lagi kalau perkara ini sekurang-kurangnya satu tahun dan dipastikan segala urusan ini selesai

misalnya bekalan yang mencukupi, tenaga yang tidak terputus-putus dan sistem yang teratur, barulah boleh kita fikirkan. Itupun mesti sekurang-kurangnya mendapat perundingan dahulu dengan pemimpin-pemimpin ataupun kerajaan negeri, sebelum ia dilaksanakan.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, terima kasih sahabat saya dari Sipitang. Dalam keadaan ekonomi yang gawat ini di mana elektrik ini adalah servis kepada masyarakat, satu social obligation kerajaan, saya tidak fikir wajar tarif ini dinaikkan walaupun dalam tempoh satu tahun kerana ini adalah tanggungjawab kerajaan untuk memberi perkhidmatan elektrik kepada masyarakat di dalam negara ini lebih-lebih lagi di negeri Sabah yang terlalu mundur walaupun Kerajaan Barisan Nasional baru lebih kurang tiga tahun memerintah kerajaan ini, kita lihat banyak pembangunan yang berjaya dibangunkan, tetapi kita memohonlah kepada kementerian Persekutuan ini, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos ini agar menganggap perkara ini serius dan rakyat Sabah memohon agar cadangan untuk penswastaan ini dilaksanakan secepat mungkin dengan pertimbangan atas social obligation, bukan soal keuntungan yang perlu difikirkan. Apabila sahaja kita sebutkan soal swasta, yang difikirkan oleh entrepreneur ialah soal keuntungan mereka dan rakyat yang menderita, rakyat yang merana.

Kita telah lama menunggu agar elektrik di negeri Sabah ini especially kawasan Sandakan dan Libaran, saya baru balik kawasan lebih kurang setiap hari tiga atau empat jam tidak ada elektrik, kadang-kadang pagi, kadang-

kadang di tengah malam dan ia berlarutan kerana alat-alat yang ada sekarang ini adalah alat-alat yang terlalu tua, yang tidak diservis begitu lama.

Justeru itu, saya memohon kepada kementerian jangan sahaja dapat menganjurkan penswastan ini tetapi boleh memonitor dan mempunyai komitmen yang jitu untuk menyelesaikan masalah ini, jangan kita terikut-ikut atas desakan pihak-pihak tertentu ataupun entrepreneur ini supaya kalau tarifnya tinggi, pasti dia berjaya. Saya berpendapat bahawa yang penting ialah social obligation kita kepada rakyat kerana merekalah yang menentukan masa depan Kerajaan Barisan Nasional di Sabah, kita tidak mahu mereka dibebankan, kita juga tidak mahu mereka terpinggir dalam arus information technology seperti yang dikatakan berleluasa di sini dan masih lagi kurang di negeri Sabah kerana gangguan elektrik dan juga masalah bekalan elektrik di luar bandar itu yang tidak diurus dengan sebaik mungkin.

Justeru itu, saya memohon juga agar apabila berlakunya penswastan ini, kakitangan yang sedia ada ini dikekalkan dan diberikan latihan yang sebaik mungkin agar mereka dapat meningkatkan produktiviti mereka dan juga akan dapat membantu negeri Sabah untuk berkembang dalam soal industri yang semakin pesat ini dan perancangan yang teratur harus disusun oleh pihak konsortium ini agar gangguan elektrik di masa yang akan datang tidak berulang dan tidak berterusan dan dapat diberi perhatian yang sewajarnya.

Saya merayu dan memohon bagi pihak kawasan saya dan juga masyarakat di negeri Sabah dan wakil-wakil rakyat dari Sabah bahawa jangan naikkan tarif, belum waktunya lagi dan tidak wajarlah untuk menaikkan tarif

kalau berlaku penswastaaan, tarif dinaikkan. Ini bukan soal pengukuran ekonomik yang realistik, ini hanya menguntungkan pengusaha-pengusaha yang ingin menceburi dalam bidang ini.

Saya berharap kementerian memberi perhatian yang khusus tentang perkara ini dan dapat membantu masyarakat Sabah agar mereka tidak terpinggir lagi dalam soal elektrik ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ada lagi yang hendak berucap?

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Baiklah! Kota Melaka.

6.18 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud Bekalan 030000 - Kawal Selia Telekom. Di sini saya ingin membuat saranan yang sama sepertimana yang dikeluarkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat sebelum saya ini iaitu bahawa perkhidmatan Telekom haruslah dipertingkatkan dan pada masa yang sama haruslah dipastikan bahawa tarif yang dicadangkan dikenakan pada masa yang akan datang tidak dinaikkan.

Saya faham bahawa untuk Telekom lebih-lebih lagi selepas penurunan nilai mata wang Ringgit, Telekom menghadapi masalah yang sangat besar, bolehkah saya dapat tahu apakah kerugian dari segi mata wang asing atau 'foreign exchange losses', ekoran dari penurunan nilai mata wang Ringgit ini kerana ada ura-ura yang menyatakan bahawa Telekom akan terpaksa

menanggung kerugian hampir RM100 juta dan adakah ini benar dan bolehkah pihak kementerian menyatakan ini berdasarkan asas mana, adakah berdasarkan US\$1 kepada RM3 ataupun lebih kerana kalau kita lihat nilai mata wang Ringgit sekarang adalah sebanyak RM3.61 dan kalau mungkin ia akan melebihi dari tahap itu.

Oleh sebab itu, saya sangat bimbang dengan kerugian daripada pertukaran wang asing yang terpaksa ditanggung oleh Telekom melebihi RM100 juta, kalau berdasarkan US\$1 kepada RM3, dengan keadaan nilai mata wang Ringgit sekarang, sebanyak RM3.61, saya bimbang bahawa Telekom mungkin dipaksa untuk menaikkan tarif dan adakah kenaikan ini akan dipersetujui oleh pihak kementerian. Sungguhpun saya tahu ada dinyatakan bahawa ini akan ditimbang tetapi saya bimbang bahawa desakan yang dibuat oleh Telekom supaya mereka dapat menjamin keuntungan mereka, pihak kementerian akan membenarkan kenaikan yang diminta oleh Telekom dan pada masa yang sama saya harap kita boleh menggunakan prinsip yang terpakai apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan peniaga tidak harus menaikkan kadar tarif mereka.

Saya rasa untuk badan-badan kerajaan yang telah diswastakan kita harus menggunakan sistem atau prinsip yang sama, sebarang kenaikan tidak harus dinaikkan. Lebih-lebih lagi saya rasa apabila kita lihat mutu perkhidmatan yang diberikan oleh Telekom khususnya TMnet, saya rasa amatlah mengecewakan.

Tuan Pengerusi, saya adalah seorang pelanggan TMnet dan saya perhatikan bahawa ada banyak masalah, kadangkala bila saya hantar E-mail, ia memakan masa tiga hari baru sampai, mungkin lebih lambat dari Pos Malaysia, tetapi saya dengar di sini Pos Malaysia pun sama-sama teruk iaitu surat yang telah dihantar ke Kuala Lumpur mungkin memakan masa seminggu, di Melaka pun sama, saya ada menerima aduan kalau dihantar di Melaka tetapi yang dikirimkan di Kuala Lumpur lebih cepat sampai ke Melaka dari surat yang dikirimkan di Melaka.

Kalau dalam aspek perkhidmatan ini kita bercakap elektronik mail, mana lagi elektronik kalau memakan masa tiga atau empat hari sebelum ia boleh sampai dan saya tidak tahu sama ada masalah ini akan berulang lagi ataupun boleh diatasi kerana saya sebagai seorang pelanggan TMnet, saya pernah menghadapi masalah sedemikian, malah apabila timbul pula 'server'nya boleh down seperti di bulan September bila perkhidmatan TMnet untuk kawasan Melaka tergendala untuk lima, enam hari di mana tidak boleh dimasuk langsung, no access at all, dengan izin dan saya rasa perkara ini tidak harus dibenarkan dan kalau Telekom betul-betul bertanggungjawab, mereka harus memberikan diskaun kepada pelanggan mereka supaya menunjukkan mereka tidak dapat memberikan perkhidmatan yang sewajarnya. Kalau kita hendak menghormati atau hendak menegakkan elektronik (E-mail), saya rasa perkara di mana E-mail yang dihantar memakan masa tiga atau empat hari untuk sampai, saya rasa tidak boleh diterima langsung.

Saya juga ingin merujuk kepada Kawal Selia Elektrik dan Gas. Di sini saya hendak bertanya secara spesifik, apakah kos yang akan ditanggung oleh Tenaga Nasional Berhad, ekoran limpahan kos atau 'cost overrun' untuk Projek Pergau di mana kos ini adalah sebanyak RM1.28 juta tetapi sungguhpun ada satu pinjaman dari Kerajaan Britain sebanyak RM1.34 bilion ataupun 306 juta Pound, tetapi ada cost overrun sampai yang dianggarkan adalah melebihi 5%, adakah ini akan menjejaskan Projek Pergau dan bolehkah saya dapat tahu sejauh manakah 'cost over run' ini akan menjejaskan penjanaan kuasa dan juga kesannya ke atas TNB.

Pada masa yang sama saya juga ingin bertanya tentang kos yang akan ditanggung oleh kerajaan ekoran pengambilalihan ke atas Projek Bakun. Bilakah kita dapat tahu kos-kos yang akan ditanggung oleh pihak kerajaan selepas Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengumumkan pihak kerajaan akan mengambil alih Projek Bakun ini kerana tidak dapat diuruskan oleh pihak swasta atau Ekran yang pada awalnya menjadi pengurus untuk projek ini.

Saya rasa dari segi pengalaman yang dialami oleh kerajaan dalam Projek Bakun ini jelas menunjukkan bahawa dari segi pemantauan (monitoring) perlulah ditingkatkan kerana dalam projek yang begitu besar ini kalau pihak swasta yang telah dipilih boleh gagal, saya rasa ini menunjukkan kelemahan yang amat sangat dalam sistem pemilihan pihak untuk menguruskan projek ini. Dan di sini saya ingin bertanya adakah pihak kementerian ataupun kerajaan yang berkenaan akan mengambil tindakan untuk mengatasi kelemahan yang

timbul ataupun mengambil tindakan ke atas Ekran kerana dari segi kegagalan mereka telah mengakibatkan satu kerugian bukan sahaja saya rasa dari segi kewangan tetapi juga dari segi nama baik dan prestij kepada negara.

Dalam aspek Projek Bakun kerana ia juga adalah boleh dikatakan satu bentuk IPP, bolehkan saya tahu jumlah yang akan disumbangkan oleh IPP sebagai sumbangan sosial untuk memastikan bahawa kawasan luar bandar pun boleh menikmati faedah elektrik dan juga tempat-tempat yang tidak ada bekalan elektrik bolehlah dibekalkan elektrik secepat mungkin. Apakah sumbangan oleh IPP dalam negara ini ke atas projek-projek elektrifikasi luar bandar kerana saya rasa seperti yang sedia dimaklumkan oleh pihak kementerian, IPP telah menikmati keuntungan yang amat besar apabila mereka boleh menjualkan elektrik mereka dengan harga yang begitu tinggi sekali tetapi tanpa perlu menjalankan tanggungan sosial sepertimana yang harus ditanggung oleh pihak TNB.

Oleh sebab itu, saya harap bahawa dalam aspek ini bolehkah kita dapat tahu bahawa sama ada IPP akan menyumbangkan mungkin 10% dari keuntungan mereka sebagai sumbangan sosial untuk memastikan bahawa kawasan luar bandar pun boleh menikmati bekalan elektrik.

Tuan Pengerusi, pada masa yang sama, saya juga ingin meminta sama ada pihak kementerian akan memberikan jaminan bahawa sehingga tahun 2000 atau sehingga dua tahun ini sepertimana yang pernah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa sebarang permintaan untuk menaikkan tarif tidak akan dilayan langsung.

Bolehkah sekurang-kurangnya semua pelanggan-pelanggan atau pengguna dapat kepastian bahawa tenaga tidak dibenarkan menaikkan kadar tarif mereka. Saya rasa itu adalah satu perkara yang penting kerana kalau kita hendak melawan inflasi, kita hendak pastikan supaya harga barangan tidak naik dengan sewenang-wenangnya, teladan yang baik haruslah ditunjukkan oleh badan-badan yang diswastakan seperti Tenaga, Telekom dan juga Pos dan dalam aspek mutu perkhidmatan, saya rasa sungguhpun ia diswastakan tetapi kita tidak boleh nampak sangat bahawa mutu perkhidmatan adalah bertambah baik, tentu sekali kita boleh mengaku bahawa tidak bertambah buruk, tetapi sama ada ada bertambah baik, saya rasa ia boleh dipertikaikan khususnya dalam aspek perkhidmatan yang diberikan kepada pengguna apabila tenaga telah gagal menjalankan tugas mereka sepertimana ada satu kes di Melaka di mana apabila ada satu, dengan izin, power search yang mengakibatkan kerosakan barang-barang elektrik sungguhpun perkara ini telah melebihi satu tahun tetapi pampasan yang telah dijanjikan oleh pihak TNB kepada sepuluh keluarga di Melaka di kawasan saya masih belum dibayar, sungguhpun telah dijanjikan dan telah diakui bahawa sabotage telah berlaku.

Dalam aspek mutu perkhidmatan ini bolehkah saya dapat tahu bahawa dalam aspek, dengan izin, service unavailability index, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan adakah prestasi service unavailability index telah naik atau turun dan bolehkah kita mencapai kalau boleh kurang dari 100 minit menjelang tahun 2000, dalam aspek ini kalau kita hendak menjimatkan wang kerana bekalan elektrik terputus dan juga

mengurangkan kesusahan, kesulitan dan kerugian kepada para pengguna, kalau kerajaan tidak mahu membayar pampasan kepada pengguna-pengguna apabila bekalan elektrik terputus, mereka harus mengambil sebarang usaha untuk menjaminkan bahawa bekalan bolehlah diberikan secara berterusan dan sebarang gangguan elektrik bolehlah dikurangkan dengan amat minimum sekali.

Kalau boleh, saya rasa, zero level tidak mungkinlah, tetapi sekurang-kurangnya kurang daripada 100 minit berbanding dengan saya rasa 300 minit sekarang.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]

mempengerusikan Jawatankuasa

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya bolehkah Tenaga diberikan layanan yang sama seperti sebuah badan swasta dan tidak layanan istimewa seperti dahulu apabila ia menjadi sebuah badan berkanun. Saya menimbulkan perkara ini kerana apabila Tenaga mengambil alih tanah untuk membina electric towers, dengan izin, tanah yang diambil oleh orang-orang kampung ataupun pemilik tanah adalah dibayar berdasarkan kadar yang amat rendah sekali kerana ia dinyatakan untuk satu tujuan awam.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah cukup ya.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, bolehkah saya gulung sekejap? Tetapi dalam perkara ini saya rasa sebagai sebuah badan swasta mereka haruslah membuat bayaran mengikut kadar pasaran dan tidaklah mengikut kadar awam. Saya rasa adalah tidak adil untuk pemilik tanah bahawa mereka terpaksa

menerima bayaran pampasan berdasarkan tujuan kegunaan awam bila mereka haruslah mendapat bayaran pasaran daripada sebuah badan swasta. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Diminta kementerian menjawab.

6.31 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Pengerusi, pertama sekali saya mengucapkan.....

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Pengerusi, sebelum ini Tuan Pengerusi telah membenarkan saya.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya minta kementerian jawab. Sudah ramai yang berucap. Bagi penilaian saya sudah sampai masa untuk kementerian menjawab, sila teruskan.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Pengerusi.....

Tuan Lim Guan Eng: Tadi telah janji.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Melaka sudah diberi peluang berucap. Saya minta kementerian jawab.

Dato' Chan Kong Choy: Pertama sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat.....

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, tadi telah dijanjikan seorang hanya 10 minit sahaja.

Tuan Yunus bin Rahmat: Mahu overrule Tuan Pengerusi punya 'decision'kah? Duduklah.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Pengerusi telah membenarkan saya.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, saya telah buat keputusan, bagi penilaian saya 13 orang sudah memadailah.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi kalau kita lihat jadual.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, jangan ganggulah Timbalan Menteri menjawab.

Tuan Lim Guan Eng:.....besok ada satu hari lagi dan hanya 10 minit sahaja dan sebagai seorang.....

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Pengerusi, pertama sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat termasuk dari Serdang, Kluang, Tanjong, Sandakan.....

Tuan M. Kulasegaran: Point of order.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, tidak ada point of order. Saya kata Timbalan Menteri jawab.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Pengerusi, sebelum ini Tuan Pengerusi yang lain telah membenarkan saya berucap.

Tuan Yunus bin Rahmat: 'Ane' duduklah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, keputusan saya muktamad, mengikut penilaian saya.....

Tuan M. Kulasegaran: Ini keputusan yang dibuat sebelum ini oleh Tuan Pengerusi yang lain, bukankah muktamad?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya ambil alih Pengerusi dengan kuasa yang ada.

Tuan M. Kulasegaran: Saya hairan, Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila teruskan.

Tuan M. Kulasegaran:.....sebenarnya besok sahaja patut kementerian ini membahaskan peruntukannya, kenapa saya tidak dibenarkan?

Tuan Yunus bin Rahmat: Duduklah 'ane'.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Pengerusi, pertama sekali saya mengucapkan ribuan terima kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat dari Serdang, Kluang, Tanjong, Sandakan, Bukit Mertajam, Yan, Tenom, Mersing, Kuala Pilah, Gelang Patah, Kepong, Libaran dan Kota Melaka kerana telah sudi mengemukakan beberapa cadangan, pandangan dan teguran yang membina mengenai kementerian saya semasa mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan di peringkat Jawatankuasa.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Serdang telah membangkit dan menyentuh tentang apa rancangan kementerian dan syarikat-syarikat utiliti yang di bawah jagaannya untuk meningkatkan taraf perkhidmatan Tenaga, Telekom dan Pos di kawasan Serdang dan Puchong di mana dua pertiga adalah di dalam kawasan MSC. Dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini umumnya dan Yang Berhormat dari Serdang khususnya, bila semua projek, prasarana, infrastruktur yang ada kaitan khususnya dengan Tenaga dan Telekom selepas dilaksanakan dalam MSC, maka penduduk-penduduk dan

pengilang-pengilang yang duduk dalam kawasan Yang Berhormat secara langsung akan dapat menikmati kemudahan-kemudahan yang akan diberikan yang bertaraf tinggi ini.

Yang Berhormat dari Serdang juga menyentuh tentang di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 bila seorang pengguna, baik dari seorang yang menduduki rumah secara halal mahupun haram bila ia mengemukakan permohonan untuk mendapatkan bekalan elektrik, di bawah akta ini kita akan memberikan bekalan. Memang betul kalau sekiranya pihak utiliti, pihak TNB selepas semakan ataupun siasatan dan pihak TNB berpuas hati tentang keadaan di rumah ataupun kilang ini dari segi keselamatan, di bawah akta ini kita akan memberikan bekalan. Tetapi oleh kerana kita telah pun menerima banyak kompelin ataupun aduan dari pihak berkuasa tempatan dan juga pihak pejabat tanah khususnya di peringkat daerah, sekarang semasa kita memberikan bekalan biasanya kita akan merujuk permohonan ini kepada pihak berkuasa tempatan dan juga pihak berkuasa tanah daerah sebelum kita memberikan bekalan. Biasanya selepas kita dapat persetujuan dari pihak-pihak yang berkenaan baru kita akan memberikan bekalan, tetapi dalam perkara ini kita juga selalu dapat permintaan ataupun rayuan dari Ahli-ahli Yang Berhormat, baik dari peringkat Parlimen mahupun di peringkat DUN supaya kita memberikan bekalan. Maka saya merayu kepada pihak Ahli-ahli Yang Berhormat kalau sekiranya difikirkan tidak sesuai untuk membekalkan bekalan kepada setinggan, rumah ataupun kilang tanpa izin, janganlah memberikan sokongan kepada pihak utiliti.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Serdang juga membangkitkan sama ada di bawah Akta Bekalan Elektrik, seorang empunya rumah ataupun kilang harus menjalankan siasatan ataupun semakan terhadap kelengkapan bekalan elektrik sama ada ianya selamat atau tidak. Di bawah Peraturan-peraturan Bekalan Elektrik, kilang-kilang yang berdaftar ataupun rumah-rumah perlu melantik orang-orang yang kompeten bagi menjalankan siasatan secara berjadual untuk memastikan keselamatan sistem elektrik sentiasa terjamin. Ini memang ada disebutkan dalam Peraturan-peraturan Bekalan Elektrik.

Tentang.....

Dato' Yap Pian Hon: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Serdang bangun.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan dengan bekalan elektrik untuk diperiksa. Walaupun ada akta tetapi biasanya pemilik-pemilik rumah atau kilang tidak tahu berapa lama dia mesti memanggil tukang elektrik itu datang untuk periksa. Kalau mereka tidak faham, tidak tahu, mungkin selepas itu cara mana untuk menasihatkan kepada pemilik rumah itu?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Pengerusi, pihak kementerian melalui Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas memang dari masa ke semasa mengadakan kempen untuk mengingatkan para pengguna untuk menjalankan semakan tentang kelengkapan bekalan elektrik mereka. Kalau sekiranya di kawasan

Serdang ada keperluan, kita akan mengadakan satu majlis untuk menerangkan perkara ini kepada pengundi-pengundi Yang Berhormat.

Tentang post office di Serdang sekarang yang difikirkan tidak dapat memberikan perkhidmatan yang memuaskan kepada pihak pelanggan dan Yang Berhormat mencadangkan supaya satu pejabat pos yang lebih canggih dapat didirikan dan juga memberikan perkhidmatan kepada mereka yang duduk di sepanjang Jalan Balakong, perkara ini saya akan mengemukakan kepada pihak Pos Malaysia supaya satu kajian dapat dijalankan untuk meneliti cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Serdang ini.

Yang Berhormat dari Kluang telah mengemukakan satu kes spesifik di mana seorang yang telah pun menghantar bungkusan dari negeri Jepun ke Malaysia di mana setibanya di Johor Bahru barang-barang di dalam bungkusan ini didapati telah hilang. Untuk makluman Yang Berhormat, pengiriman pos khususnya bungkusan dari luar negeri yang bila tiba ke Malaysia, ia akan disemak oleh pegawai kastam untuk memastikan sama ada barang dalam bungkusan ini adalah harus dikenakan cukai atau tidak. Kebiasaannya bungkusan ini akan dibuka di hadapan empunya bungkusan oleh pihak kastam untuk telitian. Ini memang merupakan prosedur biasa manakala yang tidak bercukai ini akan diserahkan secara langsung kepada empunya. Maka kes yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Kluang tentang kes ini yang dihadapi oleh Encik Wong, saya menasihati supaya satu laporan dibuat kepada pihak Jabatan Pos, kita akan jalankan satu siasatan yang mendalam tentang perkara ini.

Yang Berhormat dari Kluang juga telah membangkitkan tentang bilangan kakitangan yang tidak mencukupi di Pos Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, jumlah keseluruhan postman setakat ini adalah 6,200 orang dan setakat ini tiada masalah yang besar mengenai pengambilan postman, cuma terdapat saingan dari sektor industri yang menawarkan upah yang lebih tinggi.

Yang Berhormat dari Bukit Mertajam telah.....

Dato' Yap Pian Hon: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Serdang bangun lagi, Yang Berhormat.

Dato' Yap Pian Hon: Tuan Pengerusi, minta penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Berkaitan dengan kakitangan pos di merata tempat di negara kita ini sedang menghadapi kekurangan bilangannya kerana ramai belia kita tidak minat untuk menyertai dalam perkhidmatan ini kerana tangga gaji didapati tidak berapa baik. Adakah cadangan kepada Pos Malaysia Berhad untuk mengkaji semula skim gaji atau peraturan yang lebih lumayan lagi untuk menarik ramai lagi belia untuk menyertai dalam perkhidmatan ini?

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih, Yang Berhormat dari Serdang. Setakat ini pihak Pos Malaysia memang tidak ada rancangan untuk mengkaji semula skim gaji kerana sepertimana saya katakan tadi pihak Pos Malaysia memang tidak menghadapi masalah besar dalam pengambilan postman ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Bukit Mertajam.....

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Teluk Intan bangun, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada kaedah 43, dengan izin, saya baca di mana dikatakan:

“43. Tuan Yang di-Pertua dalam Majlis Mesyuarat atau Pengerusi dalam Jawatankuasa adalah bertanggung ke atasnya menjaga supaya peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat atau Jawatankuasa diendahkan, dan keputusannya berkenaan dengan apa-apa perkara peraturan mesyuarat tidak boleh diminta timbangkan semula dan tidak boleh diulangkaji oleh Majlis Mesyuarat kecuali dengan dikeluarkan usul tersendiri kerana itu. Usul demikian ini tidak berkehendak dikeluarkan pemberitahu lebih daripada dua hari terlebih dahulu.”

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, apa kaitannya, Yang Berhormat?

Tuan M. Kulasegaran: Sebelum ini satu keputusan telah dibuat di mana saya telah dibenarkan untuk membahas.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, itu keputusan saya sebagai Pengerusi. Saya duduk di sini dengan kuasa yang penuh sebagai Pengerusi untuk memutuskan.....

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Perkara itu telah putus, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Bukan, Tuan Pengerusi. Bila di.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya tidak mengerti kenapa Yang Berhormat bangkitkan perkara ini.....

Tuan M. Kulasegaran:.....dengan substantive motion. Tuan Pengerusi yang berkuasa sekarang, tidak ada kuasa untuk mengkaji balik.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, itu saya tidak setuju. Saya katakan tadi di atas pertimbangan saya bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap sudah memadai untuk 13 orang. Bukan kita 'deny' Yang Berhormat hendak berucap.....

Tuan M. Kulasegaran: I have been denied. Everybody see is not observe.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Biasa di sini berlaku kepada wakil-wakil kerajaan juga kita tidak beri peluang sepenuhnya mengikut keadaan masa.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Pengerusi beritahu saya, adakah substantive motion yang telah dibawa di Dewan ini? Kalau ada, I am willing to hear, di mana?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya suka menjelaskan.....

Tuan Noh bin Omar: Point of order.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sekejap..... bahawa keputusan saya itu berdasarkan kepada pertimbangan

setelah melihat berapa orang yang berucap. Jadi, keputusan itu saya tidak nampak silap salah dari mana, saya kira tepat.....

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Pengerusi, with the highest respect to your Chair.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: I know.

Tuan M. Kulasegaran: The earlier Pengerusi telah membuat satu keputusan dan keputusan itu terikat.....

Tuan Noh bin Omar: Tuan Pengerusi, point of order.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sekejap ya.

Tuan M. Kulasegaran: Saya belum habis point of order. Tolonglah Yang Berhormat duduk.

Tuan Noh bin Omar: Saya bangun atas point of order.

Tuan M. Kulasegaran: Mana boleh point of order atas point of order?

Tuan Noh bin Omar: You bangun atas point of order, you argue dengan Tuan Pengerusi, you duduklah.

Tuan M. Kulasegaran: Let me finish.

Tuan Noh bin Omar: You sudah cakap, you duduklah, ini point of order. Tidak tahu undang-undangkah?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, sekejap. Yang Berhormat Teluk Intan, saya tidak ada catatan berkaitan dengan keputusan yang lalu.....

Tuan Noh bin Omar: Berapa kali mahu cakap?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sekejap.
Saya hendak beri penerangan kepada Teluk Intan.

Tuan Noh bin Omar: Tak tahu undang-undang, you duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya ada buku catatan di sini. Saya tidak ada catatan Yang Berhormat telah diberi peluang untuk berucap. Jadi, mengikut pertimbangan saya sebagai Pengerusi yang mengambil alih maka memadailah 13 orang dan saya pandang pun dari parti Yang Berhormat telah diwakili oleh lebih kurang 3 atau 4 orang.

Tuan M. Kulasegaran: Bukan, Tuan Pengerusi, with the highest respect.....

Tuan Noh bin Omar: Sudahlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Pengerusi, Peraturan Mesyuarat 41.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat mengerti bahawa apabila saya duduk di sini saya tidak ada catatan yang mengatakan bahawa Yang Berhormat telah dijanjikan untuk berucap. Saya minta cukuplah.

Tuan M. Kulasegaran: Peraturan Mesyuarat 41(e), saya menyuruh Tuan Pengerusi mengarahkan Tanjong Karang duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya minta, cukup Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kita buang masa, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Bukan buang masa. Tuan Pengerusi, with the highest respect.....

Tuan Noh bin Omar: Point of order, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan M. Kulasegaran:.....is there a substantive motion, adakah substantive motion dalam Dewan ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, saya telah menjelaskan dengan perkataan yang begitu jelas bahawa apabila saya duduk di sini mempengerusikan mesyuarat, tidak ada catatan yang membolehkan saya untuk merujuk bahawa Yang Berhormat telah dijanjikan untuk berucap.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Pengerusi, adakah saya perlu disalahkan jika, dengan hormat, Tuan Pengerusi yang sebelum ini tidak mencatatkan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tidak ada dilakukan di dalam buku saya, Yang Berhormat.....

Tuan M. Kulasegaran: Lebih baik kalau kita boleh panggil Tuan Pengerusi yang sedemikian.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan M. Kulasegaran:.....kerana Teluk Intan, I got matters of public important, with the highest respect, mana boleh? Sebelum ini telah dibenarkan.

Beberapa Ahli: [*Sorak*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Saya tidak mahu menjelaskan lebih jauh daripada itu, bahawa tidak ada catatan di dalam buku ini yang mengatakan Yang di-Pertua yang mempengerusikan sebelum saya itu telah menjanjikan Yang Berhormat untuk berucap. Saya harap perkara itu selesai.

Tuan M. Kulasegaran: No, Kota Melaka akan mengesahkan bahawa saya dibenarkan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kalau ada kesilapan, maka Yang Berhormat ada mempunyai hak-hak yang lain untuk mencabar keputusan Yang di-Pertua.

Tuan Noh bin Omar: Point of order, Tuan Pengerusi.

Tuan M. Kulasegaran: With the highest respect, Tuan Pengerusi, there is a substantive motion.

Tuan Noh bin Omar: Point of order 44.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sekejap. Saya ingin menjelaskan kepada semua Ahli Yang Berhormat, walau macam mana pun keadaan argument Yang Berhormat beri, semua tahu bahawa keputusan Tuan Yang di-Pertua adalah muktamad. Kalau ada yang tidak bersetuju, maka Yang Berhormat ada cara-cara lain untuk mengatasi masalah ini.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Pengerusi, with the highest respect.....

Tuan Noh bin Omar: Tuan Pengerusi.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:

Yang Berhormat, sekejap. Saya telah menjelaskan bahawa tidak ada catatan saya di sini Yang Berhormat telah dijanjikan untuk berucap. Semua Ahli Yang Berhormat tahu apabila saya mempengerusikan, saya tidak mahu meninggalkan siapa-siapa pun dalam mesyuarat untuk mendapat peluang. Tetapi kali ini saya tidak ada catatan di sini bahawa Yang Berhormat dijanjikan. Sekarang Yang Berhormat katakan telah dijanjikan, saya tidak ada catatan, macam mana saya hendak buat keputusan?

Tuan M. Kulasegaran: Jadi adakah dikatakan saya telah mislead the House?

Beberapa Ahli: Yes.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, saya tidak mengatakan begitu tetapi bagi saya.....

Tuan M. Kulasegaran: Saya ada saksi yang akan mengatakan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:.....bagi pengetahuan saya sebagai Pengerusi, saya tidak ada catatan di sini Yang Berhormat telah dijanjikan untuk berucap. Saya harap Yang Berhormat dapat terima.

Tuan M. Kulasegaran: To be fair, to do justice.....

Tuan Noh bin Omar: Tuan Pengerusi.....

Tuan M. Kulasegaran:.....saya mohon.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukup ya. Ya, Tanjong Karang.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Pengerusi, kalau dia bercakap Peraturan Mesyuarat 43, saya bercakap Peraturan Mesyuarat 44(1) Tertib dalam Mesyuarat. Saya hendak baca, you baca sendirilah, you lawyer, hendak suruh saya baca? Okay.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, kalau Peraturan Mesyuarat 43 pun saya boleh bangkitkan. Tadi Tuan Pengerusi sebelum ini sudah buat keputusan, selepas Libaran beri ucapan, dia suruh Timbalan Menteri jawab, tetapi oleh kerana budi bicara Tuan Pengerusi tadi, dia beri peluang kepada Kota Melaka bercakap, itu dia tidak ada bangkitkan pun. Hari ini bila Tuan Pengerusi menggunakan budi bicara tidak beri pihak pembangkang bercakap, dia hendak jadikan satu isu. Sepatutnya tadi selepas Libaran bercakap, Kota Melaka no way boleh bercakap. *[Tepuk]* Mengapa tadi tidak mahu sokong Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, cukup ya.

Tuan Noh bin Omar: Ini bila kena peluang you tak baik, you nak marah.

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Teluk Intan, Kota Melaka.....

Tuan Lim Guan Eng: Tadi Tanjong Karang tak mahu cakap, duduklah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukup ya, cukup ya.

Tuan Noh bin Omar: Ini point of order.

Tuan Lim Guan Eng: Berikan peluang kepada orang lain cakap.

Tuan Noh bin Omar: Hoi, ini point of order, saya cakap.

Tuan Lim Guan Eng: Berikan peluang kepada orang lain cakap.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjong Karang, Kota Melaka.....

Tuan Lim Guan Eng: Kalau tadi tak mahu cakap, diam, duduk. Berikan peluang kepada orang lain bercakap.

Tuan Noh bin Omar: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Guan Eng: Kalau tak mahu cakap, you balik tidurlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Tanjong Karang, minta duduklah. Saya harap Yang Berhormat Teluk Intan mengerti ya.

Tuan M. Kulasegaran: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Teluk Intan, cukuplah. Kita telah buang masa. Saya tidak boleh jelaskan lebih daripada apa yang saya telah jelaskan.

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Lim Guan Eng: Duduklah, balik tidurlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, duduk. Saya rasa masa untuk argument telah saya berikan lebih daripada cukup untuk penjelasan. Saya telah beri peluang Yang Berhormat untuk mengemukakan kompelin, saya telah jawab dengan jelas, saya harap Yang Berhormat terima.

Tuan M. Kulasegaran: Saya terikat.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan M. Kulasegaran:.....tetapi saya hendak kata satu sahaja, Tuan Pengerusi. Bila kita mendapat jalan dari menteri dan sebagainya, mereka enggan memberi kita. So for me actually end of the day, no use of coming to this Dewan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan M. Kulasegaran: With the highest respect, kerana kalau saya ingin mendapat jalan dari.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan M. Kulasegaran: Tidak.....

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: *[Menunjukkan Buku Peraturan Mesyuarat]*

Tuan Lim Kit Siang: Duduklah, you ingat saya tak tahukah?

Tuan M. Kulasegaran: Saya sedia, tetapi selepas ini bila saya tanya soalan, tak beri, sahabat saya, saya beri. Inilah yang jadi.....

Seorang Ahli DAP: Tak ada standard.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, tentang jalan itu terpulang kepada yang berucap, Peraturan Mesyuarat jelas.

Tuan M. Kulasegaran: Exactly, coming to the point. Inilah bila saya diberi masa.....*[Pembesar suara dimatikan]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukup. Saya minta Timbalan Menteri teruskan.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Bukit Mertajam telah menyentuh tentang sistem.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, ada apa Yang Berhormat Tanjong?

Tuan Lim Kit Siang: Peraturan Mesyuarat 66(5).

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila.

Tuan Lim Kit Siang: 66(5), saya minta satu penjelasan. Oleh kerana mengikut Peraturan Mesyuarat 66(5), 17 hari diperuntukkan untuk Committee stage. Sebenarnya 16 hari tetapi Peraturan Mesyuarat dipinda, tambah satu hari lagi, jadi 17 hari. Kita ada jadual di mana sebenarnya satu hari yang sepenuhnya diperuntukkan untuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan setengah hari sahaja nampaknya sudah tutup, sekarang sebenarnya kita 'ahead

of schedule'. Kita mahu tanya, saya harap kita boleh dapat satu penjelasan sama ada selain daripada jadual untuk panduan semua ahli Parlimen, ada satu agenda sulit untuk mempercepatkan menamatkan perbahasan yang melanggar semangat peruntukan dalam Peraturan Mesyuarat. Saya rasa ini demokrasi dan keadilan, sangat mustahak. Kita datang ke sini untuk berucap, sudah memperuntukkan 10 minit, Parlimen malu dalam dunia. 10 minit - Parlimen, semua tak malu.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Barisan Nasional tak boleh malu, tetapi ini malu. Bukan tidak ada masa, bukan tidak ada orang mahu cakap, ada orang mahu cakap, kenapa disingkatkan? Saya harap ini diambil perhatian yang berat supaya dalam Parlimen Malaysia kita boleh ada ruang yang secukup-cukupnya untuk mewakili rakyat, tidak kira apa ahli Parlimen di sini dan di sana, itu hal yang lain, tetapi ahli Parlimen datang ke sini untuk menyuarakan suara rakyat, bukan untuk disingkatkan, bukan demokrasi disingkatkan khasnya apabila ada Peraturan Mesyuarat yang sangat ternyata.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, pertamanya kita tidak ada apa agenda yang sulit. Tugas kita sebagai Yang di-Pertua dan Pengerusi di sini memastikan bahawa kerja kita selesai dalam jadual yang ditetapkan. Kadangkala sungguhpun kita ada jadual seperti ini, seperti yang kita alami semua Yang Berhormat tahu bahawa kadangkala kementerian yang lain memakan masa lebih daripada yang

diperuntukkan. Itu makanya adalah lebih baik kalau kita dapat selesaikan lebih awal untuk sebarang kemungkinan yang kita tidak dapat jangka.

Semua orang tahu bahawa perjalanan mesyuarat ini di mana saya selama tujuh tahun dalam Parlimen ini, dalam Jawatankuasa kita beri 10 minit, itulah masa yang dapat kita berikan dan tidak lebih, kalau lebih, maka kementerian ini tidak akan selesai di dalam masa yang dijadualkan. Saya harap Yang Berhormat Tanjong dan ahli-ahli yang lain akan mengerti macam mana tugas kita pada tiap-tiap malam sampai pukul 8.00 lebih untuk menghabiskan jadual yang ditetapkan. Jadi, saya harap kita tidak buang masa lebih panjang. Saya pun rasa simpati juga dengan Yang Berhormat Teluk Intan tetapi perkara ini tidak dapat diatasi. Saya harap kita dapat teruskan mesyuarat ini kerana kita telah buang masa 10 minit. Sila teruskan.

6.55 ptg.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Bukit Mertajam membangkitkan sistem pemprosesan surat sekarang yang melambatkan penyampaian surat. Sistem pemprosesan surat akan dikaji semula untuk mempercepatkannya kalau difikirkan perlu oleh pihak Pos Malaysia.

Yang Berhormat dari Kluang membangkitkan masalah mengenai Radio Base Station (RBS) di Paloh tidak berfungsi dengan baik dan pelanggan yang telah membayar bayaran berhak menuntut balik bayaran sewa bulanannya. Untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kluang, pihak kementerian akan meminta pihak Celcom memastikan stesen RBS di Paloh berfungsi dan pelanggannya diberi perkhidmatan yang memuaskan.

Tuan Pengerusi, beberapa orang Ahli Yang Berhormat dari pihak pembangkang telah membangkitkan masalah Bakun. Saya hendak mengambil kesempatan di sini untuk menegaskan sekali lagi bahawa keputusan kerajaan untuk melaksanakan projek Bakun adalah satu keputusan yang serius, satu keputusan selepas kajian dari pelbagai segi yang dijalankan dengan sedalam-dalamnya. Ia merupakan satu projek yang viable dan akan mendatangkan faedah kepada pembangunan negara. Oleh kerana sekarang ini negara telah menghadapi krisis kewangan dan kita telah mengambil keputusan untuk menengguhkan pelaksanaan projek Bakun ini dan ia bukan merupakan satu projek yang tidak viable, yang tidak akan mendatangkan faedah kepada pembangunan negara. Selepas pihak kerajaan.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Tanjong bangun, hendak beri jalan?

Dato' Chan Kong Choy: Sorry. Selepas pihak kerajaan mengambil keputusan.....

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia kata nanti dia beri.

Dato' Chan Kong Choy: Tak ada jalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Hendak beri jalan atau tak beri jalan, Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang: Adakah berikah? Saya tak ada dengar.

Dato' Chan Kong Choy: Selepas pihak kerajaan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, hendak beri jalankah atau tak beri?

Dato' Chan Kong Choy: Tak ada.

Tuan Lim Kit Siang: Tak mahu beri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tak beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Tak mahu beri jalan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tak beri.

Tuan Lim Kit Siang: Ha, takutlah. Itu semua perangai MCA macam ini. Menteri takut datang, timbalan menteri takut beri jalan, malulah.....

Beberapa Ahli: *[Boo]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Tuan Lim Kit Siang:.....contoh sekurang-kurangnya UMNO.....
[Pembesar suara dimatikan]

Tuan Yunus bin Rahmat: Tak tahu Peraturan Mesyuarat.

Tuan Fu Ah Kiow: Oi, apa ini? You pun takut, tertiblah.

Dato' Yap Pian Hon: *[Bangun]*

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: *[Menunjukkan buku Peraturan Mesyuarat]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta semua duduk.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Tanjong, minta duduk. Okay, enough.

Tuan Lim Kit Siang: Malulah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kuala Pilah, cukuplah.

Tuan Lim Kit Siang: Menteri MCA takut datang, timbalan menteri tak beri jalan, malu.

Dato' Chan Kong Choy: My day, duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukup, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Dato' Chan Kong Choy: Duduk.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Dato' Chan Kong Choy: Saya minta dia duduk!

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Tanjong.....

Dato' Chan Kong Choy: Saya minta dia duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Tak mahu beri jalan, tak malu.....

Dato' Chan Kong Choy: Duduk!

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukup,
Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Dato' Chan Kong Choy: Hak saya, duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Tak pernah datang.....

Dato' Chan Kong Choy: Duduk.

Tuan Lim Guan Eng: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang
Berhormat Kota Melaka.....

Dato' Chan Kong Choy: Duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli
Yang Berhormat, saya suka menjelaskan bahawa Peraturan Mesyuarat itu jelas.
Kalau ahli yang berucap tidak beralah, tidak beri jalan, kita tidak boleh
berucap. Sila teruskan, Yang Berhormat.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Pengerusi, saya merasa amat kesal
seorang yang selalu mengutamakan peraturan, sendiri tidak mengikut peraturan.
[Tepuk] Apa ini contoh seorang veteran?

Seorang Ahli DAP: Tak mahu beri jalan atau penakut!

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Pengerusi, bila kerajaan telah
mengambil satu keputusan untuk menangguhkan projek Bakun oleh kerana

krisis kewangan, pihak Ekran telah menarik diri dari penyertaan projek ini.
Walau bagaimanapun, kerja-kerja yang telah mula.....

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tak beri jalan?

Dato' Chan Kong Choy: Tak ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tak beri.

Tuan Lim Kit Siang: Dia akan berikan?

Dato' Chan Kong Choy: Tidak.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjong, dia tak mahu beri.

Tuan Lim Kit Siang: Ini macamlah, menteri takut datang.....

Dato' Chan Kong Choy: Duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, dia tak mahu beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Dia ada hak tak beri jalan, saya tahu.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Hei, apek 'celuk'lah.

Tuan Lim Kit Siang: Malu, tak boleh lari.....

Dato' Chan Kong Choy: Oi, orang lama duduk. Apa ini? Duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Mahu tunjuk malu.....

Dato' Chan Kong Choy: Duduk.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Tanjong.....

Dato' Chan Kong Choy: Air way like that, malu.

Tuan Lim Kit Siang: Nak tengok siapa malu?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Pengerusi, kerja-kerja yang telah dimulakan harus diteruskan khususnya river diversion dan penempatan semula penduduk di kawasan Bakun. Selepas ini satu syarikat di bawah Kementerian Kewangan dikenali sebagai Bakun Hidro Sdn. Bhd. telah mengambil alih projek Bakun, bukan keseluruhan Bakun Hidro Corporation.....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, dia bangun lagi, Yang Berhormat.

Dato' Chan Kong Choy: Tak ada, tak beri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tak beri.

Tuan Lim Kit Siang: Dia ada hak tak beri, saya ada hak berdiri minta penjelasan dan tengok dia malu.

Dato' Chan Kong Choy: Tak beri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat.....

Dato' Chan Kong Choy: Selepas pihak kerajaan mengambil alih projek Bakun, pihak kerajaan telah mengambil satu keputusan untuk melantik Peat Marwick untuk menjalankan satu audit tentang aset dan segala

perbelanjaan yang telah pun dibelanjakan oleh pihak BHC. Tindakan-tindakan akan diambil ataupun akan diputuskan selepas pihak Peat Marwick mengemukakan laporan sepenuhnya kepada pihak kerajaan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Sandakan, Tenom.....

Tuan Lim Kit Siang: Bakun habis, penjelasan.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tak beri jalan?

Dato' Chan Kong Choy: Yang Berhormat dari Sandakan, Tenom.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tak mahu beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu tanya Bakun sudah habis atau belum?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tak mahu beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, perkara Bakun sudah habis?

Dato' Chan Kong Choy: Sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Malulah tak berani beri jalan.

Dato' Chan Kong Choy: Sila duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Tanjong.

Tuan Lim Kit Siang: Tak menguasai subjek.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Chan Kong Choy: Saya minta Pengerusi mengambil keputusan untuk.....

Tuan Lim Kit Siang: Balik rumahlah.

Dato' Chan Kong Choy: Baliklah.

Beberapa Ahli: [*Sorak*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:
Cukuplah, beri Timbalan Menteri jawab.

Dato' Chan Kong Choy: Yang Berhormat dari Sandakan, Tenom dan Libaran.....

Tuan M. Kulasegaran: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Teluk Intan pula bangun, hendak beri jalankah?

Dato' Chan Kong Choy: Tak ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tak mahu beri, Yang Berhormat.

Dato' Chan Kong Choy: Kalau Kepong, boleh. Orang lain tak boleh, Kepong sahaja.

Tuan M. Kulasegaran: [*Menyampuk*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tak beri.

Dato' Chan Kong Choy: Yang Berhormat dari Sandakan, Tenom dan.....

Tuan M. Kulasegaran: [*Menyampuk*]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tak mahu beri. Saya tidak ada kuasa hendak beri.

Dato' Chan Kong Choy: Tak beri.

Tuan M. Kulasegaran: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Teluk Intan.....

Dato' Chan Kong Choy: Duduk, duduk.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, jangan cabar mencabar. Dia tidak mahu beri jalan.

Dato' Chan Kong Choy: Yang Berhormat dari Sandakan, Tenom dan Libaran telah menyentuh tentang penswastaaan Lembaga Letrik Sabah. Pihak kerajaan memang sangat bersimpati tentang keadaan bekalan elektrik di seluruh negeri Sabah ini, tetapi tidak dinafikan setelah pasukan petugas khas TNB mengambil alih dari pengurusan LLS, keadaan telah bertambah baik tetapi tidak sampai satu tahap yang memuaskan. Ini kita terima. Selepas pasukan petugas khas mengambil alih pengurusan.....

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tak mahu beri, Yang Berhormat.

Dato' Chan Kong Choy: Pasukan khas ini telah mengkaji.....

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, dia tak mahu beri.

Dato' Chan Kong Choy: Tak beri.....

Tuan M. Kulasegaran: Takut?

Dato' Chan Kong Choy: You lawyer, tak tahu peraturankah? Malulah saya.....

Tuan M. Kulasegaran: *[Menyampuk]*

Dato' Chan Kong Choy: Duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat Teluk Intan, cukuplah.

Dato' Chan Kong Choy: Duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, dia tak beri.

Tuan M. Kulasegaran: *[Menyampuk]*

Dato' Chan Kong Choy: Duduk.

Tuan Noh bin Omar: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tanjong Karang, minta duduk.

Seorang Ahli DAP: You jangan bodeklah, duduklah. Tolonglah orang baru.

Tuan Noh bin Omar: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Tuan Yunus bin Rahmat: Belajar masuk tadika dahululah.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Pengerusi, setelah pasukan khas TNB mengambil alih pengurusan LLS, pihak pasukan khas telah pun menjalankan

satu siasatan menyeluruh tentang bagaimana hendak mempertingkatkan mutu bekalan elektrik kepada seluruh negeri Sabah. Masalahnya bukan penjanaan, penjanaan memang cukup setakat ini. Masalah berlaku di bahagian penghantaran (transmission) dan juga pembahagian.

Untuk melaksanakan segala projek, penghantaran dan pembahagian yang dicadangkan oleh pihak pasukan khas, kita perlu mengeluarkan satu peruntukan yang cukup besar iaitu RM600 juta untuk menjalankan segala projek yang dicadangkan ini. Pihak kerajaan bercadang akan berbincang dengan pihak konsortium yang akan mengambil alih LLS selepas penswastaaan dilaksanakan.....

Tuan M. Kulasegaran: Kuorum!

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Apa dia Yang Berhormat?

Tuan M. Kulasegaran: Kuorum.

Beberapa Ahli: Duduk! Duduklah! *[Menyampuk] [Ketawa]*

Seorang Ahli: Eh! Tambi cukuplah tambil!

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Tuan Noh bin Omar: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada kuorum Yang Berhormat, cukup.

Beberapa Ahli: Boo!

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Baik, saya harap Yang Berhormat.....

Tuan M. Kulasegaran: Five minutes*[Menyampuk]*

Tuan Lim Guan Eng: Tidak akan tanya lagi.

Beberapa Ahli: Berdiri.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat saya harap kalau ada sesiapa yang membangkitkan kuorum, sila kira dahulu sebelum bangkitkan.

Beberapa Ahli: *[Sorak]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila teruskan, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: Cukupkah kuorum?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Cukuplah.

Tuan M. Kulasegaran: Bolehkah Yang Berhormat berdiri supaya senang hendak bercakap. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Tidak ada peraturan macam itu.

Tuan M. Kulasegaran: Saya kira, saya baca - betul..... *[Menyampuk]*

Tuan Lim Guan Eng: Saya pun boleh kira berapa orang, mana satu.....*[Menyampuk]*

Tuan Noh bin Omar: Mana satu peraturan *[Mencabar]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Tanjong Karang.

Beberapa Ahli: Duduklah! Duduklah!

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, cukup kuoram.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Pengerusi, pihak kerajaan akan mengadakan.....

Tuan Noh bin Omar: You tidak membaca Perlembagaan!
[Menyampuk]

Dato' Chan Kong Choy: perbincangan dengan konsortium.....

Beberapa Ahli: Hoi! Baliklah, baliklah!

Tuan Lim Guan Eng: Kurang satulah.

Beberapa Ahli: Baliklah! Baliklah!

Tuan Lim Guan Eng: *[Keluar dari Dewan]*

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: *[Menyampuk dalam bahasa Cina]*

Beberapa Ahli: Boo!

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Yang Berhormat sila teruskan jawapan.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Pengerusi, pihak kementerian saya akan mengadakan perbincangan dengan pihak konsortium yang akan mengambilalih LLS melalui penswastaan, di mana dijangka akan diadakan pada awal tahun depan supaya dapat mencari sumber kewangan yang secukupnya untuk melaksanakan projek-projek yang dicadangkan ini.

Mengenai kadar tarif selepas penswastaan dijalankan pada awal tahun hadapan. Sebelum saya menyentuh tentang ini, saya dengan sukacitanya

memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa buat masa sekarang, setiap unit elektrik yang digunakan oleh para pengguna di negeri Sabah, pihak kerajaan adalah memberikan subsidi sebanyak 4 sen - tiap-tiap unit yang digunakan pihak kerajaan memberikan subsidi sebanyak 4 sen setakat ini. Jadi, berjuta-juta ringgit disalurkan kepada rakyat melalui pemberian subsidi kepada rakyat di negeri Sabah, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dari negeri Sabah dapat memaklumkan perkara ini kepada seluruh rakyat Sabah. Walau bagaimanapun selepas penswastaaan dijalankan pada tahun hadapan, pihak kementerian berhati-hati dalam perkara kenaikan tarif ini. Kita akan mengambil satu keputusan selain daripada dapat membiayai kos pengeluaran elektrik di negeri Sabah, saya memberikan jaminan kepada Dewan yang mulia ini, kepentingan rakyat di negeri Sabah akan dibela dalam perkara ini.

Yang Berhormat dari Libaran dan Sandakan juga telah mengemukakan tentang kebajikan para pekerja yang sekarang bekerja dengan pihak LLS, mereka telah pun diberikan dua option, sama ada bersara ataupun meneruskan perkhidmatan mereka dengan konsortium selepas penswastaaan, memang perkara ini telah diberi perhatian oleh pihak kerajaan.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Libaran pula bangun, Yang Berhormat.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan Timbalan Menteri, saya mohon penjelasan.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Abang adik.

Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman: saya mohon penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat memaklumkan tadi bahawa subsidi yang diperuntukkan untuk rakyat Sabah ialah 4 sen dengan tarif, jadi bagaimana dengan di Persekutuan ini berapa persenkah subsidi yang diperuntukkan untuk warga kota dan juga negeri-negeri lain? Cuma saya belum merasa begitu yakin tentang konsortium ini kerana konsortium ini lebih berminat untuk menaikkan tarif. Jadi, salah satu masalah yang timbul ialah disebabkan mereka ini berminat untuk menaikkan tarif itu sebelum mereka ingin meneruskan projek tersebut. Oleh itu, apakah tindakan kementerian sekiranya mereka ini masih juga insist untuk menaikkan tarif ini. Adakah kementerian akan membatalkan konsortium ini dan membuka peluang baru kepada konsortium yang lain, yang betul-betul mempunyai sikap social responsibility?

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Pengerusi, keadaan di Semenanjung dan juga di negeri Sarawak dalam perkara bekalan elektrik ini, memang tidak ada subsidi, elemen subsidi tidak wujud dalam sistem Semenanjung dan Sarawak, cuma di negeri Sabah sahaja setakat ini.

Dalam hal penswastan LLS, apa yang penting dan apa yang harus kita utamakan ialah bagaimana kita dapat mempertingkatkan mutu bekalan kepada seluruh negeri Sabah, ini merupakan satu keutamaan pihak kerajaan semasa kita menjalankan proses penswastan ini.

Saya hendak memberikan jaminan sekali lagi bahawa dalam perkara tarif ini, kepentingan rakyat Sabah akan diambil kira. Ini merupakan satu jaminan dari Kerajaan Barisan Nasional yang bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi,.....

Tuan M. Kulasegaran: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, Teluk Intan bangun. Hendak beri jalan atau tidak?

Dato' Chan Kong Choy: Tidak ada.

Tuan M. Kulasegaran: Tidak beri jalan?

Dato' Chan Kong Choy: Tidak ada.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Dato' Chan Kong Choy: Minta maaf.

Tuan M. Kulasegaran: Itu yang saya hairan.

Seorang Ahli: Elek! Elek!

Tuan M. Kulasegaran: Libaran dia.....

Seorang Ahli: Ini kawanlah.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Itu hak dia, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Ini tidak ada standard. Saya tahu dia ada hak.

Seorang Ahli: *[Mengejek dalam bahasa Tamil]* Tambi elek.

Tuan M. Kulasegaran: Saya hendak beritahu, tidak ada standard. This is very wrong. Saya kurang faham. Saya sudah enam bulan berada di Dewan ini....

Seorang Ahli: Ini kawan, tidak fahamkah. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia tidak mahu beri, Yang Berhormat. Ya, sila teruskan.

Tuan Noh bin Omar: Teluk Intan, dia Sabahlah! *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ya, sila duduk.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Pengerusi.....

Tuan Noh bin Omar: *[Menyampuk]*

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Yan

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Jangan kacau ini.

Dato' Chan Kong Choy: mengenai kemajuan pelaksanaan common trenching dan cadangan supaya sewa bulanan telefon bimbit dikurangkan, memandangkan penggunaannya yang berkurangan. Pihak kerajaan memang telah setuju tentang dasar mengadakan common trenching ini khususnya di kawasan-kawasan kediaman ataupun kawasan perindustrian yang baru. Setakat ini pihak kementerian telah dan sedang berunding dengan semua kerajaan negeri dan satu garis panduan (frame work) telah pun disediakan. Keberkesanan perkara ini akan mengambil masa, tetapi adalah diharapkan kelemahan terhadap cara-cara menggali, mengorek ini dan menanam kabel akan dapat diatasi.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Mengenai sewa bulanan telefon bimbit, perkara ini saya telah pun kerap kali jawab dalam Dewan yang mulia ini, iaitu pihak kementerian telah menetapkan satu sewa bulanan mengikut 'capping' iaitu RM60 sebulan. Pengusaha tidak dibenarkan untuk menaikkan lebih daripada ini, tetapi kalau sekiranya mereka hendak menurunkan sewa bulanan kurang daripada RM60 mereka boleh dan digalakkan supaya berbuat demikian.

Yang Berhormat dari Mersing.....

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Penjelasan.

Tuan Pengerusi: Minta penjelasan, hendak beri atau tidak?

Dato' Chan Kong Choy: Tidak.

Tuan M. Kulasegaran: [*Menyampuk*]

Dato' Chan Kong Choy: Yang Berhormat dari Mersing.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Teluk Intan tolong mengikut Peraturan Mesyuarat.

Dato' Chan Kong Choy: Membangkitkan mengenai perkhidmatan telephone line...

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat tidak ada hak hendak minta penjelasan.

Tuan M. Kulasegaran: Saya setuju.

Tuan Pengerusi: Kalau setuju sudahlah. [*Ketawa*]

Tuan M. Kulasegaran: Setuju dengan syarat, Tuan Pengerusi kerana saya.....

Dato' Chan Kong Choy: Mana ada syarat.

Tuan M. Kulasegaran: kerana sekalipun tidak beri.

Tuan Pengerusi: Sudahlah, ikut suka dialah yang itu. Itu kuasa dia.

Tuan M. Kulasegaran: Saya tahu Tuan Pengerusi, sekali pun tidak beri macam mana.

Tuan Pengerusi: Ya, hendak buat macam mana, dia tidak beri.

Tuan M. Kulasegaran: Jadi, adakah dia takutkah.....

Tuan Pengerusi: Sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Takut!

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila teruskan.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Mersing telah membangkitkan mengenai perkhidmatan telefon di tempat pelancongan dan telefon awam disediakan yang menggunakan duit syiling dan kad. Beliau juga membangkitkan tentang kesukaran mengenai penyataan pegawai Telekom Malaysia hadir dalam Mesyuarat Tindakan Daerah kerana sekarang ini hanya juruteknik sahaja yang hadir dan tidak dapat memberi keputusan yang cepat. Dalam perkara ini kementerian akan mengambil tindakan sewajarnya dan akan menasihatkan Telekom Malaysia, pegawai Telekom Malaysia pun ada dalam Dewan ini supaya memberikan perhatian yang serius kepada apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Mersing. Saya juga akan menasihatkan kepada Telekom Malaysia, seberapa boleh menghantar pengurus dari pentadbiran daerah supaya dapat menghadiri Mesyuarat Pembangunan di daerah Kluang ini.

Tuan Pengerusi, beberapa orang Ahli Yang Berhormat juga telah membangkitkan berbagai masalah yang ada kaitan dengan mutu perkhidmatan bekalan elektrik, perkhidmatan telefon.

Tuan Noh bin Omar: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Noh bin Omar: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh bekalan elektrik luar bandar. Saya hendak mendapat penjelasan kerana pada hari ini, telefon ini sama pentingnya dengan elektrik di luar bandar. Jadi, bila kita melihat di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar ia ada peruntukan sebanyak RM1.3 bilion bekalan elektrik luar bandar. Oleh itu, saya ingin mendapat penjelasan, adakah kementerian bercadang untuk menyediakan peruntukan khas bagi membantu pemasangan telefon di luar bandar, sebagaimana elektrik yang kita faham, kalau peruntukan RM1 juta untuk pemasangan elektrik di luar bandar kementerian memberi RM500,000 dan TNB pula akan mengeluarkan RM500,000. Tetapi hari ini kita tengok Telekom tidak membuat sedemikian rupa, jadi adakah kementerian bercadang untuk memberi bantuan kepada Telekom untuk memasang talian di luar bandar?

Dato' Chan Kong Choy: Pihak kementerian memang tidak ada peruntukan seperti yang diperuntukkan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk melaksanakan projek-projek bekalan elektrik ke luar bandar. Tetapi lesen-lesen yang dikeluarkan kepada syarikat-syarikat telefon, ada satu syarat iaitu mereka diwajibkan untuk menjalankan Universal Service Obligation (USO), di mana mereka diperlukan bukan sahaja memberikan atau

membekalkan perkhidmatan di kawasan bandar sahaja. Mereka juga dikehendaki dan diwajibkan untuk memberikan perkhidmatan di luar bandar dan setakat ini memang pihak kerajaan melalui kementerian saya sedang mengadakan perbincangan dengan syarikat-syarikat telefon yang berkenaan supaya kita dapat sama-sama mencari satu jalan bagaimana untuk membekalkan perkhidmatan telefon ke seluruh negara termasuk di luar bandar.

Tuan Pengerusi, beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang lain telah membangkitkan masalah-masalah yang ada kaitan dengan mutu perkhidmatan bekalan elektrik, perkhidmatan telefon dan pos di kawasan masing-masing yang tidak dapat saya memberikan jawapan satu demi satu kerana semuanya ini merupakan kes yang amat spesifik. Saya telah mengambil catitan dan saya harap pegawai-pegawai dari kementerian saya, dari syarikat-syarikat yang berkenaan juga mengambil catitan dan memberikan perhatian yang serius kepada apa yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat supaya tindakan susulan dapat dijalankan selepas ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM67,459,200 untuk Maksud B.49 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos jadi sebahagian Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM67,459,200 untuk Maksud B.49 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM55,628,100 untuk Maksud P.49 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1998 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM55,628,100 untuk Maksud P.49 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1998.

**Maksud B.50 [Jadual] -
Maksud P.50 [Anggaran Pembangunan, 1998] -**

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.50 dan Kepala Pembangunan P.50 di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan sekarang dibuka untuk dibahas. Ya, Tambun.

7.22 mlm.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di bawah Majlis Amanah Rakyat iaitu berkaitan dengan bangunan perniagaan.

Baru-baru ini Tuan Pengerusi, ada surat yang telah dihantar oleh Ibu Pejabat MARA melalui Pengarah Bahagian Pembangunan Infrastruktur Peniagaan MARA yang memberi notis menamatkan sewa lot ruang niaga. Antara isi kandungan surat tersebut adalah:

“Bahawa memutuskan iaitu semua penyewa yang telah lama menyewa ruang-ruang niaga MARA khasnya yang telah melebihi 10 tahun memberi jalan pada usahawan baru untuk sama-sama mendapat peluang menyewa bangunan tersebut.”

Tuan Pengerusi, saya dapati bahawa MARA memang mempunyai hak untuk mengeluarkan penyewa, tetapi saya nampak prinsipnya tidak betul. Biasanya kita mengeluarkan penyewa apabila mereka tidak membayar sewa. Kalau kita membuat kajian baik di Bandaraya Kuala Lumpur mahupun Ipoh, boleh dikatakan semua penyewa bangunan perniagaan, mereka berterusan begitu lama di dalam satu-satu kawasan, tidak diberi satu tempoh katakan 10 tahun untuk mereka keluar. Untuk memberi peluang kepada usahawan baru duduk di tempat tersebut adalah tidak betul dan kita tidak boleh memberi peluang kepada usahawan baru dengan membunuh usahawan yang lama. Sepatutnya kita mendirikan ruang niaga yang baru untuk usahawan-usahawan baru.

Saya dapati Tuan Pengerusi, bahawa kebanyakan mereka menyewa ruang niaga MARA adalah terdiri dari peniaga-peniaga kecil. Pendapatan mereka antara RM1,000 hingga RM3,000 sebulan. Mereka telah pun mengeluarkan perbelanjaan untuk membuat renovation terutama dari segi perniagaan restoran sekurang-kurangnya RM10,000 hingga RM20,000 telah dikeluarkan. Mereka tidak ada alternatif untuk berniaga dan mendapat tempat berniaga, apatah lagi mereka telah mempunyai pasaran di kawasan-kawasan tersebut. Saya berpendapat perkara seperti ini tidak patut dilakukan terutama dalam keadaan ekonomi sekarang yang tidak menentu. Cuba kita bayangkan jika surat ini kita yang terima, katalah Pengarah Bahagian Pembangunan Infrastruktur Perniagaan MARA yang menerima surat ini dengan pendapatan beliau sebanyak RM1,500 daripada perniagaan hendak membayar sewa rumah,

ada empat orang anak yang sedang bersekolah dan tidak ada tempat yang alternatif, bagaimanakah perasaan beliau. Jadi, saya minta kepada pihak Menteri mahupun Timbalan Menteri supaya dapat campur tangan supaya surat seperti ini dibatalkan.

Saya difahamkan surat ini telah dikeluarkan kepada semua penyewa MARA di seluruh negara kita. Saya berharap bahawa pihak kementerian hendaklah menjaga kepentingan orang bumiputera terutamanya orang Melayu dan mencari jalan untuk menolong mereka adalah dengan mengadakan ruang niaga yang baru.

Saya juga ingin memberi pandangan tentang ruang niaga milik MARA. Berdasarkan kepada penyata kewangan - saya membuat andaian, MARA memiliki ruang niaga lebih kurang RM700 juta dari segi nilai ruang niaga yang ada. Ini bermakna bahawa sebanyak RM700 juta wang MARA terbenam dalam bentuk bangunan niaga. Saya berpendapat bangunan ini sepatutnya boleh dijual kerana sekarang kita mempunyai peniaga-peniaga dan usahawan bumiputera yang berkemampuan untuk membeli ruang niaga tersebut.

Pertama, ia menguntungkan dari segi usahawan kerana mempunyai pemilikan ruang niaganya sendiri, mereka boleh menggunakan ruang niaga tersebut untuk membesarkan perniagaan.

Kedua, MARA boleh melepaskan dana sebanyak RM700 juta dan ini boleh dijadikan sebagai modal pusingan. Jikalau RM700 juta ini diambil dari segi nilai bersih, dibuat penilaian semula, sekurang-kurangnya ia meningkat kepada lebih 30%. Saya kita dari segi nilai semasanya tidak kurang daripada

RM1 bilion, bermakna MARA boleh melepaskan wang sebanyak RM1 bilion, menjadikan modal pusingan untuk membina ruang niaga baru, kalau kita andaikan satu ruang niaga dua tingkat berharga RM100,000 untuk dibangunkan dengan sebanyak RM1 bilion MARA boleh mendirikan sebanyak 10,000 unit rumah kedai dua tingkat. Kalau ia mengambil masa sebanyak 18 bulan untuk siap, bermakna dalam tempoh tiga tahun MARA boleh mendirikan sebanyak 20,000 rumah kedai dua tingkat. Antara masalah yang mungkin MARA fikirkan, jikalau jual pihak MARA takut ruang niaga ini berpindah kepada bukan bumiputera. Kita boleh menggunakan konsep sebagaimana tanah rizab Melayu di mana di atas geran atau hak milik diadakan syarat supaya ia tidak boleh ditukarkan kepada bukan bumiputera. Sepertimana yang saya katakan tadi sekarang terdapat ramai usahawan Melayu yang mampu untuk membeli ruang niaga tersebut.

Saya juga ingin menyentuh tentang Giat MARA. Sekurang-kurangnya pada satu tahun antara 20,000 hingga 30,000 orang pelajar-pelajar kita yang tidak dapat memasuki tingkatan empat kerana lemah dari segi akademik. Tetapi orang-orang ini mempunyai kebolehan dari segi kemahiran.

Dalam dunia sekarang yang memerlukan kepada pengwujudan knowledge workers, sebanyak 20,000 hingga 30,000 orang ini merupakan satu force yang begitu besar dan mereka ini sebahagian besarnya terus bekerja di kilang. Saya berpendapat elok mereka diberi latihan-latihan kemahiran.

Saya bersetuju dengan Giat MARA ini diberi perhatian yang besar untuk melatih mereka dan saya dapati kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh Giat

MARA. Saya ingin memberi cadangan supaya program Giat MARA ini diberi prioriti oleh pihak MARA.

Pertama dengan mengadakan peruntukan yang mencukupi.

Kedua, mengadakan kampus yang tetap, kerana sekarang difahamkan bahawa pihak Giat MARA meminjam bangunan-bangunan lama daripada kerajaan-kerajaan negeri dan bangunan-bangunan ini biasanya diberi peluang kepada Giat MARA untuk digunakan dalam tempoh waktu yang begitu singkat. Apabila kerajaan hendak menggunakan bangunan tersebut Giat MARA terpaksa keluar daripada situ.

Ketiga, supaya latihan kemahiran ini ditingkatkan. Kalau sekarang enam bulan dengan kursus asas secara penggunaan peralatan dan sebagainya, ditingkatkan kepada kemahiran yang lebih tinggi daripada Giat MARA ditubuhkan seperti Giat Institute of Technology dengan mengeluarkan sijil yang lebih advance, diploma dan seterusnya kepada peringkat-peringkat yang lebih tinggi lagi.

Keempat, Tuan Pengerusi dan akhirnya ialah tentang kakitangan MARA. Saya ingin menyatakan kepada Timbalan Menteri dalam satu taklimat kepada Jawatankuasa Pembangunan Daerah lebih kurang dua bulan lalu, Pegawai MARA Daerah telah memberi taklimat dan beliau menjadi laughing stock kepada semua jawatankuasa yang hadir lebih kurang ada 50 orang, kerana tahap kemampuan pegawai tersebut begitu rendah sekali. Saya cuba membayangkan seorang pegawai yang tidak mempunyai ilmu dan pengetahuan yang tinggi sebagai pegawai MARA peringkat daerah hendak

melatih usahawan-usahawan berjaya. Saya tidak nampak bagaimana beliau boleh berupaya untuk membuat sedemikian.

Saya berpendapat dengan perkembangan dunia yang begitu pesat, tahap ilmu pengetahuan serta kemahiran pegawai-pegawai juga perlu ditingkatkan. Saya juga berpendapat pihak MARA juga perlu memberi latihan kepada pegawai-pegawai bukan sahaja dari segi soal ilmu pengetahuan dan kemahiran, malahan dari segi budaya kerja.

Tuan Pengerusi, kalau saya pergi ke jabatan-jabatan kerajaan, apatah lagi MARA berkaitan dengan bidang keusahawanan, bidang korporat. Kita bandingkan MARA dengan badan-badan yang lain, yang terlibat dalam bidang-bidang korporat. Kita pergi pukul 10.00 pagi katakan, kita dapati pegawai-pegawai pergi minum. Cuba kita bayangkan kalau kita pergi ke bank, kita pergi ke finance company, kita pergi ke kredit kompeni, kita tidak nampak mereka pergi minum pada waktu pukul 10.00 pagi. Dalam pengalaman saya, setelah saya berhenti daripada bank, saya masuk ke agensi kerajaan, saya dapati perkara yang sama berlaku, kemudian saya bawa kakitangan saya berpindah kepada premis yang baru dan memperkenalkan sistem kita tidak boleh minum pada pukul 10.00 pagi dan berjaya melahirkan individu yang mempunyai budaya kerja, yang tidak minum pada pukul 10.00 pagi.

Saya berpendapat elok pihak MARA menghantar kakitangannya kepada institusi lain, yang mempunyai budaya yang lain daripada mengadakan latihan in-house bersama-sama dengan kakitangan yang mengamalkan budaya yang sama dihantar kepada badan-badan lain seperti pergi Guthrie, pergi ke Bank of

America, City Bank dan sebagainya dihantar mereka berlatih di situ dalam satu tahun hingga dua tahun dan apabila mereka kembali, mereka akan membawa budaya yang lain, yang berbeza dengan budaya yang ada di dalam badan tersebut. Kalau berterusan dalam suasana dan budaya itu, saya tidak percaya kita dapat melahirkan budaya yang dualisme, satu yang agak lembab dan satu lagi yang dinamik. Saya tidak percaya itu akan berlaku. Saya berharap bahawa pihak MARA akan memberi perhatian serius kepada perkara ini, kerana peranan MARA begitu besar dalam membangunkan kedudukan masyarakat bumiputera baik dari segi pendidikan mahupun dari segi keusahawanan. Dari segi pendidikan saya tidak bimbang kerana kita ada institusi-institusi, kita letakkan program, kita cari guru yang baik dan kita boleh melahirkan pelajar-pelajar yang baik. Tetapi dalam bidang keusahawanan amat rumit sekali hendak mencari seorang usahawan bumiputera yang berjaya sepertimana kata Timbalan Menteri dalam akhbar beberapa bulan yang lalu, kita lahirkan seorang bumiputera, tetapi bukan bumiputera lahirkan 20, dengan suasana yang ada, saya ingat hendak lahirkan seorang pun begitu susah sekali.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Jelebu.

7.35 mlm.

Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]: Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyatakan sokongan kepada perkara mengenai dengan Kementerian Pembangunan Usahawan, Maksud B.50 dan juga Maksud P.50.

Saya suka menyentuh Maksud 020000 - Pelesenan dan Program 020100 - Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan Semenanjung. Kita mengucapkan tahniah kepada LPKP di atas pencapaian dan pengemaskinian kerja-kerja urusan berkaitan dengan LPKP, permit dan sebagainya. Kita juga diberitahu bahawa LPKP pun telah berpindah di kompleks yang baru dan tentunya perkhidmatan kepada orang kampung, perkhidmatan kepada pihak-pihak yang berkenaan akan bertambah baik. Saya percaya setiausahanya pun akan berpindah tidak lama lagi dan kita yakinlah bahawa kemampuan LPKP akan terus memainkan peranan bagi memberikan perkhidmatan kepada masyarakat ataupun pihak yang memerlukan.

Tuan Pengerusi, seperkara yang perlu dilihat oleh pihak LPKP ialah mengenai dengan pemerosesan permit dan permohonan yang dikemukakan kepada pihak LPKP. Mungkin di dalam keadaan sekarang pejabat sedang dalam proses pemindahan, penyusunan rekod dan sebagainya. Jadi kita mengharapkan supaya urusan bagi pemerosesan permohonan ini dapat diteruskan dengan secepat mungkin dan kita berharap ianya akan dapat dimaklumkan kepada pemohon akan kedudukan permohonan mereka. Maklum sahajalah pemerosesan sekarang ini telah pun dikutip bayarannya, tetapi kadang-kadang berbulan-bulan tidak mendapat jawapan. Jadi kadang-kadang wakil rakyatlah yang menjadi sasarannya untuk dimajukan permohonan ini. Namun yang demikian, saya juga merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana menerima beberapa permohonan yang telah saya kemukakan untuk dilihat semula.

Saya berharap perkara-perkara yang dipanjangkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri akan dapat dibantu oleh pegawai-pegawai yang berkenaan supaya permohonan ini dapat penghujungnya atau keputusannya.

Selain daripada itu mengenai dengan permohonan-permohonan dan kelulusan permit-permit yang telah pun dibuat. Saya ingin bertanya terutamanya kepada syarikat-syarikat besar yang telah pun diluluskan permit kereta sewa, teksi, kereta sewa pandu sendiri, bas persiaran, bas ekspres dan sebagainya. Apakah terdapat pihak-pihak ataupun syarikat-syarikat yang telah diluluskan permohonan perमितnya oleh pihak kementerian, oleh pihak LPKP, yang tidak melesenkan kenderaan mereka dalam tempoh 6 bulan atau setahun yang lalu, kalau perkara sebegini berlaku apakah sebab dan faktornya, sama ada oleh kerana kelalaian pemohon ataupun pemilik permit berkenaan ataupun masalah-masalah untuk mendapatkan kenderaan daripada luar negara ataupun masalah kerenah birokrasi yang dilakukan di dalam pihak LPKP. Perkara ini dapat dilihat Tuan Pengerusi, kerana banyak syarikat yang memperolehi permit ini, yang diberikan secara berkelompok, yang tidak menghabiskan permit mereka untuk dilesenkan. Minta extend 6 bulan, selepas itu kementerian beri, LPKP beri hendak juga lagi 6 bulan. Jadi, apa kesudahannya dan saya juga ingin tahu, adakah syarikat yang sedemikian, yang lalai di dalam tanggungjawabnya dibatalkan pemberian permit yang sedemikian ini.

Yang kedua, Tuan Pengerusi mengenai dengan penguatkuasaan LPKP. Saya mengucapkan tahniah kerana LPKP telah berjaya mewujudkan unit penguatkuasaan yang tersendiri dan kita berharap segala tindakan-tindakan

mengenai dengan syor yang dikemukakan oleh JPJ. Bahagian Penguatkuasaan mahupun oleh Unit Penguatkuasaan LPKP sendiri akan dapat diambil tindakan yang sebaik-baiknya dan kemungkinan jika ada berlaku kesilapan sama ada tindakan-tindakan saman dan kompaun telah pun selesai, mungkin ianya juga dikemukakan oleh pihak JPJ untuk tindakan LPKP. Saya berharap perkara ini akan dapat diseliai dengan lebih baik supaya pihak yang berkenaan tidak menjadi mangsa. Kemungkinan kes itu telah diselesaikan di peringkat JPJ, maka mungkin tidak lagi akan diambil tindakan oleh pihak LPKP sama ada untuk menggantung atau membatalkan dan sebagainya permit ataupun PSV mereka yang berkenaan.

Jadi, maklumlah pemandu-pemandu teksi sama ada kenderaan KPA yang lain adalah merupakan pihak yang kadang-kadang menyewa teksi dan kereta sewa ataupun makan gaji dengan pihak syarikat bas. Kita harus mempertimbangkan kadang-kadang kesalahan yang diadukan itu tidaklah begitu besar. Kadang-kadang ada sifat penganiayaan ataupun sifat dengki daripada pihak yang berkenaan. Jadi, untuk kita menyiasat secara detail amatlah sukar seseorang itu dibuktikan kesalahannya.

Jadi, saya berharap mana-mana yang dikemukakan oleh wakil-wakil rakyat untuk tindakan dan perhatian Timbalan Menteri ataupun Menteri dapatlah dipertimbangkan. Kerana mereka ini adalah merupakan pihak yang mencari rezeki atau mencari makan. Kadang-kadang kesilapan itu tidak seberapa tetapi syarikat yang memberikan kenderaan berkenaan terpaksa meminta mereka membayar RM20,000 atau RM30,000 sebagai ganti rugi

kepada permit dan juga kenderaan yang diberikan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Jadi, saya merayu dalam keadaan ini haruslah dilihat dengan lebih rasional dan lebih matang lagi sesuatu tindakan ataupun aduan yang dikemukakan kepada LPKP ataupun pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan Butiran 00101 - Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan. Saya ingin bertanya di dalam laporan ini tidak terdapat peruntukan bagi tahun 1998 kepada PKN, Negeri Sembilan. Saya ingin bertanya kenapakah perkara ini berlaku. Saya berharap pihak kementerian akan mempertimbangkan sekiranya terdapat permohonan-permohonan yang dikemukakan kepada pihak kementerian daripada Perbadanan Kemajuan Negeri Negeri Sembilan. Saya difahamkan masih banyak lagi program yang akan dilaksanakan sama ada membangunkan kawasan-kawasan perindustrian ataupun kawasan-kawasan perumahan yang dimiliki oleh PKN Negeri Sembilan ini.

Saya berharap juga kementerian akan mengawal selia Perbadanan Kemajuan Negeri, Negeri Sembilan ini kerana objektif yang utama haruslah dicapai dengan baik di mana Perbadanan Kemajuan Negeri Negeri Sembilan ini juga harus bertanggungjawab untuk membangunkan kawasan-kawasan perumahan terutamanya kawasan-kawasan perumahan kos rendah di kawasan-kawasan di Negeri Sembilan. Jadi, kita berharap program ini akan dapat diteruskan dan kementerian akan dapat melihat permasalahan yang berlaku sama ada mereka bertindak secara proaktif atau sebaliknya. Kerana saya difahamkan banyak masalah yang berlaku di dalam Perbadanan Kemajuan

Negeri, Negeri Sembilan yang terlepas pandang oleh pihak kementerian dan ianya berlarutan sehinggalah hari ini.

Selain daripada itu, Butiran 00611 - Program Giat MARA. Saya bagi pihak rakyat Jelevu berharap dengan kelulusan satu tapak seluas 10 ekar kepada Giat MARA yang beroperasi di Jelevu sekarang ini dari bangunan lama ke bangunan yang baru yang dahulu diperuntukkan kepada Pusat Latihan Lanjutan Dadah di Jelevu, Negeri Sembilan sekarang diserahkan kepada pihak Giat MARA. Kita berharap Giat MARA akan dapat memindahkan operasinya ke bangunan yang baru dan kita mahu supaya Giat MARA akan benar-benar dapat berfungsi sepenuhnya kepada masyarakat terutamanya golongan belia yang ada di kawasan Parlimen Jelevu. Kita berharap juga bangunan yang baru ini akan dapat diseliai dengan lebih baik dan lebih menguntungkan kepada mereka, kerana ini adalah merupakan sumbangan daripada pihak kerajaan negeri yang diperuntukkan kepada pihak MARA bagi membolehkan bangunan Giat MARA yang baru itu dapat beroperasi dengan sepenuhnya.

Yang ketiganya, Butiran 00614 - Bangunan Perniagaan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa yang sudah cukup.

Tuan Yunus bin Rahmat: Sedikit lagi, Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Yunus bin Rahmat:...mengenai dengan bangunan-bangunan perniagaan MARA. Kita juga berharap supaya MARA akan melihat peluang-peluang untuk mendirikan bangunan-bangunan ataupun gerai-gerai mereka di kawasan-kawasan FELDA. Kerana FELDA kita difahamkan ramai di kalangan

peneroka-peneroka ataupun peserta-peserta di tanah FELCRA itu boleh berniaga. Kalau kita katakan pendapatan mereka adalah merupakan pendapatan yang agak baik sekiranya terdapat peluang-peluang perniagaan ataupun gerai-gerai MARA yang dibuat di kawasan FELDA ini, maka mereka akan diberikan keutamaan untuk membolehkan mereka berniaga dan memusingkan pendapatan yang mereka perolehi itu ataupun rakan-rakan yang lain di dalam kawasan mereka sendiri. Kita berharap juga MARA akan melihat perkara ini bersama dengan kementerian supaya pihak FELDA akan dimaklumkan dalam usaha-usaha untuk membantu masyarakat di kawasan luar bandar. Sekian, Tuan Pengerusi, saya menyokong.

7.47 mlm.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]: Tuan Pengerusi, Butiran 060000 - Majlis Amanah Rakyat (MARA). Kejatuhan nilai mata wang memang cukup membebankan pelajar-pelajar kita di luar negara. Hari ini mata wang kita sudah US\$1.00 = RM3.60 dan RM6.00 sudah mencecah satu Pound. Pelajar-pelajar kita yang belajar secara persendirian begitu ramai di Kaherah, di Jordan dan juga di Arab Saudi. Ketiga-tiga negara ini melebihi barangkali di sekitar 3,000 orang secara persendirian. Jordan pula mengumumkan menaikkan yuran peperiksaan empat kali ganda. Menteri Pembangunan Usahawan telah pun menyebut bahawa pinjaman MARA dikeluarkan seperti biasa.

Saya sungguh-sungguh berharap supaya pihak kementerian mempertimbangkan kalau ada pelajar-pelajar kita sekarang yang memohon

bantuan daripada MARA sama ada biasiswa atau pinjaman kerana mereka menghadapi masalah yang cukup berat sekarang ini setelah nilai Ringgit kita jatuh begitu dahsyat. Hari ini nilai Ringgit kita RM100 = 45 Rial, hari ini RM100 jatuh ke 95 Rial. Jadi pelajar-pelajar kita yang duduk di situ yang belajar bersendirian sekarang menghadapi masalah dan di antara mereka sudah pun memulakan kutipan derma umum di masjid dan sebagainya untuk membiayai pengajian mereka.

Begitulah juga pelajar-pelajar kita di Jordan yang kenaikan yuran sehingga empat kali ganda yuran peperiksaan, mereka hendak memindahkan universiti, iaitu hendak ke Yaman untuk menyambung pelajaran, tetapi visa tidak dikeluarkan oleh pihak kementerian kita di Jordan. Kita anggap masalah ini satu masalah yang cukup serius sekarang terutama di tiga buah negara tersebut, dan mungkin lain-lain negara. Harap pihak kerajaan khususnya MARA memberi bantuan kalau mereka memohon, dan ada yang sedang memohon memberi bantuan pinjaman atau biasiswa kepada mereka yang kita lihat cukup-cukup parah menghadapi masalah penurunan nilai mata wang yang mereka selalu pergi di atas kemampuan yang ada dahulu iaitu RM2.50 = US\$1.00, sekarang ini keadaan yang cukup dahsyat penurunan nilai mata wang kita. Jadi, ini perkara yang paling penting yang saya hendak sampaikan pada hari ini.

Butiran 050000 - Pembangunan Usahawan. MARA membimbing mereka hanya dalam bentuk memberi modal ataupun memberi semangat kepada mereka, terutama semangat patriotik. Hari ini Perdana Menteri bercakap, bahkan berkali-kali di minggu ini soal ada di antara termasuk usahawan

bumiputera yang tidak patriotik, iaitu mereka terlibat bersama dengan Soros mengeluarkan wang kita untuk menukarkan dengan Dollar dan menyelamatkan kedudukan mereka tetapi memusnahkan ekonomi. Nama-nama mereka barangkali ada disebut dalam Perhimpunan Agung UMNO, dipuji-puji usahawan ini. Mungkin lahir daripada pinjaman MARA yang dahulunya, lahir daripada bimbingan MARA tetapi semangat patriotik tidak ada pada mereka.

Saya harap MARA di samping membekalkan modal dalam siri, saya lihat di sini di antaranya latihan dan juga memberi semangat patriotik. Sebab kita lihat sekarang ini bila ekonomi baik, semangat patriotik dipuji mereka yang kebanyakan menyokong Barisan Nasional. Tetapi bila ekonomi jatuh barulah tahu, kamilah sebenarnya yang patriotik, iaitu tidak melancong ke luar negeri dan beli barang-barang tempatan. Teguran Perdana Menteri ini serius, sebab di antaranya bumiputera yang mendapat, yang dahulunya dibimbing oleh MARA, yang dibimbing oleh kerajaan, tetapi sekarang misalnya mengeluarkan wang ratusan juta untuk bersama-sama mempertahankan kedudukan mereka dan mencapai keuntungan di saat negara yang begitu genting sekarang ini. Saya harap bahagian Pembangunan Usahawan di samping hendak beri bantuan kepada mereka juga hendaklah diberi dahulu brain-wash, iaitu cuci otak mereka. Mereka mesti bersemangat patriotik, iaitu mengutamakan kepentingan Malaysia, kepentingan awam daripada menyelamatkan kedudukan mereka. Jadi, itulah sahaja, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Serdang.

7.51 mlm.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, saya menyebut Butiran 00611 - Program Giat MARA. Saya difahamkan bahawa kementerian melalui MARA akan mewujudkan Pusat Giat MARA di setiap kawasan Parlimen untuk memberi peluang kepada penduduk-penduduk kampung tradisi menyertai dalam program tersebut, tetapi kawasan Parlimen Serdang telah dikecualikan. Saya bersama-sama Yang Berhormat ADUN kawasan Puchong merangkap Ketua UMNO Bahagian Serdang telah mengemukakan cadangan dan pandangan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Daerah Petaling di mana memberi pandangan supaya pegawai MARA yang bersama hadir dalam mesyuarat tersebut dapat mencatat apa sebab, kenapa pihak saya dengan rakan saya ADUN kawasan Puchong ini mengemukakan cadangan ini supaya kawasan Parlimen Serdang dapat wujud Giat MARA.

Tuan Pengerusi, di kawasan Puchong mempunyai lapan kampung tradisi dan enam kampung tradisi di Sungai Ramal. Kampung tradisi bukan kecil, tetapi besar meliputi beribu rakyat tempatan. Jadi, Yang Berhormat ADUN kawasan saya minta saya sebagai Wakil Rakyat Parlimen maklumkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri supaya peruntukan sebanyak RM16 juta diuntukkan pada tahun hadapan dapat beri peluang kepada kawasan Parlimen Serdang. Kerana peluang ini tidak dikecualikan supaya mereka juga dapat menikmati program Giat MARA ini.

Jadi, Tuan Pengerusi, saya terpaksa memaklumkan ke Dewan ini supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri akan mencatat dan berilah satu keputusan

yang sewajarnya di mana rakyat jelata di kampung tradisi di kawasan Puchong dapat menikmati program tersebut.

Tuan Pengerusi, saya juga menyebut Butiran 00100 - Perbadanan Kemajuan Negeri dan juga Butiran 00101 - Semenanjung Malaysia. Saya kira negeri Johor, Kedah, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang, Terengganu, Wilayah Persekutuan telah mengambil kira di mana beri peruntukan pada tahun secara langsung atau pinjaman kepada Perbadanan Kemajuan Negeri, kecuali Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS). Tidak ada langsung disebut dalam Budget ini bagi Negeri Selangor. Adakah pihak pengurusan PKNS tidak mengemukakan permohonan peruntukan dalam tahun hadapan secara langsung atau permohonan pinjaman, apa sebabnya? Adakah pihak kementerian menganggap pihak PKNS cukup kaya, tidak payah buat pinjaman. Sebab saya sebagai anak Selangor menganggap serius dan menganggap penting di mana pembangunan atau kemajuan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor hendaklah diberi kedudukan yang sama dengan negeri-negeri yang lain. Kalau kementerian hanya mengecualikan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor sahaja dan lain-lain negeri dapat faedah melalui kementerian itu, mungkin dianggap sebagai menganaktirikan kepada negeri Selangor. Jadi, saya harap dan saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri jangan anggap bahawa Kerajaan Negeri Selangor sangat kaya. Tetapi banyak lagi kawasan hendak dimajukan perlu mendapat peruntukan daripada Kerajaan Pusat. Dengan itu, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi, yang akhir sekali saya menyentuh dengan Butiran 020000 - Pelesenan. Di kawasan Puchong sedang giat membangun dengan adanya lebih 30 taman perumahan telah wujud dari beberapa tahun hingga sekarang. Lesen yang diberi kepada perkhidmatan bas ialah Syarikat Park May untuk menjalankan perkhidmatan bas untuk orang ramai. Tetapi hanya melalui Jalan Puchong sahaja. Ia tidak masuk ke taman-taman perumahan. Walaupun dekat tidak ada peluang untuk dapat masuk perkhidmatan bas. Saya bertanya kepada Syarikat Bas Park May apa sebab. Syarikat tersebut kata tidak viable. Itulah sebab tidak mahu memohon lesen perkhidmatan bas ke taman-taman tersebut.

Tuan Pengerusi, oleh kerana kawasan Puchong dianggarkan dalam tahun 2000 akan sampai 400,000 penduduk. Jadi, dengan tidak ada perkhidmatan bas secara langsung melalui antara taman dengan taman atau ke Kuala Lumpur, maka akan menjadi masalah besar kepada orang ramai yang tidak ada kenderaan. Jadi, saya minta pihak kementerian mungkin menimbangkan cara mana untuk mengatasi lesen perkhidmatan bas di kawasan tersebut. Saya dengan Yang Berhormat ADUN kawasan Puchong telah berbincang masalah sosial ini dan juga saya dapat maklumat bahawa Yang Berhormat ADUN kawasan Puchong telah mengemukakan cadangan mewujudkan sistem lalu lintas atau perkhidmatan bas tempatan kepada Majlis Perbandaran Subang Jaya. Diharap pihak Majlis Perbandaran Subang Jaya akan dapat mengemukakan cadangan kepada pihak kementerian untuk menimbangkan bagaimana cara untuk wujudnya sistem lalu lintas atau perkhidmatan bas antara taman-taman

supaya memberi kemudahan kepada orang ramai untuk melawat saudara mara yang tinggal dalam taman itu yang tidak jauh dari situ. Tanpa perkhidmatan bas penduduk-penduduk di kawasan Puchong memang menghadapi masalah besar. Pada waktu ini perkhidmatan bas Syarikat Park May itu memang tidak cukup kenderaan yang melalui Jalan Puchong, di mana mass media sentiasa dapat terima sungutan orang ramai. Mungkin pegawai-pegawai dari kementerian pun terima surat rayuan atau sungutan dari penduduk kawasan Puchong.

*[Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Jadi, Tuan Pengerusi, saya harap kementerian akan mengkaji selepas terima cadangan atau pandangan daripada Majlis Perbandaran Subang Jaya untuk mewujudkan sistem perkhidmatan bas di kawasan dalaman di kawasan Puchong. Seperti kawasan Balakong, lebih 40 projek perumahan telah wujud di kawasan tersebut. Tetapi kawasan tersebut tidak ada perkhidmatan kenderaan bas antara taman dengan taman. Jadi satu masalah besar harian untuk penduduk tersebut. Yang Berhormat ADUN kawasan Balakong telah mengemukakan cadangan kepada Majlis Perbandaran Kajang supaya melalui pihak berkuasa tempatan dapat mengemukakan cadangan kepada kementerian juga. Jadi, saya harap kementerian akan menimbangkan cara mana untuk mengatasi masalah tersebut. Ini bergantung kepada pengeluaran lesen ataupun permit kepada kenderaan atau syarikat bas tersebut.

Tuan Pengerusi, kalaulah syarikat bas ini yang berkhidmat di kawasan Puchong atau di Balakong enggan menerima dan berbuat demikian atau enggan membuat permohonan dapat lesen untuk memberi perkhidmatan bas kepada taman tersebut, maka saya harap kementerian dapat mengkaji dan boleh memberi peluang kepada orang-orang tempatan terutama sekali masyarakat Melayu dan Cina supaya wujudkan syarikat bersama, joint venture untuk mendapat lesen menjalankan perkhidmatan bas tempatan. Ini mungkin satu cara untuk mengatasi masalah tersebut.

Tuan Pengerusi, saya hanya memberi pandangan dan minta penjelasan apa yang disebutkan tadi itu supaya dapat maklumat lebih lanjut daripada kementerian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Mersing.

8.01 mlm.

Tuan Zainal Abidin bin Osman [Mersing]: Terima kasih, Tuan Pengerusi, kerana memberikan saya kesempatan untuk turut serta dalam membahaskan Kementerian Pembangunan Usahawan. Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B.50, Butiran 020400 - Pusat Khidmat Kontraktor. Saya mengucapkan tahniah khususnya pegawai-pegawai kementerian yang telah dapat menjalankan tugas dengan baik sekali. Namun demikian, saya ingin memberi sedikit pandangan berkenaan dengan pengeluaran lesen kontraktor kelas F ini.

Tuan Pengerusi, saya lihat lesen Kelas F ini terlalu banyak. Kalau di tempat saya beratus-ratus lesen, hampir begitu ramai sekali yang mempunyai

lesen. Jadi, pada saya bukan lesen itu yang penting, tetapi yang penting ialah kualiti kerja yang dipersembahkan oleh kontraktor-kontraktor ini. Jadi, saya harap pihak kerajaan lebih yakin dalam hal ini. Yang lebih penting pada sekarang saya ingat terutama pada kontraktor....

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, nanti sekejap. Tanjong bangun.

Tuan Lim Kit Siang: Kekurangan kuorum.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kekurangan kuorum. Setiausaha tolong bilang. 17 orang, sila bunyikan loceng.

Loceng dibunyikan

[Ahli-ahli dikira: kurang daripada 26 Ahli hadir]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: 29 orang, cukup kuorum. Yang Berhormat dari Mersing.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Jadi, yang pentingnya saya kira dari segi kualitinya. Pada masa sekarang saya rasa pihak kementerian sepatutnya memberikan lebih perhatian bukan Kelas F, tetapi kelas yang lebih tinggi khususnya kepada kontraktor-kontraktor bumiputera.

Satu lagi saya hendak bangkitkan berkenaan dengan pengeluaran lesen.

[Yang Berhormat dari Tanjong bangun menuju dan duduk bersebelahan

Yang Berhormat dari Teluk Intan]

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, tertib.

Tuan Noh bin Omar: Dia mahu turun pangkat, dia duduk sana, jadi ketua kuorum sahaja.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tanjong Karang, jangan mencelah. Mersing tengah berucap.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Jadi, saya harap pihak kementerian akan lebih menumpukan kepada kelas-kelas yang lebih tinggi lagi. Satu lagi yang saya beritahu sebentar tadi berkenaan dengan proses permohonan untuk mendapat lesen. Saya harap kalau boleh dipendekkan, sebab ada permohonan-permohonan yang sampai sembilan bulan baru dapat lesen. Kerana ini pernah berlaku kepada saya satu ketika dahulu. Jadi, kalau ada masalah hendakkan maklumat, berikan sekali, mintakan sekali maklumat itu, jangan 'bereceh-receh', jangan sedikit demi sedikit. Jadi, ini tentulah memberi kesukaran kepada pemohon tersebut.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya ingin beralih kepada Butiran 050000 - Pembangunan Usahawan. Kita tidak nafikan peranan yang dimainkan oleh pihak kementerian. Tetapi saya tengok selain daripada kementerian banyak juga agensi-agensi lain yang terlibat dalam pembangunan usahawan khususnya usahawan bumiputera. Jadi, saya berharap pada masa-masa akan datang kalau boleh tindakan ini ataupun....

[Yang Berhormat dari Tanjong bangun dan keluar dari Dewan]

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Langkah yang diambil lebih bersepadu. Maknanya pihak kementerian akan menyelaraskan program-program yang berkaitan dengan dengan pembangunan usahawan dengan agensi-agensi lain yang terlibat dalam mencapai matlamat berkenaan.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya ingin balik kepada Butiran 060000 - MARA. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak MARA yang mendapat peruntukan yang begitu besar walaupun agak kurang sedikit pada tahun akan datang tahun 1998 tetapi masih lagi besar jumlah ini. Saya berharap apa juga masalah yang dihadapi oleh MARA akan dapat diselesaikan dengan baik. Malah saya ingin beri ingatan kepada pihak MARA, kita tidak mahu MARA menghadapi masalah seperti lima-enam tahun yang lalu, iaitu MARA menghadapi masalah kewangan. Jadi, dengan adanya peruntukan yang besar ini pihak MARA diminta menggunakannya dengan sebaik mungkin.

Saya juga beralih kepada Butiran 070000 - Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia. Saya mohon kepada pihak kementerian supaya kalau boleh mengambil pengusaha-pengusaha produk yang berasaskan mengkuang terutama di kawasan saya dijadikan mereka sebagai anak angkat. Mereka mempunyai kebolehan tetapi mungkin mereka menghadapi masalah dari segi kemahiran kewangan dan juga pemasaran. Di kawasan saya ada satu di FELCRA Sri Mahkota. Hasil yang mereka keluarkan saya kira kalau dapat latihan yang baik dapat diketengahkan. Jadi, saya harap khususnya pihak Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia mengambil mereka sebagai anak

angkat dan membantu mereka dalam apa juga perniagaan dan juga masalah yang mereka hadapi.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya ingin beralih kepada Maksud P.50, Butiran 00602 - Maktab Rendah Sains MARA. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak kementerian yang telah bersetuju untuk menempatkan sebuah Maktab Rendah Sains MARA di kawasan Parlimen saya. Inilah Tuan Pengerusi, julung-julung kalinya Mersing memperolehi sebuah institusi pendidikan selain daripada sekolah rendah dan sekolah menengah. Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada pihak kementerian.

Saya dan juga pihak pegawai MARA daerah dan juga pegawai Pejabat Tanah sedang berusaha untuk mengatasi apa jua masalah yang berkaitan dengan pengambilan tanah. Saya selalu bangkitkan perkara ini kepada pihak pegawai daerah di mesyuarat pembangunan daerah. Walau bagaimanapun, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian sekiranya masalah ini dapat diselesaikan dalam masa yang terdekat ini, adakah projek ini dapat dimulakan sekurang-kurangnya dalam masa Rancangan Malaysia Ketujuh ini, sekurang-kurangnya sebelum pilihan raya dapatlah satu projek untuk Mersing.

Seterusnya, saya beralih kepada Butiran 00611 - Program Giat MARA. Di Mersing kita memang ada satu Pusat Giat MARA, tetapi saya tengok perjalanannya tidaklah begitu memuaskan. Saya tidak tahu sangat kursus-kursus yang dijalankan. Tetapi saya rasa mungkin ianya banyak dari segi kursus-kursus automobile. Walau bagaimanapun, saya ingin mencadangkan supaya pihak MARA menggunakan sepenuhnya ruang yang ada di pusat

tersebut dan mengadakan kursus perdagangan, sebab Mersing sebuah daerah yang kecil agak terpencil dan terkebelakang kalau dibandingkan dengan daerah-daerah lain dalam negeri Johor, dan peluang untuk mendapatkan pendidikan khususnya dalam bidang perdagangan di peringkat asas, accounting dan sebagainya agak kurang. Jadi, dengan adanya Pusat Giat MARA ini sekurang-kurangnya anak-anak kita dari luar bandar dapat mengikuti kursus ini dan dapat mempertingkatkan tahap kemahiran mereka.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, saya ingin beralih kepada 00614. Perkara ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tambun dalam ucapan beliau. Ini berkenaan dengan bangunan perniagaan. Kalau peniaga-peniaga dalam kawasan Yang Berhormat dari Tambun terima surat, tempat saya juga terima surat, kalau tidak silap saya enam atau tujuh orang yang terima surat. Saya tahu seluruh Malaysia tetapi tempat saya tidak terkecuali, kalau tidak silap saya tujuh orang peniaga yang terpaksa mengosongkan premis perniagaan mereka selewat-lewatnya dalam bulan Oktober tahun depan, lebih kurang macam itu. Jadi, mereka telah datang kepada saya dan memohon bantuan. Minggu lepas pun mereka telefon saya bagaimana dengan perkara ini. Saya pernah membangkitkan perkara ini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam sesi Soal-Jawab.

Jadi, saya bukan kata tidak bersetuju dengan arahan dari pihak kementerian. Yang Berhormat dari Tambun kata tidak bersetuju, tetapi saya lembut sedikit. Apa yang saya maksudkan, kalaulah terpaksa dikeluarkan mereka tetapi saya berharap pihak MARA berikan bantuan kepada mereka.

Itulah pandangan saya. Kalau tidak boleh juga berilah bantuan untuk mendapatkan tempat perniagaan yang lain. Kerana saya faham dasar MARA adalah untuk memberi ruang ini untuk sementara waktu sahaja, selepas itu kita terpaksa beri kepada orang lain. Terutama bagi mereka yang selepas 10 tahun ke atas mereka terpaksa kosongkan tempat perniagaan mereka.

Kemudian, saya hendak rujuk kepada Butiran 01400 - Peniaga-peniaga Kecil. Saya lihat dalam dokumen ini jumlahnya hanya kosong. Saya tidak tahu fasal apa kosong. Jadi, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana perniagaan-perniagaan kecil ini pun juga penting. Kalau kita lihat di negara Jepun khususnya, bukan perniagaan kecil tetapi IKS, kebanyakan syarikat-syarikat yang maju sekarang di Jepun adalah berasas daripada syarikat-syarikat kecil. Jadi, saya kira pihak kementerian patut beri penekanan kepada perkembangan dan kemajuan peniaga-peniaga kecil ini.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Ya.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Sila gulung.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Pengerusi, satu lagi saya ingin merujuk kepada Butiran 02000 - Infrastruktur Kawasan Perindustrian. Sebagaimana yang telah saya nyatakan Mersing ada satu kawasan perindustrian dan saya difahamkan kawasan tersebut telah dijual atau diambil oleh pelabur-

pelabur, tetapi malangnya setakat sekarang ini hanya satu sahaja pelabur yang telah mula membina bangunan kilang mereka.

Jadi, saya hendak tahu bilakah yang lain itu hendak membina kilang mereka dan adakah pihak kementerian mengenakan syarat supaya ada satu tempoh bagi mereka untuk mendirikan kilang kerana kita mahu dengan adanya kilang ini akan memberikan manfaat kepada penduduk setempat dari segi pekerjaan.

Tuan Pengerusi, jadi, saya rasa itu sahaja. Sekian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Muar.

8.16 mlm.

Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin [Muar]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya hendak memberi sedikit pandangan tentang MARA. MARA telah ditubuhkan dalam tahun 1965, sebelum itu nama MARA itu ialah Rural Industrial Development Authority (RIDA). Tujuan kita menubuhkan MARA ialah hendak memberi latihan dan hendak mempromosikan kaum bumiputera dalam bidang perniagaan dan perindustrian. MARA telah berlanjutan selama 30 tahun, dalam beberapa bidang MARA telah berjaya, cemerlang dalam bidang pendidikan dan pelajaran.

Semasa Allahyarham Tun Razak hidup dahulu pun, saya pernah berbincang dengan beliau dan beliau bersetuju supaya MARA menumpukan tugas-tugasnya dan usaha-usahanya dalam bidang pendidikan. Itulah sebabnya

kita tubuhkan MRSM. Dahulu ITM duduknya di bawah MARA, tetapi kita pindahkan ITM kepada Kementerian Pendidikan.

Saya mengucapkan setinggi tahniah kepada MARA yang telah berjaya memberi bimbingan dalam bidang pendidikan dan beribu-ribu anak-anak bumiputera yang telah berjaya sama ada daripada latihan (training) dan biasiswa sebagainya disebabkan oleh MARA. Dalam bidang lain, MARA tidak begitu berjaya, kita boleh katakan MARA gagal dalam bantuan pinjaman wang, misal kata, sebagai seorang bumiputera kita berasa malu bila kita dengar MARA kata, hendak pungut RM200 juta pinjaman yang tidak dibayar. Begitu juga banyak industri dan syarikat-syarikat ditubuhkan oleh MARA gagal.

Bila kita tubuhkan MARA dalam tahun 1965 ...

Tuan Zainal Abidin bin Osman: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Mersing bangun.

Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin: Ya.

Tuan Zainal Abidin bin Osman: Tuan Pengerusi, tumpang tanya sedikit. Sebentar tadi Ahli Yang Berhormat bangkitkan berkenaan dengan hutang pelajar-pelajar MARA. Jadi, kalau tidak silap saya kerajaan di bawah Kementerian Pendidikan akan memungut bayaran bulanan atau bayaran balik hutang ini melalui Jabatan Hasil Dalam Negeri, kalau tidak silap saya dan kita akan bahaskan rang undang-undang ini tidak berapa lama lagi.

Jadi, saya hendak tahu adakah Yang Berhormat bersetuju kalau pungutan bayaran balik itu kita bayarkan melalui Jabatan Hasil Dalam Negeri?

Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin: Terima kasih. Tuan Pengerusi, yang saya maksudkan ialah pinjaman untuk perniagaan dan industri. Pinjaman untuk latihan ataupun pendidikan itu tidak bayar pun tidak mengapa. Bila kita tubuhkan MARA, UDA belum ditubuhkan lagi. Bank Pertanian pun tidak ditubuhkan, Bank Pembangunan pun tidak ditubuhkan, SEDC pun tidak ditubuhkan juga lagi. MARA ditubuhkan hasil daripada Kongres Ekonomi Bumiputera I. Ada tiga pertubuhan yang ditubuhkan, pertama MARA, kedua, Bank Bumiputera Malaysia Berhad, ketiga - FAMA yang saya diberi peluang untuk memimpinya.

Tuan Pengerusi, saya suka cadangkan selepas 30 tahun MARA ditubuhkan, kita kaji semula fungsi-fungsi dan tugas-tugas MARA. Ada tugas-tugasnya yang berlapis dengan tugas-tugas perbadanan-perbadanan yang lain dan saya suka mencadangkan supaya MARA jangan terlibat dalam bidang perindustrian dan saya juga suka mencadangkan supaya MARA jangan terlibat dalam bidang kewangan, memberi pinjaman wang.

Saya juga suka mencadangkan supaya MARA jangan terlibat dalam hal ehwal securities, saya suka mencadangkan supaya MARA menumpu perhatian dan tugas-tugasnya dalam bidang pendidikan dan latihan. Pendidikan pun telah luas, telah menjadi satu industri, latihan pun banyak, bukan latihan kemahiran sahaja, latihan hendak mewujudkan usahawan bumiputera.

Jadi, dari pandangan itu saya harap MARA akan mengambil perhatian yang serius dan kalau boleh ditubuhkan satu jawatankuasa mengkaji semula peranan-peranan MARA ini, kita tidak mahu wang rakyat dibelanjakan beratus-

ratus juta Ringgit tetapi kekesanannya tidak begitu memuaskan. Kita melihat peruntukan MARA untuk Kepala Bekalan lebih dari RM850 juta, untuk pembangunan lebih dari RM300 juta, MARA alone mempunyai peruntukan lebih daripada RM1 bilion. Jadi, tugas-tugas dan tanggungjawab MARA adalah berat dan saya tahu kebanyakan pegawai-pegawai MARA sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tambun tadi, prestasinya tidaklah memuaskan kita. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Jerlun.

8.23 mlm.

Dato Haji Hanafi bin Ramli [Jerlun]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya hendak menyentuh Butiran 00100 - Perbadanan Kemajuan Negeri. Akhir-akhir ini kita dapati pihak kementerian banyak menumpukan perhatian kepada projek-projek yang dijalankan oleh kementerian seperti program untuk hendak memperbanyakkan bumiputera menengah dalam perniagaan, program francais dan sebagainya, sedangkan kedudukan perbadanan-perbadanan kemajuan negeri tidak diambil berat sangat oleh kementerian akhir-akhir ini, sedangkan perbadanan kemajuan ekonomi peringkat negeri ini adalah satu daripada agensi yang diletakkan di bawah kementerian dan perbadanan ini juga sudah hampir 20 tahun lebih yang diwujudkan dan dengan itu mereka mempunyai aset yang berbilion-bilion Ringgit.

Jika ini tidak diambil perhatian oleh kementerian setiap SEDC peringkat negeri menjalankan pengurusan, pentadbiran mereka dengan cara tersendiri, dengan cara dan gaya bebas mereka, maka ini kita dapat lihat ada SEDC yang

begitu maju, ada SEDC yang lemah. Jadi, jika kementerian walaupun wakil kementerian ada di dalam SEDC ini sebagai ahli lembaga pengarah dan boleh memberikan pandangan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah SEDC-SEDC ini tetapi mungkin itu tidak mencukupi dan mungkin jika kementerian dapat mengkaji semula tentang peranan dan tugas kementerian mengenai dengan SEDC ini mungkin kementerian dapat membantu supaya SEDC ini menjadi satu gergasi yang besar dari segi perniagaan, mungkin ini jika dicantumkan semua SEDC di bawah satu pentadbiran dan pegawai-pegawainya dapat ditukarkan di antara satu SEDC dengan satu SEDC yang lain, dengan demikian mereka boleh berkongsi pengalaman, berkongsi kepakaran dan dengan demikian tidaklah akan wujud SEDC yang lebih hebat dan akan terdapat pula SEDC yang tidak dan kurang hebat.

Jadi, perkara yang sudah ada dalam tangan kita ini, kita tidak mengambil berat kesudahannya, sebaliknya kita mencari program-program baru menonjolkan projek-projek baru sedangkan projek yang sudah berpuluh tahun yang kita bina, kita tinggalkan begitu sahaja.

Jadi, saya berpendapat dari segi prestasi, SEDC-SEDC di peringkat negeri ini pun kementerian kena lihat, dari segi struktur pentadbirannya, pengurusannya dan dari segi aktiviti-aktiviti SEDC itu sendiri, banyak sangat sudah dalam forum-forum kita bercakap tentang bertindih tindannya kegiatan SEDC, tentang menjadi persaingan yang besar kepada bumiputera yang dilatih juga oleh kerajaan dalam bidang keusahawanan ini, terpaksa hendak kena berjuang ataupun hendak kena bersaing dengan syarikat-syarikat kepunyaan

SEDC. Kemudiannya bila projek-projek ini diperolehi oleh syarikat-syarikat SEDC ini, subsidiari kepada SEDC ini, kalau mereka dapat mentadbirkan, mendapat keuntungan, itu satu hal, tetapi dengan pengaruh dan kemahuan mereka, dengan wang modal yang ada kepada mereka, dengan kepakaran yang ada kepada mereka, akhirnya dengan kerana mungkin tidak ada amanah mungkin tidak ada perasaan kekitaan di dalam pengurusan mereka, maka projek-projek melalui anak-anak syarikat itu yang mereka urus rugi pula, sedangkan bumiputera yang tulen yang mempunyai kewibawaan di dalam hendak menguruskan projek-projek ini jika diberi peluang mungkin boleh berjaya tetapi tidak dapat.

Jadi, saya berpendapat Kementerian Pembangunan Usahawan ini dalam masa yang sama melalui anak-anak syarikat melalui jabatan-jabatan seperti MARA dan sebagainya memang menggalakkan hendak melatih, hendak mewujudkan ramai bumiputera, tetapi dalam masa yang sama di bawah kementerian ini juga ada SEDC, ada perbadanan yang menjadi saingan kepada peniaga-peniaga.

Jadi, saya tak tahulah di mana perkara ini harus kita hendak wujudkan lagikah sehingga tahun 2000. Jadi, dengan Menteri yang baru, Timbalan Menteri yang baru boleh cakap orang putih, boleh cakap Melayu, boleh cakap Arab pula ini, saya tak tahulah boleh cakap Siam pulakah? *[Ketawa]* Saya sempadan dengan Thailand bolehlah sedikit-sedikit kalau hendak cakap bolehlah.

Jadi, barangkali kenalah tunjukkan sedikit daya karisma, kebolehan kita, kepintaran Yang Berhormat Menteri, dan Timbalan Menteri ini untuk hendak melihat balik, jangan sehingga tahun 2000 pun kita hendak kena bercakap perkara yang ini juga dahlah dok bercakap yang ini pada tahun 1969 hingga sekarang ini bukan sahaja rakan saya daripada Muar ini, tetapi saya dahulu pun hebat juga daripada tahun 1969 hingga sekarang. Jadi, dok bercakap tak habis-habis fasal masalah pertindihan, fasal masalah hendak penaikkan orang Melayu, nasib baiklah kita pun naik juga, kalau kita pun tak naik hendak bercakap fasal Melayu naik apa? Ada yang turun juga ya, tetapi sekarang ini Alhamdulillah, dok naik juga. Wakil rakyat pun 20 tahun lebih dah. Jadi, saya nampaklah ini kena ambil sedikit perhatian, kena betulkan balik, kena lihat dari segi semua sekali.

Kemudian SEDC ini pula, setengahnya ia tidak bertanggungjawab, dia pinjam duit dari Kerajaan Persekutuan melalui kerajaan negeri. Kerajaan negeri yang pinjam duit beri kepada dia, dia pergi belanja. Bila dapat untung, dia tak bayarkan kepada kerajaan negeri. Kemudian dengan pengurusan yang ada itu macam-macam mereka boleh buat, kita yang biasa jadi kerajaan di peringkat negeri ini kalau dok bercakap CEO bayarlah hutang, dia tak ada hendak bayar hutang.

Jadi, sampai satu masa saya cadangkan, mana ada tanah kerajaan negeri itu, valuekan tanah kerajaan negeri, tukarkan jadi tanah kepunyaan Kerajaan Persekutuan untuk hendak tukar balik segala hutang yang depa hutang tak hendak bayar ini. Jadi, incomenya dalam masa yang sama pula, dok tahu dah

SEDC ini pun tak hendak bayar hutang kepada kerajaan negeri dan kerajaan negeri tak boleh hendak bayar hutang kepada Kerajaan Persekutuan, Kementerian Pembangunan Usahawan beri lagi, ini saya tengok dalam belanjawan RM100 juta lagi beri, murah sungguhlah, masa hendak beri duit hak orang. Jadi, hendak beri pandai sangat, hendak kutip balik tak boleh. Kalau berniaga macam itu sudah lama tutup kedai. Jadi, macam mana pun saya berterima kasih banyak kepada MARA dan kepada Kementerian Pembangunan Usahawan khususnya dalam MARA. Memang saya akui, memang MARA ini membimbing bumiputera banyak yang berjaya, saya pun tanpa bimbingan MARA pada tahun 1970 mungkin saya pun tidak berjaya dalam perniagaan.

Jadi, Alhamdulillah, kerana bimbingan MARA dan saya pinjam duit MARA dan saya bayar dah. *[Ketawa]* Hendak beritahu kepada Muar, saya hutang MARA saya bayar dan saya hendak meyakinkan diri saya supaya saya mesti disiplinkan cek-cek semua saya joint venture sign dengan pegawai MARA, without pegawai MARA punya signature tak laku cek ini. Ha, itu dia! Jadi, baru saya boleh disiplinkan diri saya dan saya bayar habis, sebab itu kalau saya jadi kontraktor pada tahun 1970 daripada Kelas 'F' tujuh tahun saya boleh naik sampai Kelas 'A' dengan bimbingan MARA. Hutang lima duit pun kita tidak tangguh, kita bayar selesai habis. Boleh cek saya punya track record. Dahululah, sekarang tak jadi kontraktor dah. Sekarang lebih dari kontraktorlah. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Sekarang tauke bas?

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: Sekarang tauke bas ada belakalah. *[Ketawa]* Jadi, yang keduanya, bila kita telah berjaya, kemudian dari segi program pelaksanaan ini sungguhpun MARA berjaya, tetapi kita bila kita berjaya, kita mestilah hendak kena teruskan lagi supaya perjuangan kita belum selesai, pemimpin besar pun kata perjuangan belum selesai. Kita pun masih belum selesai.

Jadi, saya hendak sentuh balik seperti rakan-rakan yang lain dalam kawasan saya dalam Parlimen Jerlun ini. Di pekan Kodiang sejak daripada saya jadi ADUN dari tahun 1978 lagi MARA di situ hendak buat satu bazar MARA, sehingga sekarang ini minggu sudah saya balik pergi ke Pekan Kodiang pun tak naik-naik juga. Building plan pun sudah approve, peruntukan ada. Tuan Tanah tidak mahu beri tanah itu, kemudian pergi lawan di mahkamah. Tunggu mahkamah punya kelulusan sudah 20 tahun. Sekarang mahkamah dah lulus. Ha! Kiranya MARA dah menang saya harap bawa balik semulalah duit itu, bukan banyak dalam RM1 juta lebih sedikit sahaja. Jadi, itu MARA hendak tolong buat baliklah, Arked MARA di pekan Kodiang.

Di samping itu, Pusat Giat MARA. Dahulu kawasan Parlimen Jerlun ini adalah satu kawasan Parlimen yang baru diwujudkan hasil dari perpecahan Jerlun-Langkawi. Sekarang Jerlun ada sendiri, Langkawi ada sendiri. Jadi, bila kita ini satu kawasan Parlimen yang baru, konsep kementerian untuk mewujudkan satu kawasan Parlimen, satu Pusat Giat MARA bagi Jerlun ini belum ada lagi, jadi, bila saya kemukakan dahulu kepada Yang Berhormat Menteri, dia beritahu kata MARA ini ada sedikit masalah dari segi pengurusan kewangan.

Jadi, belanja dahulu cara haram, jadi Treasury hendak halalkan balik, jadi peruntukan yang ada itu tidak boleh digunakan. Minggu sudah Yang Berhormat Menteri sudah umumkan bahawa sudah lulus berapa juta boleh hendak buat balik. Jadi, saya tengok peruntukan untuk negeri Kedah ini RM1.3 juta untuk buat Pusat Giat MARA. Jadi, RM1.3 juta itu patutlah diberikan kepada kawasan Parlimen Jerlun.

Saya telah membawa pegawai-pegawai MARA, ada satu tapak yang kita beri tanah itu ialah tanah diwakaf oleh orang tertentu yang berkaitan dengan pendidikan tetapi baru-baru ini diberitahu kepada saya tidak mahu pula tanah itu, saya cari lagi sebidang tapak di kawasan Jerlun kita ada pusat pertumbuhan desa, tanah sudah pun dibeli 54 ekar dan tanah ini sudah pun ditambah sebanyak 36 ekar dan saya harap pegawai-pegawai MARA dan pihak kementerian boleh berhubung dengan Pengarah Unit Perancang Ekonomi untuk mendapatkan seberapa luas yang mereka mahu supaya dapat didirikan, supaya jangan lagi jadi alasan tanah ini menjadi masalah.

Saya tidak rusing macam Ahli Yang Berhormat rakan saya dari Mersing yang dekat ini, bekas bank officer ini, ya, dia hendak minta juga beri dia satu projek

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung ya.

Dato Haji Hanafi bin Ramli: Tuan Pengerusi, ya dok gulunglah ini. *[Ketawa]* Dia takut by election akan datang beri dia satu projek, belum tahu kita boleh bertanding lagi Yang Berhormat pada masa yang akan datang.

[Ketawa] Barangkali saya tentulah kot! *[Ketawa]* Jadi, saya pun begitu juga, kalau dapat yang itu modal besarlah kita.

Kemudian dahulu, Maktab Rendah Sains MARA (Junior Science College) ini, dahulu dalam kawasan Tunjang, sekarang ini dia jadi kawasan Parlimen Jerlun. Dalam kawasan Tunjang saya dahulu tapak semua saya dah siap dah, hendak 40 ekar - 40 ekarlah. Daripada Tuan Haji Khalid jadi Pengerusi MARA pergi tengok: “Tak apa bang, semua boleh belaka, tak apa belaka.” Lama-lama tinggal ‘celepa’. Kemudian bawa mai pula Nazri, Nazri kata: “Kawasan itu akan siap abang pi, boleh siaplah, ini you tunggulah.” Tunggu sampai la - tak ada apa juga, habuk pun tak ada. Jadi, saya harap sekali ini di bawah Menteri dan Timbalan Menteri yang baru ini tolong buktikanlah keupayaan dan kemampuan kita, kalau tidak bukti yang itu, kita pun akan bukti kepada depalah yang kita tidak sokong depalah pula. *[Ketawa]* Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tanjong Karang.

8.41 mlm.

Tuan Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Tuan Pengerusi, terima kasih memberi peluang kepada saya untuk bersama mengambil bahagian dalam perbincangan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan. Saya ingin menyentuh Butiran 060000 mengenai MARA. Yang pertama sekali, saya ingin menyokong penuh apa yang telah disarankan oleh sahabat saya dari Muar kerana MARA ini ditubuhkan adalah untuk membantu golongan bumiputera. Oleh itu kita berharap bahawa MARA ini walalupun duitnya diberi oleh

Kementerian Kewangan tetapi janganlah MARA ini terikut-ikut dengan apa yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Saya mengambil dua contoh. Pertama, penghantaran pelajar ke luar negara, memang kita bersetuju dasar kerajaan supaya tidak menghantar lagi pelajar-pelajar ke luar negara supaya pengaliran wang tidak banyak pergi ke luar negara, oleh itu memang kita juga menyokong usaha MARA pada hari ini membuat program di dalam negeri. Tetapi kita juga ingin merayu kalau semua pelajar-pelajar tajaan MARA ini tidak dihantar ke luar negara, apa akan jadi kepada pelajar-pelajar kita? Kita harus menghantar kalau tak banyak pun sedikit kepada kursus-kursus yang tertentu, kepada universiti-universiti yang terkenal di luar negara supaya pelajar-pelajar kita ini terdedah dengan perkara ataupun dengan pengalaman mereka di luar negara.

Begitu juga dengan biasiswa/pinjaman, saya bersetuju supaya MARA tidak lagi memberikan biasiswa tetapi diberikan dalam bentuk pinjaman, JPA juga memberikan pinjaman, Tabung Pendidikan Nasional juga memberikan pinjaman, tetapi saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah benar bahawa dasar MARA pada hari ini yang memberikan pinjaman kemudian mana-mana pelajar yang mendapat keputusan yang cemerlang di dalam peperiksaan ijazah mereka pada hari ini, MARA menukar syarat pinjaman itu kepada bentuk biasiswa yang mana bayaran pulangan kepada MARA ini dikurangkan. Kalau pelajar ini mendapat first class ataupun second class, dia tidak payah bayar, kalau yang dapat third class mungkin kena bayar 25%, ini yang dilaksanakan sekarang. Tetapi hari ini kita

tahu kerajaan sudah tidak mengamalkan konsep seperti ini mahupun JPA ataupun Tabung Pendidikan Nasional, saya difahamkan kena bayar 100%, apakah MARA hari ini juga akan mengikut dasar JPA dan dasar Tabung Pendidikan Nasional ini.

Oleh itu kita merayu supaya MARA mesti mengekalkan statusnya, mesti kekalkan supaya anak-anak bumiputera ini lebih bersemangat untuk belajar. Kalau misal kata pelajar-pelajar atau dasar MARA ini mengikut semua dasar-dasar kerajaan, saya ingat lebih baik kita letak semua pendidikan ini di bawah JPA, tidak perlu ada MARA kerana MARA ditubuhkan untuk menjaga kepentingan bumiputera.

Tuan Pengerusi, jadi, memandangkan kita pada hari ini khasnya MARA tidak menghantar lagi atau kurang menghantar pelajar-pelajar ke luar negeri, maka kita dapati pada hari ini MARA telah pun memilih pelajar-pelajar yang 'cream' yang cemerlang, pelajar-pelajar ini yang SPMnya baik-baik belaka, hendak dapat masuk skim MARA ini pun bukannya mudah kalau pelajar ini tidak mendapat keputusan yang baik dan hari ini kita dapati MARA menghantar pelajar-pelajar ini ke Politeknik ataupun sekolah-sekolah swasta untuk membuat American Degree ataupun membuat A-Level.

Jadi, persoalan yang saya ingin timbulkan pada hari ini, apakah pelajar-pelajar yang diberi peluang untuk belajar di sekolah-sekolah swasta di dalam negeri ini membuat A-Level ataupun American Degree, apakah mereka ini diberi perhatian yang sepenuhnya kerana kita dapati ada juga pelajar-pelajar yang gagal, yang mungkin tidak mencapai matlamat ataupun kriteria yang

MARA tentukan seperti kalau hendak pergi ke luar negara, sekurang-kurangnya mendapat lima point, tetapi kita tidak nafikan sama ada silapnya kolej itu sendiri kerana kita pun tidak tahu bagaimana MARA memilih kolej-kolej tertentu ini untuk menghantar pelajar-pelajar ini sama ada kekurangan kelengkapan sekolah-sekolah berkenaan itu lengkap ataupun tidak, hari ini kita dapati ada pelajar-pelajar yang 'cream' ini tidak mencapai matlamat lima point ini, mungkin hanya tiga point.

Jadi, pelajar-pelajar ini harus dibela, harus dijaga, sekurang-kurangnya mereka ini dipanggil dan diberikan bimbingan, diberikan kaunseling supaya mereka ini diberi tempat pula untuk belajar di dalam negeri, kalau pun mereka ini nanti tidak dapat pergi ke luar negeri tetapi sekurang-kurangnya diberi peluang kepada mereka untuk melanjutkan pelajaran di dalam negeri. Memang kita tidak nafikan bahawa MARA memang akan memberi bantuan kepada pelajar-pelajar yang kurang berjaya ini tetapi apabila mendapat tempat mereka ini akan disambung semula biasiswa mereka. Tetapi kita dapati pada hari ini, ramai juga pelajar yang tercicir. Jadi, oleh itu saya harap semua pelajar-pelajar yang 'cream' ini, yang dipilih untuk mengikuti kursus-kursus tertentu ini harus diberikan perhatian supaya mereka nanti tidak kecewa kerana sudah tentu apabila melihat rakan-rakan mereka yang lain berjaya, mereka akan kecewa dan amat malang sekali, pelajar yang begini cemerlang, kalau mereka tertinggal untuk mengejar cita-cita mereka.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh mengenai pinjaman MARA. Saya bersetuju kalau MARA ini memberikan pinjaman kepada pelajar-pelajar

yang ingin melanjutkan pelajaran di dalam negeri, tetapi saya ingin mencadangkan juga kalau boleh berilah juga peluang kepada pelajar-pelajar kita yang memasuki sekolah-sekolah swasta yang membuat twinning programme dengan luar negeri, bukan sahaja di dalam negeri, di luar negeri pun, sudahlah mereka ini tidak merasa pergi ke luar negeri, oleh itu kita harus memberi peluang kepada mereka untuk mendapat ijazah dari luar negeri melalui program-program twinning dari sekolah-sekolah swasta.

Pada hari ini, kita dapati MARA hanya memilih sekolah-sekolah yang difikirkan sekolah-sekolah swasta ataupun IPTS yang diiktiraf. Jadi, saya ingin mencadangkan kalau boleh jangan dipilih sekolah, harus diberikan penilaian dari kursus yang diambil. Ia tidak kira daripada sekolah swasta dimana pun mereka belajar, tetapi kalau misal kata mereka mengambil ijazah engineering sebagai contoh ataupun lain-lain ijazah yang diiktiraf oleh kerajaan kita, maka pelajar-pelajar seperti ini harus diberi peluang dan kalau MARA tidak membantu pelajar-pelajar untuk melanjutkan pelajaran di IPTS tempatan, sampai bila pun kita akan dapati bahawa peluang bumiputera untuk memasuki sekolah-sekolah IPTS ini akan lambat ertinya bilangannya akan terus berkurangan.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya ingin menyentuh Pusat Giat MARA. Saya pun sama seperti Ahli Yang Berhormat dari Jerlun, kita pun sudah ada tapak, jadi kita harap Pusat Giat MARA akan dapat terus menunaikan hasrat dan harapan mereka untuk menubuhkan di setiap kawasan Parlimen akan diwujudkan satu Pusat Giat MARA kerana Pusat Giat MARA ini kita dapati

akan memberi bantuan kepada pelajar-pelajar yang tercicir kerana pada hari ini kita terlampau memberikan tumpuan kepada pelajar-pelajar yang berjaya. Hari ini pelajar-pelajar yang tercicir ini, yang tidak ada kelulusan akademiknya maka mereka mestilah melalui Pusat-pusat giat MARA ini, hendak masuk IKM pun hari ini bukan mudah, sudah naik kelulusannya ke taraf SPM.

Jadi, bagi mereka yang tidak mempunyai akademik yang baik, maka mereka mungkin ada bidang-bidang kemahiran yang boleh mereka ikuti. Oleh itu kita harap melalui Pusat Giat MARA yang akan dibuat di setiap kawasan Parlimen ini, maka kita akan dapat melatih tenaga mahir di masa-masa hadapan. Dan hari ini kita membaca surat khabar Yang Berhormat Menteri mengatakan IKM akan memulakan kursus-kursus IT, saya ingin menyeru janganlah diberi kepada IKM sahaja, beri peluang juga kepada Pusat-pusat Giat MARA ini untuk mengadakan kursus-kursus IT. Jadi, kalau peranan untuk mewujudkan Pusat Giat MARA ini dengan kursus-kursus yang kemaskini, maka kita percaya bahawa menjelang tahun 2020 kita akan dapat melahirkan tenaga yang mahir. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Teluk Intan.

8.44 mlm.

Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Kali akhir saya dapat peluang juga untuk berucap.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, ini tidak benar, setiap kali Yang Berhormat memang dapat peluang.

Tuan M. Kulasegaran: Bukan, pada kementerian ini.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tidak Yang Berhormat. Tetapi sekali sekala, saya kena ambil kesempatan ini untuk memahamkan Yang Berhormat ya, tidak semestinya setiap kali Ahli-ahli Yang Berhormat yang bangun, tetap akan dapat peluang. Kadangkala dapat dan kadangkala tak dapat. Tetapi Yang Berhormat, biasanya Yang Berhormat sebagai orang baru pun diberi peluang juga. Ya, Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran: Tuan Pengerusi, saya berterima kasihlah kerana memberi peluang tetapi kalau kita hendak bersebang mengenai perkara yang sebelum ini, saya bersedia untuk

Seorang Ahli: Minta maaf!

Tuan M. Kulasegaran: Bukan. Kalau you hendak minta maaf - tolong minta maaf.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, saya beri peluang kepada Yang Berhormat untuk berbahas, bukannya untuk Yang Berhormat menyingkap kembali kepada apa yang berlaku tadi itu. Itu pun saya rasa, itu keputusan kerusi.

Tuan Noh bin Omar: Tuan Pengerusi, point of order.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu Yang Berhormat. Saya rasa hari sudah suntuklah Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Tuan Noh bin Omar: Tidak, saya

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu Yang Berhormat Teluk Intan ya, boleh mulakan ucapan Yang Berhormat besok.

Tuan M. Kulasegaran: Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

Majlis bersidang sebagai Majlis Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Ong Tee Keat]: Majlis mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.45 malam.